

**Jilid III
Bil. 18**



**Hari Khamis
18hb Julai, 1985**

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Cuti Y.B. Datin Paduka Rafidah Aziz—Kebenaran [Ruangan 3373]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3373]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Jalan Persekutuan (Pindaan) [Ruangan 3438]

USUL:

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 3508]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Persimpangan di Bulatan Jalan Kepong [Ruangan 3509]



MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.**

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).**

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, **DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).**

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).**

„ Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).**

„ Menteri Luar Negeri, **Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).**

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).**

„ Menteri Pengangkutan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**

„ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).**

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).**

„ Menteri Perusahaan Awam, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).**

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).**

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).**

„ Menteri Pelajaran, **DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).**

„ Menteri Penerangan, **DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).**

Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).

- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSI AH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ TAN SRI DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, P.M.N., D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).

Yang Berhormat DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).

- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO' JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).

Yang Berhormat DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).

- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).

- Yang Berhormat TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita:

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 18hb Julai, 1985

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Mesyuarat)*PENGUMUMAN TUAN
YANG DI-PERTUA**Cuti Y.B. Datin
Paduka Rafidah Aziz—
Kebenaran**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak memberitahu Dewan iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25-4-1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Datin Paduka Rafidah Aziz, Ahli Dewan Rakyat bagi kawasan Kuala Kangsar selama 2 minggu dari 15 Julai, 1985 hingga 26 Julai 1985 kerana beliau mengetuai rombongan rasmi Kerajaan menghadiri Persidangan Wanita Bangsa-bangsa Bersatu di Nairobi, Kenya.

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Omar bin Abdullah.

(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Omar bin Abdullah tidak hadir)

TOL LEBUHRAYA JITRA—
BUKIT KAYU HITAM

2. Tuan Tan Kok Hooi minta Menteri Kerja Raya menyatakan pengutipan tol Lebuhraya Jitra—Bukit Kayu Hitam telah mengalami kerugian teruk. Kenapakah satu kajian yang teliti tidak dilakukan terlebih dahulu sebelum perlaksanaannya. Memandangkan ini, adakah Kementerian bercadang untuk menghapuskan kutipan tol di sana.

Menteri Kerja Raya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak tepat bahawa kutipan tol bagi Lebuhraya Jitra—Bukit Kayu Hitam telah mengalami kerugian teruk. Sebaliknya semenjak kutipan di lebuhraya itu dikuatkuasakan pada 1-4-1985, jumlah kutipan tol setiap bulan adalah mencukupi untuk menampung kos operasi Tol Plaza. Kajian yang teliti telah pun dilakukan terlebih dahulu sebelum pelaksanaan Lebuhraya Jitra—Bukit Kayu Hitam itu.

Kementerian tidak bercadang untuk menghapuskan kutipan tol di lebuhraya itu.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya, menurut jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, beliau mengatakan jumlah tol yang dikutip itu hanya cukup untuk menampung operasi untuk tol sahaja. Bukankah logik mengutip tol untuk memberi sumbangan kewangan kepada Kerajaan, dan bukan kepada

operasi tol sahaja. Adakah ini logik untuk toll gate di mana-mana di Malaysia ini?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, pertimbangan bukan kita beri atas logik yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat. Walaupun jalan itu sudah siap lebih daripada 6 atau 7 kilometer dan selain jalan-jalan di lebuh raya itu sedang dalam pembinaan, sebab itu kita buat satu permulaan kita mengutip tol, jikalau tidak pun ada juga pengguna-pengguna jalan yang menggunakan jalan itu. Saya harap dengan toll station ini yang kita telah bina, kita boleh juga teruskan tol. Itulah polisi Kerajaan sekarang.

OFF—BUDGET AGENCIES (OBA)—BELANJAWAN

3. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah Belanjawan semua "Off Budget Agencies" Kerajaan; apakah punca-punca pembiayaannya, khususnya pinjaman/pemberian Kerajaan. Berapa yang untung/rugi. Bagaimana agensi-agensi ini dikawal dan diselaraskan. Adakah apa-apa rancangan untuk konsolidasi, dan "merger" mana-mana agensi-agensi ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini sebanyak 40 agensi-agensi luar belanjawan telah dikenalpasti dan dipilih untuk tujuan pengawasan di peringkat awal. Ini adalah berdasarkan kepada Badan-badan Berkanun dan syarikat-syarikat Kerajaan di mana Kerajaan memiliki equity lebih daripada 50% dan hasilnya melebihi 5 juta setahun.

Jumlah belanjawan bagi semua Agensi Luar Belanjawan ini bagi tahun 1985 adalah dijangka sebanyak \$22,773

juta, perbelanjaan ini terdiri daripada \$12,466 juta Perbelanjaan Mengurus dan \$10,306 juta Perbelanjaan Pembangunan. Punca-punca pembiayaan bagi agensi-agensi ini adalah dari berbagai-bagai sumber termasuklah pemberian oleh Kerajaan, pinjaman sama ada dari dalam atau luar negeri equity dan lain-lain sumber yang diperolehi oleh agensi-agensi tersebut. Jumlah lebihan semasa yakni setelah mengambilkira hasil dan Perbelanjaan Mengurus bagi Agensi-agensi Luar Belanjawan tersebut bagi tahun 1985 adalah dijangka sebanyak \$7,164 juta.

Tuan Yang di-Pertua, satu Jawatankuasa telah ditubuhkan di Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri dengan tujuan mewujudkan satu jentera pentadbiran bag mengkaji dan meluluskan perbelanjaan pembangunan agensi-agensi tersebut dengan mengambilkira kedudukan kewangan negara secara keseluruhannya. Garis panduan akan dikeluarkan tidak lama lagi mengenai pengawalan dan penyelarasan agensi-agensi luar belanjawan ini. Kerajaan akan memberi perhatian teliti terhadap agensi-agensi ini dan mengawasi perbelanjaan mereka sama seperti agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan negeri yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak mempunyai apa-apa rancangan pada masa ini untuk mengkonsolidasi ataupun "merger" mana-mana Agensi-agensi Luar Belanjawan ini. Walau bagaimanapun, kemungkinan perkara ini dilaksanakan di masa hadapan tidak dinafikan jika keadaan memerlukan kita berbuat demikian dan perbuatan itu akan mendatangkan faedah kepada Kerajaan keseluruhannya.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah PETRONAS dianggap sebagai sebuah agensi luar belanjawan dan adakah Kementerian Kewangan mempunyai kuasa untuk

mengawal dan menyelaraskan perjalanan kewangan PETRONAS oleh kerana PETRONAS bukan sahaja satu badan belanjawan profit dan juga ada reserve yang begitu besar, adalah sebuah pertubuhan yang sangat penting dalam ekonomi Malaysia.

Dato' Sabbaruddin Chik: Ya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan di antara off-budget agencies kebanyakan mereka ada mendapat pemberian kewangan dari Kerajaan Pusat dan sebahagian dari mereka ada meminjam wang dari luar negeri.

Saya ingin tahu bagi mereka yang dapat sumbangan dari Kerajaan Pusat adakah mereka bercadang mengembalikan sebahagian atau semua sumber kewangan yang diberi oleh Kerajaan Pusat dan di antara sumber kewangan dari Kerajaan dan sumber dari lain tempat adakah agensi tersebut menggunakan segala kewangan ini untuk menjalankan operasi mereka atau mereka yang hanya menggunakan untuk membina bangunan sendiri sahaja yang sangat memakan kewangan yang terlalu tinggi.

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya wang yang dimaksudkan itu pemberian (grant) maka ini tidak dibayar balik kerana itu merupakan pemberian. Kalau sekiranya sebagai pinjaman maka wang itu akan dibayar balik.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menerangkan bahawa perbelanjaan agensi-agensi luar belanjawan ini seperti juga agensi-agensi Kerajaan yang lain ataupun jabatan-jabatan, kementerian-kementerian yang lain mempunyai dua bahagian. Satu bahagian perbelanjaan mengurus dan satu lagi perbelanjaan pembangunan.

Pemberian yang diberi melalui grant oleh Kerajaan Persekutuan ini boleh dilakukan untuk pembangunan ataupun untuk pengurusan tetapi tidak betullah kalau dikatakan bahawa pemberian-pemberian ini hanya digunakan untuk bangunan atau pembangunan. Kalau pun untuk pembangunan ianya bukan untuk mendirikan bangunan-bangunan mahal sahaja seperti yang dibayangkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengapakah ukuran prestasi off-budget agencies ini diukur secara mendapat tahu kedudukan lebihan ataupun kekurangan kewangan dan tidak dapat diukur secara untung rugi sebagaimana halnya dalam akaun syarikat-syarikat.

Kedua, saya hendak bertanya, tidakkah Kerajaan hendak menggalakkan supaya off-budget agencies kita yang banyak ini yang mempunyai lebihan kewangan, mempunyai internally generated income dia sendiri, dengan izin, menggunakan punca kewangannya sendiri dan tidak lagi bergantung kepada punca pembiayaan daripada Kerajaan.

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, di mana badan-badan OBA ini sudah berjalan dengan baik dan mempunyai keuntungan dari operasinya sendiri maka badan-badan itu akan terus menggunakan wangnya sendiri untuk perbelanjaan-perbelanjaan sama ada perbelanjaan mengurus ataupun pembangunan tetapi yang saya maksudkan tadi setengah daripadanya mendapat pemberian daripada Kerajaan Persekutuan kerana badan-badan luar belanjawan ini tidak mencukupi sumber pendapatannya dari operasi-operasinya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya seterusnya hendak menjelaskan sedikit lagi berkaitan dengan hasil, kerana Yang Berhormat dari Ulu Nerus tadi bertanya mengapa kita mengira badan luar belanjawan (OBA) ini ditimbang dan dinilai dari segi untung rugi. Kalau dikira dari segi perbelanjaan mengurus dibandingkan dengan hasil yang telah diperolehi oleh 40 badan-badan OBA ini pada keseluruhannya tidak termasuk perbelanjaan pembangunan, bagi tahun 1985 kita dapati lebih hasil dibandingkan dengan perbelanjaan mengurus. Hasil dari semua 40 badan-badan ini ialah sebanyak \$19,630 juta sedangkan perbelanjaan mengurus hanya \$12,466 juta. Ertinya lebih sebanyak \$7,164 juta. Tetapi kalau dimasukkan pula perbelanjaan pembangunan bagi ke-40 badan-badan ini yang berjumlah sebanyak \$10,306 juta maka kekurangan terdapat sebanyak \$3,142 juta. Jadi, sebahagian daripada kekurangan setelah dimasukkan belanja pembangunan inilah maka perlu diberi grant oleh Kerajaan.

BANK ISLAM—BAYARAN ZAKAT

4. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan apakah kaedah yang diguna oleh Bank Islam Malaysia Berhad bagi menentukan had wajib Zakat pemilik-pemilik saham. Berapakah jumlah zakat yang dikeluarkan tiap-tiap negeri di mana cawangan-cawangan bank yang berkenaan ditubuhkan. Setakat ini apakah lapangan perniagaan yang dijalankan oleh syarikat takaful.

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkiraan jumlah bayaran zakat Bank Islam pada tiap-tiap tahun dihalusi dan diluluskan oleh Majlis Pengawasan Syariah Bank. Faktor-faktor yang diambil kira di dalam pengiraan tersebut antara lain

termasuklah jumlah modal berbayar Bank termasuk semua jenis cadangan (reserve), jumlah modal berbayar Bank yang dimiliki oleh badan/institusi yang tidak wajib membayar zakat, jumlah harta tetap Bank dan juga jumlah keuntungan/kerugian Bank daripada semua jenis operasinya.

Bagi tahun 1405 Hijrah, Bank Islam telah mengeluarkan zakat berjumlah \$435,442.00. Jumlah ini telah dibayar kepada Majlis Agama Baitulmal negeri-negeri di mana Bank tersebut menjalankan perniagaannya pada tahun berkenaan berasaskan kepada jumlah simpanan yang diperolehi melalui cawangan-cawangannya. Bagi Wilayah Persekutuan, jumlah zakat yang telah dikeluarkan ialah sebanyak \$339,286.00, Terengganu \$43,768.00, Kelantan \$24,781.00, Kedah \$23,731.00, Pulau Pinang \$2,192.00 dan Selangor \$1,681.00.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, Syarikat Takaful Malaysia Sendirian Berhad iaitu sebuah syarikat yang akan menjalankan perniagaan insurannya secara mengikut lunas-lunas Islam akan dilancarkan pada 1hb Ogos, tahun ini. Pada peringkat permulaan perniagaannya Syarikat Takaful ini akan menyediakan polisi-polisi dan skim-skim ataupun pelan-pelan insurans Takaful seperti Takaful Keluarga, Takaful Kemalangan Diri, Takaful Kebakaran, Takaful Kenderaan dan juga Takaful Pelbagai ataupun General Insurance. Polisi-polisi dan skim-skim yang lain akan juga diperkenalkan dari masa ke semasa dan apabila difikirkan perlu bagi memperkenalkan skim-skim yang baru itu.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan ingin saya tahu mengenai zakat yang dikeluarkan oleh Bank Islam ini caranya, iaitu adakah Bank Islam mengeluarkan zakat itu di atas nama perniagaan Bank Islam itu

sendiri ataupun zakat yang dikeluarkan itu zakat bagi mewakili penyimpan-penyimpan wang di Bank Islam. Sebab kalau sekiranya dikeluarkan zakat sebagai hak kepunyaan orang penyimpannya itu adakah Bank Islam telah minta izin dengan orang penyimpan itu hendak dikeluarkan zakat wang dia yang berada di Bank Islam. Sekiranya tidak minta izin, adakah sah hukumnya dalam Islam mengeluarkan zakat orang punya dengan tanpa minta izin?

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan pakar tentang zakat, maka itu saya mohon notis sebelum saya membuat fatwa-fatwa saya sendiri. (*Ketawa*).

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Tuan Yang di-Pertua, ada dua soalan daripada saya, satu daripadanya telah pun ditunaikan oleh saudara daripada Kuala Nerus.

Tuan Yang di-Pertua: Dia beritahu dia bukan pakar zakat.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Ya, tak apalah. Itu saya tak tanyalah kerana telah dijawab.

Yang keduanya, iaitu adakah Bank Islam.

Tuan Yang di-Pertua: Yang pertama dahululah.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Yang pertama itu telah disoal oleh Yang Berhormat dari Kuala Nerus tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi yang itu pertamalah.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Ya, saya berterima kasih.

Yang keduanya, iaitu adakah Bank Islam dalam masalah mengeluarkan zakat ini serupa dengan cara Tabung Haji, iaitu kerap kali saya terima laporan daripada Tabung Haji bahawa wang simpanan tuan telah dikeluarkan

zakat sedangkan wang saya tak sampai dalam kira-kira \$200, \$300 baki daripada pergi ke Mekah tahun lepas, tak fasal-fasal dia keluar zakat daripada wang saya sedangkan wang saya tak cukup nisab. Jadi soalnya adakah Bank Islam juga turut langkah Tabung Haji yang memang silap kerjanya itu?

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya tak tahu soalan yang pertama, tiba-tiba yang kedua sahaja, pelik juga itu. Seperti yang saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah pakar tentang ini. Kalau sekiranya terdapat kesilapan Tabung Haji, saya haraplah Yang Berhormat pergi berhubung dengan Tabung Haji sendiri. Dari segi zakat ini saya harap mohon notis supaya dapat kita memberi jawapan yang benar-benar betul dan tidak hanya setakat pandangan saya sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Khadri bin Sabran.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon membuat sedikit pindaan terhadap soalan No. 5, baris yang kedua, "Jabatan Perhutanan" itu sebenarnya ialah "Jabatan Perhilitan".

Tuan Yang di-Pertua: Minta pindaan.

Tuan Khadri bin Sabran: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

GAJAH-GAJAH LIAR— MEMINDAHKAN

5. **Tuan Khadri bin Sabran** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menerangkan mengapa Jabatan Perhilitan masih belum mengambil tindakan bagi memindahkan gajah-gajah liar di dalam beberapa Rancangan Tanah ke Taman Hidupan Liar.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perhilitan telah pun menjalankan beberapa operasi pemindahan gajah-gajah liar. Operasi yang pertama telah dijalankan di Negeri Terengganu iaitu di Pulau Buai pada bulan Disember, 1984. Ini diikuti pula dengan operasi pemindahan di Hulu Jeranggau dan Hulu Terengganu. Sebanyak 40 ekor gajah liar telah dapat dipindahkan dengan jayanya di dalam kedua-dua operasi itu ke kawasan Taman Negara (Bahagian Terengganu).

Kini, pihak Jabatan Perhilitan menumpukan perhatian untuk menjalankan operasi pemindahan gajah liar di kawasan Gula Padang Terap, Kedah. Terdapat lebih kurang 20 ekor gajah daripada 2 kumpulan yang akan dipindahkan daripada kawasan ini ke kawasan tadahan air Empangan Ulu Muda dan Pedu.

Di samping itu, perancangan telah pun dibuat untuk memindahkan gajah liar daripada 3 kawasan di Negeri Perak iaitu kawasan Besaut, Seberang Perak dan Bruas. Dianggarkan sebanyak 40 ekor gajah liar akan dipindahkan di dalam operasi nanti ke kawasan tadahan air Empangan Temenggor, Ulu Perak.

Pihak Jabatan Perhilitan juga telah mengenalpasti beberapa kawasan di Negeri Pahang yang mana operasi pemindahan gajah liar akan dijalankan. Kawasan-kawasan yang telah dicadangkan ialah Maran, Pekan dan Raub. Dijangkakan lebih kurang 53 ekor gajah liar akan dipindahkan di dalam operasi ini ke kawasan Taman Negara (Bahagian Pahang).

Ancaman gajah liar di kawasan pertanian dan perkampungan di negeri lain di Semenanjung Malaysia masih lagi terkawal. Pihak Jabatan Perhilitan mempunyai Unit Kawalan Gajah di

setiap negeri di mana ada dijumpai gajah liar bagi memberi bantuan kawalan serangan gajah liar.

Masalah gajah liar ini, Tuan Yang di-Pertua, wujud dari pembangunan pertanian yang menyebabkan kehilangan hutan secara besar-besaran. Gajah-gajah liar yang telah kehilangan habitatnya terpaksa keluar ke ladang-ladang untuk mencari makanan.

Jabatan Perhilitan mempunyai kemahiran untuk menangkap dan memindah gajah-gajah liar dari kawasan ancaman ke kawasan yang bebas dari pembangunan. Pihak-pihak Kerajaan Negeri hendaklah menyediakan kawasan hutan sebagai santuari hidupan liar untuk gajah-gajah tersebut. Kerja-kerja ini merbahaya dan memakan masa oleh kerana renjer-renjer hidupan liar perlu menunggu gajah-gajah liar keluar dari hutan. Kerja menangkap dan memindah gajah-gajah liar memerlukan peruntukan yang besar untuk menjayakannya. Semua pihak yang terlibat, iaitu Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri dan tuanpunya ladang-ladang besar hendaklah menyumbang dari segi kewangan kepada usaha Jabatan Perhilitan.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi ada menyatakan bahawa Jabatan Perhilitan telah melancarkan operasi pemindahan gajah-gajah liar di Terengganu dan merancang pula untuk melanjutkan operasi pemindahan tersebut di negeri-negeri Pahang, Perak dan Kedah tetapi tidak ada disebutkan mengenai operasi pemindahan gajah-gajah liar di negeri Johor. Jadi, soalnya adakah Jabatan Perhilitan ini menyedari bahawa di Johor juga terdapat ancaman-ancaman gajah-gajah liar ini, seperti di Rancangan Gugusan Tenggaroh dua

tahun yang lepas saya sebutkan ada 8 ekor gajah liar, sekarang ini sudah menjadi 21 ekor. Itu yang diketahui.

Tuan Yang di-Pertua: Berapa tahun dahulu?

Tuan Khadri bin Sabran: Dua tahun dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: 8 sudah jadi 21. Macam mana, dia beranak banyak sangat. (*Ketawa*).

Tuan Khadri bin Sabran: Wallahualam, Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perhilitan mungkin mengetahuinya.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, adakah Jabatan Perhilitan ini menyedari bahawa semasa umat Islam sedang sebuk untuk merayakan Hari Raya Aidil Fitri ini terdapat seorang peneroka di Rancangan FELDA Tenggaroh Dua telah mati akibat daripada serangan gajah liar ini.

Yang ketiganya, adakah Jabatan Perhilitan ini juga menyedari bahawa Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, khususnya FELDA terpaksa membelanjakan wang yang besar di mana perbelanjaan itu akan dibayar pula oleh peneroka-peneroka bagi tujuan menyulam anak-anak kelapa sawit terutamanya yang dimusnahkan oleh gajah-gajah liar ini. Jika Kementerian ini menyedari tentang ketiga-tiga perkara itu tadi, apakah tindakan-tindakan Jabatan ini tidak mahu dilaksanakan di negeri Johor, khususnya di Rancangan Gugusan Tenggaroh seperti yang saya sebutkan itu tadi.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar di negeri Johor kebanyakan habitat gajah liar kehilangan akibat daripada pembukaan tanah dan hutan. Jabatan Perhilitan telah pun merangka satu rancangan untuk memindahkan gajah ke suatu tempat yang sesuai. Perkara ini akan dibincangkan dengan pihak

Kerajaan Negeri Johor untuk mendapatkan kerjasama daripadanya dan pihak-pihak tuannya ladang-ladang yang besar. Saya sangat mengharapkan kerjasama itu dari mereka ini.

Berkenaan accident yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, ini pun memang saya sedar tetapi ini satu accident yang, dengan izin, inevitable. Lain-lain perkara saya akan ambil perhatian.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, berapakah kos operasi memindahkan gajah-gajah di seluruh negara yang telah berjalan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi?

Yang kedua, adakah Yang Berhormat Menteri itu sedar bahawa dalam operasi pemindahan gajah yang dijalankan di daerah Ulu Terengganu ada gajah-gajah yang telah mati, kalau tidak silap saya empat ekor mati dan kalau gajah-gajah itu mati di tangan pekerja-pekerja, pegawai-pegawai perhilitan sendiri, bagaimanakah kedudukan mereka dari segi Akta Perlindungan Mergastua. Apakah mereka boleh didakwa di bawah Akta Perlindungan Mergastua?

Soalan yang ketiga ialah sama ada Menteri itu sedar bahawa gajah-gajah yang dipindahkan itu akhirnya datang balik ke tempat mereka yang asal dengan berenang dan sebagainya dan berita yang akhir yang saya dapat tahu daripada kawasan saya, gajah yang dipindahkan itu sekarang ini berada kira-kira barangkali 200 ela daripada daratan besar dan kalau beliau sedar bahawa gajah boleh balik semula ke tempat mereka walau bagaimana jauh sekalipun mereka dipindahkan, adakah Yang Berhormat Menteri bermaksud untuk memindahkan gajah-gajah ini semua ke Zoo Negara

supaya terselamat, mereka dikurung tak boleh balik ke tempat asal mereka?

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan yang ada jumlahnya ialah \$2 million untuk memindahkan gajah-gajah ke tempat-tempat yang sesuai. Saya akui ada gajah yang mati dalam proses menangkap tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat keadaan penangkapan sekarang adalah lebih baik dan diharap tidaklah lagi ada yang mati accident di masa yang akan datang.

Taman Negara sungguhpun luas tetapi pandangan saya tidaklah dapat gajah liar di seluruh negara dimasukkan ke Taman Negara itu. Jadi, saya bercadang dengan negeri-negeri seperti sanctuary dalam negeri masing-masing yang sesuai diberikan untuk menyimpan gajah-gajah liar yang ditangkap.

DOMESTIC VIOLENCE BAGI SURI RUMAHTANGGA

6. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah bilangan repot berkenaan "domestic violence" yang dibuat oleh suri-suri rumahtangga kepada pihak polis bagi tahun-tahun 1982, 1983, 1984 dan bagi tempoh Januari hingga Mei, 1985;
- (b) jenis-jenis tindakan yang telah diambil oleh pihak polis selepas repot-repot tersebut; dan
- (c) sama ada Kerajaan bertujuan mengemukakan satu "Domestic Violence Act" bagi melindungi uri-suri rumahtangga daripada suami-suami yang kejam.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, iumlah bilangan repot

berkenaan "domestic violence" yang dibuat oleh suri-suri rumahtangga kepada pihak polis bagi tahun 1982, 1983, 1984 dan antara Januari hingga Mei 1985 ialah sebanyak 2026. Pecahannya adalah seperti berikut:

1982	1983	1984	Jan-Mei 1985
536	575	630	285

Dari perangkaan itu sejumlah 17 Kertas Siasatan telah dibuka dan masih dalam siasatan. Bakinya sebanyak 2009 telah dirujuk kepada magistret atau, dengan izin, RTM (referred to Magistrate), atau dirujuk kepada Pejabat Kadi. 17 kes yang di dalam siasatan itu adalah merupakan kes kekerasan jenayah.

Buat masa sekarang Kerajaan tidak bercadang untuk meminda apa-apa undang-undang yang bersangkutan-paut mengenai perkara itu.

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri berkenaan sedar sentiasa ada aduan-aduan daripada kalangan suri-suri rumahtangga merasa kepentingan mereka tidak dijaga oleh polis dan pada masa sekarang ini bolehkah Timbalan Menteri berkenaan tunjuk apa undang-undang di negara kita ada memberi perlindungan pada suri-suri rumahtangga daripada suami-suami yang kejam?

Tuan Yang di-Pertua: Isteri yang kejam? (*Ketawa*)

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya terangkan tadi, mengikut jumlah repot yang diterima oleh pihak polis sebanyak lebihkurang, dengan izin, on the averagenya, 500 lebih kes tiap-tiap tahun mereka yang didapati bersalah, khususnya suami-suami yang kejam yang disebutkan oleh Yang Berhormat boleh diambil tindakan mengikut Penal Code yang sedia ada iaitu seksyen 323, 324, 325 dan 326

ataupun jika kematian berlaku boleh dituduh di bawah seksyen 302 menyebabkan kematian. Jadi, pihak Kementerian dan pihak Kerajaan berfikir bahawa ada undang-undang yang begitu lengkap yang terdapat sekarang untuk melindungi suri-suri rumahtangga jika berlaku kekerasan oleh pihak suami yang kejam itu.

Walau bagaimanapun tidak dapatlah pihak polis mengawal tiap-tiap rumah untuk memastikan suami yang kejam itu tidak mengambil tindakan yang tidak diinginkan kepada isterinya. Jika Yang Berhormat ingin volunteer menjadi juara bolehlah kita usahakan.

Wan Zainab binti M.A. Bakar: Saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri setakat mana kejam itu yang dikatakan kejam. Bolehkah Yang Berhormat beritahu, tampar, bunuh-bunuh tidak sampai lagi, tikam tidak matilah tetapi juga cedera dibuatnya, bolehkah Yang Berhormat beritahu? (*Ketawa*).

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, ini satu soalan yang amat sukar bagi saya menjawabnya tetapi kita semua sedia maklum bahawa perhubungan di antara suami isteri mestilah selalu baik, jika tidak baik pihak suami memukul umpamanya, memukul seorang isteri dengan tidak ada sebab bolehlah isteri itu mengadu kepada pihak polis ataupun pejabat kadi jika pasangan itu beragama Islam dan degree kejam atau tidak kejam itu terpulanglah kepada pihak polis menyiasatnya, sebab itulah saya sebut dalam jawapan saya tadi sebanyak 2,900 kes telah dirujuk kepada Magistrate, dengan izin, "referred to Magistrate" ataupun pejabat kadi sebab dalam anggapan polis mungkin itu tidak merupakan kejam sepertimana Yang Berhormat fikir kejam.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan saya adalah sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa dalam tempoh selama kurang lebih 6 bulan kebelakangan ini dua Seminar telah diadakan di Kuala Lumpur oleh kumpulan-kumpulan, organisasi wanita ke atas isu ini iaitu "Violence Against Women", dengan izin, dan keputusan am yang telah didapati bahawa ialah undang-undang yang ada sekarang tidak sesuai, tidak cukup lengkap untuk melindungi kaum wanita, bukan dalam rumahtangga sahaja tetapi luar dari rumahtangga seperti mereka yang terlibat dalam kes-kes rogol? Soalan saya yang pertama ialah adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, yang kedua, jika sedar, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bertujuan untuk mengadakan perundingan dengan pertubuhan-pertubuhan tersebut supaya memeriksa kemungkinan untuk meminda undang-undang supaya perlindungan yang lebih lengkap boleh diberikan kepada kaum wanita?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya terangkan tadi kita telah pun ada undang-undang yang lengkap iaitu di bawah Akta Keseksaan atau Penal Code Seksyen 376 siapa yang disabit kesalahannya merogol boleh dihukum penjara sehingga 20 tahun tetapi soalan hukuman itu terserahlah kepada mahkamah khususnya kepada Yang Dipertua Mahkamah ataupun kepada Hakim Mahkamah Tinggi. Ini soalan yang dipertanggungjawabkan kepada mahkamah. Jadi jika mahkamah itu menjatuhkan hukuman mungkin pihak Hakim pun mengambil kira faktor-faktor dalam kes tersebut. Walau terdapat rungutan daripada pihak kumpulan wanita bahawa kes-kes rogol ini tidak dihukum dengan begitu keras, tidak dapatlah saya

hendak membuat komen sebab itu di luar bidang kuasa Kementerian, ini terserah kepada mahkamah.

Tetapi saya akuihlah bahawa buat masa-masa yang lampau kes-kes rogol kian meningkat di negara kita ini dan untuk makluman didapati bahawa 40% daripada kes-kes ini disebabkan oleh wanita itu sendiri. Jadi saya ingin merayu kepada pihak wanita supaya tidak menyebabkan kes-kes ini berlaku bermakna "expose", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dan memberi layanan perumahan dan seterusnya, ini secara yang hakikat yang kita harus akui juga oleh pihak wanita. Walau bagaimanapun terserahlah kepada pihak kerajaan untuk meminda jika perlu Kanun Keseksaan itu.

PENGELUARAN PEKEBUN KECIL GETAH

7. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah usaha Kementerian bagi menjamin hasil pengeluaran Pekebun Kecil Getah mendapat hasil pulangan yang setaraf dengan pengeluaran susu mereka yang baik sekarang ini dari benih yang bermutu dan jangka masa menoreh yang singkat tetapi asyik membuat Getah Ketol (cup-lump) yang rendah mutunya.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan ini dan makluman Yang Berhormat jumlah hasil pulangan serta pendapatan pekebun kecil getah adalah ditentukan oleh faktor-faktor harga, daya pengeluaran dan mutu pengeluaran. Penentuan harga adalah diluar kemampuan Kementerian ini kerana ia ialah ditetapkan oleh keadaan pasaran getah dunia. Walau bagaimanapun Kementerian melalui

RISDA ada melaksanakan program untuk membeli getah dari pekebun-pekebun kecil yang bertujuan untuk memberi harga terbaik di peringkat ladang (farm-gate price).

Kementerian saya juga senantiasa berusaha untuk meningkatkan daya pengeluaran kebun dan pekebun-pekebun kecil. Ini termasuklah program-program seperti memperkenalkan benih-benih yang baik, penggunaan input-input pertanian, amalan pertanian moden, dan juga pengurusan ala-estet yang cekap melalui program mini-estetnya dan tanaman berkelompok.

Di samping itu Kementerian melalui Agensi-agensi sedang berusaha untuk menambah pendapatan para pekebun kecil melalui aktiviti-aktiviti luar ladang (off-farm) dan apabila aktiviti-aktiviti luar ladang ini bertambah maju pekebun kecil akan lebih mungkin berminat menjual hanya getah ketol (cup-lump).

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ada terdapat pegawai-pegawai yang hendak menolong pekebun-pekebun kecil getah ini tidak begitu berminat untuk menolongnya tetapi lebih berminat untuk mencari keuntungan daripada pekebun-pekebun kecil tersebut, misalnya memberi bantuan, membuat mini-estet dengan bayaran-bayaran yang tidak begitu bersepadan atau tidak benar-benar sampai kepada pekebun-pekebun kecil?

Jika Yang Berhormat Menteri sedar perkara ini dan juga kalau tidak sedar tetapi apakah tindakan ataupun siasatan yang dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri tentang perkara ini yang berlaku di daerah-daerah ataupun di jajahan-jajahan tempat terdapat pekebun-pekebun kecil?

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, dari segi tugas utama RISDA ialah tanaman semula ataupun tanaman semula kali kedua dan sebagainya. Dalam hal ini ada cara kaedah-kaedah seperti misalnya cara berkelompok atau cara mini-estet dan kaedah-kaedah ada peraturan-peraturannya pula dari segi kontrak dan sebagainya. Dan ini diawas oleh jabatan dan saya yakin bahawa di peringkat Kementerian dan juga jabatan kita memang memberi pandangan berat terhadap kepentingan pekebun-pekebun kecil sendiri dan saya harap kalau ada kes-kes tertentu dapat dikemukakan kepada Kementerian supaya tindakan sewajarnya dapat diambil.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan tambahan daripada Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah selain daripada apa yang diterangkan tadi oleh Yang Berhormat iaitu yang pertama apakah usaha yang dibuat oleh Kementerian Yang Berhormat khususnya RISDA bagi menarik kembali minat para-para pekebun kecil mengguna semula dengan sepenuhnya pusat pembangunan pekebun-pekebun kecil yang telah diberi pelbagai bantuan alat seperti takung, mesin, rumah asap dan lain-lain kemudahan bagi meningkatkan mutu pengeluaran mereka yang mana perkara-perkara tersebut sekarang ini kurang digunakan?

Tuan Yang di-Pertua, soalan kedua apakah usaha atau rancangan yang bersungguh-sungguh oleh Kementerian khususnya RISDA supaya menjamin semua pokok-pokok getah yang ditanam itu dapat ditoreh dan mendapat hasil dengan sepenuhnya?

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, dalam soalan yang pertama iaitu pusat pembangunan pekebun-pekebun kecil, kita sedang menyusun beberapa program antaranya ialah dipanggilkan SEPENTAS iaitu sistem menggalakkan tanaman semula dan juga kaedah yang dipanggil RESTU iaitu tujuh matlamat atau serampang tujuh mata RISDA iaitu antaranya menekankan penggunaan benih yang baik untuk menentukan hanya 5½ tahun "gestation" ataupun kembali hasil setelah ditanam semula, menjamin \$500 seekar sebulan pendapatan sekeluarga dari seekar dan juga cuba menggalakkan 1,700 kilogram untuk seekar pendapatan susu getah dan sebagainya.

Dan ini adalah di bawah rancangan SEPENTAS, RESTU dan juga baru-baru ini telah saya lancarkan Sepadu (Sistem Pertanian Bersepadu) atau "integrated approach" atau kaedah pertanian bersepadu di mana usaha-usaha sampingan seperti saya sebutkan tadi seperti pemeliharaan biri-biri dalam peringkat permulaan di mana sedang membiakkan benih dengan kerjasama pihak Jabatan Haiwan, pihak swasta dan juga RRIM untuk membiakkan baka-baka biri-biri dan sebagainya dan juga menghantar latihan kepada "trainers" untuk melatih pekebun-pekebun kecil. Jadi masalah penggunaan Pusat Pembangunan ini akan digalakkan dengan adanya kegiatan-kegiatan ini.

Soalan yang kedua ialah masalah menentukan supaya dapat pulangan pokok getah yang baik. Dari segi ini telah ditentukan dengan menggunakan pemilihan benih-benih yang baik di bawah RESTU tadi iaitu menentukan bahawa klon-klon ataupun benih-benih yang sesuai dari segi tempat misalnya di Padang Terap, oleh kerana keadaan musim kemarau yang panjang, kita bagikan

“variation” dan jenis benih yang digalakkan untuk ditanam, misalnya kalau ada kawasan yang selalu dilanda angin, ada kita bagi “variation” sedikit tetapi yang pentingnya di bawah kelolaan RISDA sendiri dan juga pihak RRIM.

STPM—SISTEM SIJIL TERBUKA

8. Tuan Quah Wee Liam minta Menteri Pelajaran menyatakan Sistem Sijil Terbuka bagi STPM dan apakah masalah-masalah yang dihadapi. Juga, bolehkah pelajar-pelajar yang diberi tawaran aliran Sains bertukar ke aliran Sastera.

Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1982 Kementerian Pelajaran telah memperkenalkan Sistem Persijilan Terbuka untuk peperiksaan STP dan di bawah sistem ini sijil akan dianugerahkan walaupun seseorang calon itu hanya lulus dalam satu mata peperiksaan sahaja.

Dari segi pengendalian peperiksaan dan penganugerahan sijil, sistem ini tidak mendatangkan apa-apa masalah.

Pelajar-pelajar boleh bertukar aliran dari sains ke sastera atau sebaliknya dengan syarat seseorang itu layak dalam kedua-dua aliran serta terdapat kekosongan tempat dalam aliran yang dipohon itu.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI—KESAN AKADEMISEN

9. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah akhir-akhir ini terdapat sebilangan kecil para ahli-ahli akademik tidak puashati dengan beberapa syarat yang termaktub di dalam Akta Universiti dan Kolej.

Adakah ini disebabkan oleh hasutan daripada anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian Pelajaran tidak menerima sebarang laporan yang menunjukkan adanya ahli-ahli akademik di universiti yang tidak berpuas hati dengan Akta Universiti dan Kolej Universiti disebabkan ada hasutan daripada pihak-pihak tertentu.

Tuan Othman bin Abdul: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kerajaan bercadang untuk menghapuskan Akta Universiti dan Kolej Universiti itu, kalau tidak mengapa?

Tuan Yang Dipertua: Soalan itu pada fikiran saya tidak berbangkit.

TABUNG BENCANA KEMARAU AFRIKA—KEJAYAAN

10. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan jumlah derma yang diterima daripada masyarakat Malaysia setakat bulan Julai, 1985 terhadap Tabung Bencana Kemarau Afrika dan apakah langkah-langkah telah diambil oleh Kerajaan bagi menentukan bahawa derma-derma ini tidak disalahgunakan dan derma-derma ini akan sampai kepada orang-orang yang berkenaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Jawan anak Empaling): Tuan Yang di-Pertua, setakat 6hb Julai, 1985 wang derma bagi Tabung Mangsa Kebuluran Afrika yang dikumpulkan oleh 12 penganjur utama berjumlah \$2,396,208.57 sen. Dari jumlah ini sebanyak \$2,041,190.10 sen telah dikirimkan kepada beberapa pertubuhan antarabangsa. Wang kutipan yang masih ada pada penganjur utama pada tarikh tersebut ialah \$355,018.47 sen.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah pun melantik sebuah Jawatankuasa Penyelaras Tabung Mangsa Kebuluran Afrika untuk mengawasi dan menyelaraskan semua kutipan derma bagi Tabung ini.

Jawatankuasa ini terdiri dari semua penganjur utama termasuk semua akhbar-akhbar tempatan dan lain-lain pertubuhan yang mengutip wang bagi maksud ini di bawah pimpinan Kementerian Kebajikan Masyarakat.

Semua wang kutipan ini disalurkan melalui Persatuan Bulan Sabit Merah dan Palang Merah dan Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah, Geneva, kecuali beberapa badan penganjur yang dibenarkan mengirinkan wang kutipan mereka kepada pertubuhan antarabangsa gabungan masing-masing seperti Majlis Gereja Malaysia kepada Majlis Gereja Sedunia, Geneva, Persatuan Malaysia Care kepada Care Fund, United Kingdom dan Chatholic Welfare Service, Malaysia kepada Charitas International, Rome, Italy. Ini adalah untuk memenuhi perjanjian mereka kepada penderma dan pertubuhan gabungan yang berkenaan.

Semua pertubuhan yang mengirinkan wang kepada pertubuhan antarabangsa dikehendaki mengemukakan bukti bahawa wang tersebut diterima oleh pertubuhan antarabangsa berkenaan serta laporan mengenai cara wang itu digunakan untuk membantu mangsa kebuluran di Afrika. Di samping itu semua penganjur utama dikehendaki melaporkan kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat mengenai kedudukan wang kutipan mereka dari masa ke semasa yang ditetapkan dan pengumuman akhbar dibuat mengenainya.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu bagi menentukan sebarang penyelewengan tidak berlaku, Jawatankuasa Pertubuhan yang sah

sahaja dibenarkan menjalankan kutipan derma. Pertubuhan yang ingin menganjurkan kutipan derma bagi tabung ini perlu memperolehi kebenaran dari Kementerian Kebajikan Masyarakat terlebih dahulu dan orang perseorangan tidak dibenarkan. Dengan kawalan tersebut adalah diharapkan bahawa sebarang penyalahgunaan terkawal dan wang yang telah terkumpul itu akan sampai kepada mangsa kebuluran di Afrika yang ditujukan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkenaan sama ada beliau mempunyai angka mengenai nama-nama negara yang di benua Afrika yang menerima derma daripada Malaysia ini yang berjumlah lebih \$2 juta dan berapa banyak yang diperuntukkan untuk setiap negara itu dan di samping itu suka juga saya bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada beliau sedar bahawa pada baru-baru ini ada dilaporkan dalam akhbar bahawa lebih kurang dua juta rakyat negara Sudan di Afrika yang mengalami masalah kebuluran ini tidak dapat menerima bantuan makanan ataupun bantuan perubatan, memandangkan bahawa Kerajaan Sudan enggan menghantarkan barang-barang itu kepada rakyat yang mengalami kebuluran itu dan saya hendak mendapat tahu sama ada Jawatankuasa Penyelaras itu yang telah ditubuhkan oleh Kementerian akan menyiasat perkara ini bagi tujuan untuk memastikan mengapa masalah ini telah berlaku?

Tuan Jawan anak Empaling: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikehendaki oleh Yang Berhormat itu jumlah-jumlah wang yang tertentu diterima oleh sesebuah negara sudah tidak dapat memberi dengan detail. Saya memerlukan notis ini, sebab ini berkaitan dengan negara-negara yang

menerima bantuan itu. Tetapi wang kutipan itu kita serahkan kepada Persatuan Bulan Sabit Merah dan Palang Merah Antarabangsa. Dari persatuan itu kita ada tahu juga, ada 20 buah negara yang mengalami kebuluran dan di negara Afrika. Dan dari 20 buah negara ini, the league dalam Afrika itu ada 'league delegates' yang bekerja di sana yang menentukan kutipan-kutipan derma dari beberapa negara ke sana. Kita ada wakil-wakil di sana. Seperti umpamanya di Ethiopia. League delegates di Ethiopia yang bekerja di sana ada 24 orang, di Sudan 16, dan di Mali 11. Angka-angka ini menunjukkan keadaan di sana sangatlah menyedihkan.

JEMAAH HAJI MALAYSIA DI MEKAH

11. Tuan Ibrahim Azmi Hassan minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah kata sepakat antara Tabong Haji dengan pihak berkuasa Kementerian Haji Arab Saudi hasil rundingan antara dua pihak yang berlangsung di beberapa bulan yang lalu.
- (b) apakah langkah-langkah dan program-program baru yang telah disusun tahun ini untuk memberikan lebih keselesaan jemaah-jemaah Haji Malaysia di tahun ini; dan adakah susunan-susunan rapi pada tahun ini lebih memberi kesan yang baik dari masalah-masalah yang berlaku di tahun yang lalu; dan apakah gambaran-gambaran keselesaan jemaah Haji Malaysia di Kota Suci pada tahun ini, dan bagaimana pula susunan-susunan jemaah Haji Malaysia di Mina.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob):
Tuan Yang di-Pertua, beberapa

perkara pokok telah dipersetujui dalam rundingan dengan pihak yang berkuasa Kerajaan Arab Saudi dan termasuk perkara-perkara seperti berikut.

Yang melibatkan perumahan, pada tahun ini rumah-rumah jemaah haji disewa sendiri oleh LUTH dan muassasah daripada tuan-tuan yang mempunyai bangunan. Ini adalah satu perubahan besar dibandingkan dengan keadaan sebelum ini di mana tempat menginap mereka telah dikawal secara langsung oleh syarikat haji atau muassasah dan ditempatkan tanpa ada perjanjian dan syarat-syarat. Insya Allah dengan perubahan baru ini sewa rumah dapat dipertahankan pada kadar yang menasabah dan kemudahan-kemudahan dapat ditambah dan segalanya adalah ditandatangani dan disampaikan kepada pihak Kementerian Haji Arab Saudi.

Keduanya, perkara yang melibatkan makanan dan minuman. Pada mula tiba di Mekah dan di Arafah serta di Mina dan mengikut persetujuan, makanan dan minuman akan dibekalkan oleh Muassasah di mana jemaah haji akan disediakan dengan makanan dan minuman ketika mula tiba di Mekah serta juga apabila mereka berada di Arafah dan Mina. Pada tahun lalu hampir semua Maktab tidak menyediakan makanan bagi jemaah yang baru tiba di Mekah dan di Arafah serta Mina dan makanan tidak diuruskan dengan baik. Sebenarnya kita juga telah diberi pilihan untuk siapa-siapa sahaja boleh menyediakan makanan. Selain daripada itu beberapa langkah baru telah juga disusun dan ini termasuk juga perkara penting yang melibatkan masalah pengangkutan yang banyak dialami oleh jemaah kita dahulu. Ia juga termasuk peruntukan bagi semua jemaah haji yang sekarang ini yang kita sediakan bagi satu penerbangan dan ditempatkan pada satu Maktab bagi mengelakkan

perpecahan keluarga seperti tahun dahulu di samping memperkemas lagi peruntukan, jumlah dan saiz Maktab. Pada tahun ini 10 mengandungi antara 2,000 sampai 2,500 jemaah, tidak lagi 20 seperti tahun dahulu.

Kita juga menambah jumlah pekerja-pekerja yang dihantar daripada Malaysia 388 orang dengan ditambah lagi 51 orang pelajar yang kita bekalkan juga, kita bahagi-bahagikan kepada 10 Maktab yang mana pihak Muassasah juga ada membekalkan di situ seorang pengarah, empat orang penolong dan 28 petugas-petugas Muassasah di situ. Kita juga menyediakan kawalan ke atas jemaah haji di Mekah yang akan diatur dengan lebih sistematik dari segi pengendalian dan juga dari segi pengenalan jemaah-jemaah haji yang akan diberi tanda-tanda yang lebih senang lagi kita mengenalinya.

Kita juga akan menempatkan jemaah haji di satu kawasan perkhemahan khas di Mina yang bernama Muasid yang mempunyai beberapa keistimewaan dan kemudahan yang telah disediakan oleh pihak Kerajaan Arab Saudi. Kita juga mengatur kemudahan-kemudahan perubatan dan kesihatan yang lebih dipertingkatkan lagi. Dengan langkah-langkah baru yang telah disusun itu adalah diharapkan jemaah haji kita akan mendapat lebih banyak lagi keselesaan semasa berada di Mekah, di Arafah dan di Mina jika dibandingkan pada tahun-tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1 dan 2 hingga 39 adalah diberi di bawah ini).

TABONG AMANAH NEGARA— PENUBUHAN

1. Tuan Omar bin Abdullah minta Perdana Menteri menjelaskan apakah matlamat penubuhan Tabong Amanah Negara, apakah sumber kewangan tabung tersebut, bagaimanakah ianya ditadbirkan dan apakah sasaran utama perbelanjaan.

19-7-85

32. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Perdana Menteri menyatakan benarkah Kerajaan telah memutuskan untuk menubuh sebuah Tabung Amanah Negara; jika benar:

- (a) dari manakah sumber yang akan diperolehi untuk Tabung yang tersebut;
- (b) siapakah dan bagaimanakah Anggota Lembaga Amanah itu akan dipilih serta berapa lamakah tempoh perkhidmatan seseorang Ahli Lembaga Amanah itu; dan
- (c) apakah yang dapat dimanfaatkan oleh rakyat dan negara seluruhnya dengan wujudnya Tabung Amanah Negara itu.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Saya mohon izin untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas (19-7-1985) bersama soalan ini memandangkan soalan-soalan tersebut menyentuh perkara yang sama.

1. Matlamat penubuhan Tabung Amanah ialah untuk menyimpan sebahagian daripada pendapatan-pendapatan daripada industri yang merosot seperti petroleum untuk digunakan di masa depan.

2. Sumber kewangan untuk Tabung tersebut ini di peringkat awalnya akan disumbangkan oleh PETRONAS sebanyak \$200 juta bagi tiap-tiap tahun.
3. Tabung ini adalah dalam proses penubuhan. Corak organisasinya sedang ditentukan dan keanggotaan serta tempoh perkhidmatan Lembaga Amanahnya akan ditentukan kemudian. Bidang pelaburannya juga akan ditentukan.
4. Tabung ini akan membolehkan negara mempunyai unsur kewangan di masa hadapan apabila perusahaan-perusahaan seperti petroleum tidak lagi dapat mendatangkan hasil yang banyak seperti hari ini.

TANAH TERBIAR BAGI PASUKAN PETUGAS

12. Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh manakah kejayaan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian ini hasil dari laporan yang telah disediakan oleh Pasukan Petugas mengenai mengesan dan memajukan tanah-tanah terbiar di negara ini. Dan hasil dari usaha itu bagaimanakah kedudukan petani-petani yang terlibat di dalam memajukan tanah-tanah terbiar mereka.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan): Sesuai dengan syor Pasukan Petugas Tanah Terbiar, sehingga akhir tahun 1984, Kementerian Pertanian telah meluluskan supaya 15,077 hektar sawah terbiar dipulihkan. Hingga ini 13,161 hektar telah dapat dipulihkan dengan baik dan mendatangkan pendapatan yang lumayan kepada petani-petani. Sungguhpun begitu ada kawasan-kawasan yang telah dipulih

tetapi tidak diusahakan berterusan atas sebab-sebab tertentu dan Kerajaan sedang berikhtiar melantik badan-badan seperti Pertubuhan Peladang atau syarikat-syarikat swasta untuk mengusahakan tanah-tanah ini secara komersial. Di mana sesuai tanah-tanah begini akan dimajukan dengan tanaman kekal. Petani-petani yang berminat boleh terus mengusahakan tanah mereka secara ladang berkelompok atau mini estet bersama-sama dengan Pertubuhan Peladang.

PELAJAR MALAYSIA KE INDONESIA

13. Datuk Mohamed Rahmat minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan akan menjadikan Indonesia sebagai salah satu pusat penting pengiriman pelajar-pelajar Malaysia ke luar negeri dalam rangka peningkatan kerjasama dua hala di bidang pelajaran dan kebudayaan dan di dalam mengatasi kekurangan tempat bagi pelajar-pelajar Malaysia di Seberang Laut.

Berapakah penuntut yang akan dihantar pada tahun ini dan bidang-bidang apakah yang akan diikuti.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Kerajaan sememangnya bercadang menjadikan Indonesia sebagai salah satu pusat penting pengiriman pelajar-pelajar Malaysia ke luar negeri dalam rangka peningkatan kerjasama dua hala dibidang pelajaran dan kebudayaan dan di dalam mengatasi kekurangan tempat bagi pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri. Beberapa mesyuarat di antara Kerajaan Malaysia/Indonesia telah diadakan bagi menentukan dasar dan cara kerjasama tersebut dapat dilaksanakan.

Pelajar-pelajar tajaan Kerajaan akan dihantar ke Indonesia mulai tahun 1986 dan buat masa kini

bilangannya masih belum ditetapkan lagi. Bidang-bidang yang akan diikuti oleh pelajar-pelajar kita adalah seperti:

Perubatan, Pergigian, Farmasi, Seni bina, Pengajian Islam, Ilmu Pelayaran, Kejuruteraan dan Sains Kemasyarakatan.

HOSPITAL UNIVERSITI— KEKURANGAN PEGAWAI PERUBATAN

14. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar tentang masalah-masalah yang disebabkan oleh kekurangan doktor-doktor dan pakar-pakar yang serius di Hospital Universiti. Adakah Kementerian sedar tentang barisan pesakit yang panjang tiap-tiap pagi menunggu untuk mendapatkan rawatan, dan kes-kes kecemasan pun biasanya tidak dilayan dengan segera, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Adalah benar Hospital Universiti mengalami kekurangan Pegawai Perubatan. Di dalam bulan Mei 1984, sebanyak 52 jawatan daripada sejumlah 102 jawatan Pegawai Perubatan didapati kosong. Walau bagaimanapun, beberapa usaha telah diambil untuk mengatasi masalah ini. Pada bulan Jun 1985, sebanyak 80 jawatan telah diisi.

Kekurangan pakar perubatan di Hospital Universiti adalah khusus di dalam beberapa bidang tertentu seperti anaesthesiology, radiology dan pathology. Beberapa tindakan telah diambil untuk menggalakkan doktor-doktor tempatan untuk membuat pengkhususan di dalam bidang berkenaan.

Bagi mengurangkan masalah menunggu untuk mendapatkan rawatan di klinik pesakit luar, beberapa langkah telah diambil untuk mengatasinya. Buat masa sekarang waktu menunggu telah dikurangkan daripada satu atau dua jam kepada 30 atau 40 minit sahaja.

Mengenai kes yang tidak mendapat rawatan segera di unit kecemasan dan kecemasan, ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor tertentu. Antaranya ialah keperluan ujian X-ray dan makmal yang pasti memerlukan masa untuk rawatan. Walau bagaimanapun, masalah ini telah dapat dikurangkan dengan mengambil lebih ramai juru X-ray dan mengubah beberapa tatacara-tatacara temujanji klinik.

HICOM PROTON SAGA

15. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan bagaimanakah Kerajaan akan mengatasi masalah kekurangan tenaga mahir apabila industri-industri berat dibangunkan. Setakat ini apakah jumlah wang yang telah dibelanjakan di dalam projek HICOM Proton Saga di bawah kategori-kategori:

- bahan mentah, sama ada tempatan atau diimport,
- tenaga mahir dari luar dan dalam negeri,
- pemasaran serta modal tetap, dan
- tenaga buruh separa mahir dan yang tidak mahir.

Datuk Dr James P. Ongkili: Masalah kekurangan tenaga mahir bagi industri-industri berat sedang dan akan diatasi dengan beberapa cara. Lebih banyak pusat-pusat latihan teknik seperti Institut Latihan Perindustrian, Politeknik, Institut Kemahiran MARA, Pusat Latihan Belia dan Sekolah-sekolah Vokasional akan dibina untuk membolehkan lebih ramai penuntut-penuntut dilatih.

Sebahagian daripada pusat-pusat latihan ini sedang dibina dan sebahagian lagi adalah dalam perancangan. Bagi menemui keperluan tenaga mahir yang lebih khusus bagi industri-industri berat yang tertentu, pekerja-pekerja akan dihantar ke luar negeri untuk dilatih, atau akan dilatih sambil bekerja di kilang industri berat tempatan oleh pekerja yang sudah terlatih. Bagi projek-projek usahasama, program pertukaran teknik (technical exchange programme) akan diaturkan dengan rakan-rakan usahasama bagi melatih pekerja di tempat-tempat mereka dan menjalankan latihan tempatan. Selain daripada itu, masalah ini juga diatasi secara mengambil pekerja asing untuk tempoh jangka pendek/pertengahan sementara pekerja tempatan dilatih dalam bidang yang berkenaan untuk mengganti pekerja-pekerja asing ini.

Sementara itu, pihak HICOM sedang menyediakan satu kajian yang menyeluruh mengenai keperluan tenaga pekerja bagi projek-projek HICOM pada masa ini dan masa hadapan supaya langkah-langkah yang lebih berkesan dan teratur dapat diambil untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga mahir ini. Sehingga 30 Jun 1985, perbelanjaan projek HICOM Proton Saga bagi kategori yang disoal adalah seperti berikut:

(i) Bahan mentah sama ada tempatan atau diimport	\$2.6 juta
(ii) Tenaga mahir dari luar dan dalam negeri	\$3.0 juta
(iii) Modal tetap	\$369.6 juta
(iv) Pemasaran	\$1.9 juta
(v) Tenaga buruh separa mahir dan tidak mahir	\$1.3 juta

PULAU LABUAN SEBAGAI PENGKALAN TENTERA LAUT ASING

16. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai apa-apa

rancangan untuk menjadikan Pulau Labuan sebuah Pengkalan Tentera Laut asing; jika ya, mengapa dan sama ada tindakan Kerajaan itu akan membahayakan keamanan Malaysia, dan sama ada satu pungutan suara akan diadakan untuk menentukan pendapat penduduk-penduduk Sabah atas perkara tersebut.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Datuk Abang Abu Bakar bin Datuk Bandar Abang Haji Mustapha): Kerajaan *tidak mempunyai* sebarang rancangan untuk menjadikan Pulau Labuan sebagai sebuah Pengkalan Tentera Laut Asing.

PENGUSAHA KECIL BUKAN BUMIPUTERA—BANTUAN

17. Tuan V. Govindaraj minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pihak Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk membantu pengusaha-pengusaha kecil dari kaum bukan Bumiputera supaya mereka juga dapat maju di bidang Ekonomi Negara berdasarkan hasrat Dasar Ekonomi Baru Negara.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Kerajaan memang mempunyai program untuk membantu pengusaha-pengusaha kecil meliputi berbagai kaum. Program ini adalah sejajar dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru untuk menghapuskan kemiskinan serta menyusun semula masyarakat. Program ini bertujuan untuk memajukan pengusaha-pengusaha kecil supaya dapat mempertingkatkan usaha mereka di bidang perdagangan dan perindustrian. Sebagai contoh Perbadanan Jaminan Kredit (CGC) telah memberi pinjaman pada tahun 1983 berjumlah \$68.6 juta kepada bukan Bumiputera berbanding hanya \$31.4 juta kepada Bumiputera. Jumlah yang mendapat manfaat ialah 55.4% bukan Bumiputera berbanding 44.6% Bumiputera.

Selain dari itu kemudahan dari segi mendapatkan pinjaman juga disediakan melalui bank-bank perdagangan di bawah Skim Jaminan Kredit yang disediakan oleh Perbadanan Jaminan Kredit (CGC) dan skim ini adalah untuk semua kaum yang terlibat dalam perusahaan kecil. Di bawah skim ini pengusaha-pengusaha kecil diberi jaminan tertentu untuk mendapatkan pinjaman dari bank-bank perdagangan. Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan garis panduan yang meminta bank-bank perdagangan menyediakan kuota tertentu untuk tujuan pinjaman kepada pengusaha-pengusaha kecil. Kadar faedah yang dikenakan kepada pengusaha-pengusaha kecil tidak mengira kaum adalah lebih rendah dari kadar pasaran.

PADANG RAGUT

18. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Pertanian menyatakan memandangkan keadaan ekonomi negara yang masih belum stabil dan banyaknya padang-padang ragut yang masih belum dapat dimajukan di seluruh negara adakah beliau mempunyai apa-apa cadangan untuk meminda Peraturan Penggunaan Padang-padang Ragut itu supaya membolehkan kawasan-kawasan yang sesuai dan boleh dimajukan ditanam dengan kelapa sawit sebagai suatu usaha ke arah menambahkan sumber pendapatan para penternak di negara ini. Jika tidak, mengapa.

Tuan Luhah Wan: Jawapan kepada soalan ini telah pun diberikan di Dewan yang mulia ini apabila saya memberikan jawapan kepada pertanyaan daripada Y.B. Tuan Haji Seroji Haji Haron pada 16hb Julai, 1985.

INSURANS BAGI PEKERJA KILANG

19. Tuan Baharom bin Haji Bakar minta Menteri Buruh menyatakan:

- (i) apakah perlindungan-perlindungan yang diberikan kepada pekerja-pekerja di kilang-kilang seperti insurans dan lain-lain perlindungan; dan
- (ii) apakah Kerajaan bercadang untuk "menstandardisekan" gaji dan lain-lain pendapatan pekerja-pekerja kilang dengan menetapkan taraf gaji minima mereka.

Menteri Buruh (Dato' Mak Hon Kam):

- (i) Pekerja-pekerja di Kilang-kilang seperti pekerja-pekerja di semua tempat kerja lain diberi perlindungan di bawah pelbagai Undang-undang Buruh. Antara lain, Undang-undang Buruh yang utama adalah seperti berikut:
 - (a) Akta Kerja 1955 memberi perlindungan yang minimum dari segi syarat-syarat perkhidmatan, misalnya notis berhenti kerja, faedah renti kerja sentara, cuti bersalin, cuti am bergaji, cuti tahunan bergaji, cuti sakit bergaji dan sebagainya;
 - (b) Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (PERKESO) memberi faedah di bawah dua skim iaitu sekim bencana pekerjaan dan skim pencen ilat;
 - (c) Akta Kilang dan Jentera, 1967 memastikan keselamatan dan

kesihatan pekerja-pekerja dan jentera-jentera selamat digunakan;

- (d) Akta (Pekerjaan) Kanak-kanak dan Orang Muda, 1966 melindungi kanak-kanak dan orang muda yang di gaji dari segi masa bekerja dan syarat-syarat penggajiannya;
- (e) Akta Cuti Mingguan, 1950 mewajibkan cuti rehat mingguan kepada pekerja-pekerja yang bekerja di tempat-tempat pekerjaan membuat jualan runcit, restoran dan panggung wayang.

Pelbagai Undang-undang Buruh ini dikuatkuasakan oleh pelbagai Jabatan di bawah Kementerian saya untuk memastikan ianya dipatuhi oleh para majikan dan pekerja-pekerja mendapat perlindungan yang sewajarnya.

Selain daripada Undang-undang Buruh seperti di atas, terdapat juga Akta Majlis Penetapan Gaji, 1947 dan empat Perintah-perintah Peraturan Gaji yang menetapkan saraan minima berkanun bagi pembantu kedai, pekerja-pekerja panggung wayang gambar, pekerja-pekerja hotel dan perhidangan dan juga pekerja-pekerja pemungkah kapal-kapal di Pulau Pinang. Kerajaan akan sentiasa mengkaji Undang-undang Buruh supaya ianya selaras dengan keadaan semasa tetapi pada masa sekarang Kerajaan tidak bercadang menetapkan gaji minima bagi pekerja-pekerja kilang.

RACUN HERBICIDE PERAQUAT

20. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada sebarang peraturan-peraturan untuk melindungi orang-orang awam semasa pengangkutan bahan-bahan

yang beracun dan mudah terbakar dari kemalangan-kemalangan yang mungkin berlaku dalam perjalanan; misalnya racun herbicide paraquat dan sama ada Kementeriaannya akan melarang kegunaan racun herbicide paraquat ini yang mana telah pun dilarang di negara Sweden, Kanada, New Zealand dan Filipina; jika tidak apakah sebabnya perlu digunakan cecair beracun ini yang boleh membunuh dengan menyerap menerusi kulit.

Tuan Luhut Wan: Pada masa ini tidak ada peraturan-peraturan untuk melindungi orang-orang awam semasa pengangkutan bahan-bahan beracun dan mudah terbakar dari kemalangan-kemalangan yang mungkin berlaku dalam perjalanan.

Berkenaan dengan racun paraquat satu Pasukan Petugas Paraquat telah ditubuhkan untuk menimbangkan masalah racun ini tidak lama dahulu dan seterusnya mengemukakan kepada Lembaga Racun Makhluk Perosak. Pihak Lembaga telah memutuskan bahawa paraquat masih perlu dibenarkan penjualan dan penggunaannya di negara ini pada masa ini. Walaupun paraquat adalah merbahaya jika disalahgunakan, tetapi racun ini amat berkesan dan ekonomik. Walau bagaimanapun kawalan penjualan dan penggunaannya akan diperketatkan lagi, dengan mengadakan peraturan-peraturan khusus di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974 untuk mengawal racun-racun yang amat merbahaya seperti paraquat ini. Di samping itu, Lembaga juga sedang mengkaji racun alternatif kepada paraquat.

INSURAN DAN TAMBANG PENGANGKUTAN

21. Tuan Ling Sie Meng minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapakah

perbelanjaan insuran dan pengangkutan antarabangsa dalam tahun 1983 yang dibayar kepada syarikat-syarikat luar negeri dan apakah langkah-langkah yang akan dijalankan untuk mengurangkan kerugian yang terjadi oleh perdagangan antarabangsa.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Perbelanjaan insurans dan tambang pengangkutan dalam tahun 1983 ialah \$2,812 juta dan dalam tahun 1984 ialah \$3,058 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat langkah-langkah terus diambil untuk mengurangkan perbelanjaan ini bukan saja melalui usaha meningkatkan eksport barang-barang Malaysia ke pasaran tradisional dan pasaran baru, malahan juga dalam sektor perdagangan tak ketara. Langkah-langkah yang diambil termasuklah:

- (a) Menggalakkan pedagang-pedagang Malaysia mengeksport secara c.i.f. dan mengimport secara f.o.b.
- (b) Menggalakkan pedagang-pedagang menggunakan perkhidmatan syarikat Pusat Tempatan Kargo (Malaysia Freight Booking Centre Sdn Bhd) bagi mengurangi kos pembayaran tambang dan mengutamakan penghantaran barang ke pasaran antarabangsa melalui kapal-kapal yang berdaftar di Malaysia.
- (c) Penyertaan dalam perdagangan secara "countertrade" untuk mengurangkan ketidakseimbangan kedudukan perdagangan dua hala Malaysia dengan setengah-tengah negara.
- (d) Penglibatan syarikat-syarikat insurans tempatan dalam perniagaan insuran antarabangsa.

- (e) Memperkembangkan industri pelancongan supaya lebih ramai orang melancong di negara ini.

KEKOTORAN "LEAD" DALAM TANAH

22. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (i) sama ada benar kekotoran "lead" dalam tanah, udara dan air di sekitar bandaraya Kuala Lumpur dan Petaling Jaya telah melebihi had toleransi;
- (ii) memandang kepada hakikat bahawa "lead" adalah bahan yang beracun dan kekotoran "lead" disebabkan oleh ekzos motokar, apakah Kerajaan bercadang kandungan "lead" dalam petrol ke tahap tidak melebihi 0.15 gram setiap liter.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze:

- (i) Sebagai menjawab bahagian pertama soalan Ahli Yang Berhormat, berasaskan kepada pengawasan dan beberapa penilaian yang telah dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian saya, adalah didapati bahawa kualiti udara dari segi kandungan plumbum di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur dan Perbandaran Petaling Jaya adalah tidak serius, kecuali di beberapa jalan yang kerap mengalami kesesakan kenderaan.

Untuk mengatasi masalah ini yang pada keseluruhannya berpunca dari ekzos kenderaan bermotor, kerajaan telah mengeluarkan peraturan-peraturan di bawah

Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 bagi kandungan plumbum dalam minyak petrol dikurangkan daripada 0.84 gm setiap liter ke 0.4 gm setiap liter. Peraturan-peraturan ini telah pun dikuatkuasakan semenjak 1hb Julai ini.

- (ii) Sebagai langkah kawalan seterusnya, peraturan-peraturan tersebut mestilah dikurangkan dari 0.4 gm setiap liter ke 0.15 gm setiap liter mulai daripada 1hb Januari 1990. Dengan langkah-langkah ini, Kerajaan yakin bahawa kandungan-kandungan plumbum di udara dan di dalam air serta tanah tidak melebihi had-had toleransi.

LARANGAN MELETAK KENDERAAN BERMOTOR

23. Tuan Yahya bin Haji Zakaria minta Menteri Kerjaraya menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan supaya kiri kanan bahu jalan digazetkan sebagai kawasan larangan meletak kenderaan-kenderaan bermotor, dengan ketiadaan larangan, menambahkan kesesakan dan kemalangan.

Dato' S. Samy Vellu: Buat masa ini adalah dimaklumkan bahawa melainkan untuk lebuhraya-lebuhraya di bawah kuasa Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), tiada terdapat undang-undang lain tertentu yang memberi kuasa pada mana-mana pihak untuk menggazetkan kiri kanan bahu-bahu jalan-jalan raya sebagai kawasan larangan meletakkan kenderaan-kenderaan bermotor.

Untuk masa akan datang, perkara yang dibangkitkan telah dikenalpasti, dan tindakan sewajar akan diambil

untuk membolehkan Kerajaan menggazetkan undang-undang bagi melarang kenderaan-kenderaan meletakkan kereta mereka atas bahu-bahu jalan, kecuali dalam keadaan kecemasan atau kerana kerosakan kenderaan. Tindakan itu akan diambil melalui pindaan Ordinan Lalulintas Jalan 1959, yang saya faham akan dibentangkan di sidang Parlimen dalam sedikit masa lagi.

Bagi lebuhraya-lebuhraya yang di bawah Kuasa Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) Kementerian ini, seksyen 11 (2) (c) Akta Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) 1980 ada memberi kuasa untuk membuat peraturan-peraturan lalulintas di atas lebuhraya-lebuhraya. Dengan kuasa itu, tindakan untuk membuat peraturan-peraturan melarang kenderaan-kenderaan bermotor meletakkan kereta-kereta di sepanjang bahu-bahu lebuhraya, kecuali dalam keadaan kecemasan atau kerana kerosakan kenderaan, akan digubal dan digazetkan dan sesudah itu papan-papan tanda bagi melarang kenderaan-kenderaan meletakkan kereta-kereta di bahu-bahu lebuhraya-lebuhraya dipamerkan di seluruh lebuhraya-lebuhraya, melainkan di tempat-tempat khas yang disediakan untuk kawasan rehat dan/atau untuk penjaja-penjaja.

KENAIKAN HARGA MINYAK

24. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian bagi menjelaskan berapakah jumlah kerugian yang akan dihadapi oleh Kerajaan jika sekiranya harga minyak tidak dinaikkan, adakah negara-negara lain juga menaikkan harga minyak disebabkan kenaikan matawang Amerika Syarikat pada masa Malaysia menaikkan harga minyak baru-baru ini dan adalah semua negara harus bergantung kepada kedudukan matawang

Amerika Syarikat untuk menetapkan harga minyak di negara masing-masing termasuk Malaysia.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Harga runcit barang-barang petroleum di negara ini ditetapkan setelah mengambil kira kos-kos berikut:

- (i) kos barangan (product posting).
- (ii) kos operasi.
- (iii) duti.

Elemen kos operasi dan duti merupakan kos yang tetap dan tidak diubah sehingga didapati perlu. Duti ini dipungut oleh Kerajaan sebagai hasil. Jika duti tidak diubah, maka kenaikan harga runcit tidak akan memberi apa-apa hasil tambahan kepada Kerajaan. Begitu juga harga diturunkan, ia tidak akan menjejaskan hasil pungutan Kerajaan.

Oleh yang demikian, selagi kadar duti dan kos operasi tidak diubah, maka sebarang perubahan harga runcit adalah semata-mata disebabkan oleh perubahan kos barangan. Jika harga barang-barang petroleum yang dikawal hendaklah ditetapkan pada paras yang rendah daripada apa yang sepatutnya, ini hanya boleh dilakukan melalui dua cara, sama ada Kerajaan mengurangkan kadar duti atau memberi subsidi. Bagi petrol; premium misalnya, tiap-tiap 1 sen seliter pengurangan duti atau tiap-tiap 1 sen seliter pemberian subsidi melibatkan pengurangan hasil atau tanggungan kewangan kepada Kerajaan sebanyak 1.88 juta Ringgit sebulan atau 22.56 juta Ringgit setahun.

Mengenai harga runcit barang-barang petroleum di lain-lain negara, saya percaya bahawa negara-negara itu mempunyai pertimbangan-pertimbangan mereka sendiri untuk menetapkan harga runcit barang-barang petroleum mereka. Untuk

makluman Ahli Yang Berhormat, transaksi jual beli barang-barang petroleum di pasaran antarabangsa adalah dilakukan dengan menggunakan matawang Dollar US. Untuk kita menilai harga barang-barang tersebut dalam matawang Ringgit, kita terpaksa menggunakan kadar pertukaran Dollar US/Ringgit pada waktu yang berkenaan. Oleh sebab itu, maka kadar pertukaran matawang Dollar US/Ringgit memberi kesan kepada kita. Lain-lain elemen seperti kos operasi dan duti ditetapkan dalam matawang Ringgit sahaja.

PENSWASTAAN BAGI PELABUR TEMPATAN

25. Tuan Ng Cheng Kuai minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah beliau sedar ramai pelabur tempatan tidak diberi peluang menyertai projek-projek penswastan yang diluluskan dari masa ke masa;
- (b) apakah semua projek penswastan akan diiklankan supaya pelabur-pelabur yang berminat boleh menceburkan diri mereka ke dalamnya. Jika tidak, bagaimanakah pelabur-pelabur kita akan diberi peluang menyertainya;
- (c) apakah Kerajaan-kerajaan Negeri berhak menswastakan projek-projek tertentu;
- (d) berapakah projek penswastan dan ini telah diluluskan dan sedang dalam peringkat pelaksanaan; dan
- (e) sebutkan palabur-pelabur yang berjaya memperolehinya.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:

- (a) Anggapan bahawa pelabur-pelabur tempatan tidak diberi peluang menyertai projek-projek penswastan adalah tidak benar.

(b) Kerajaan, melalui ceramah-ceramah dan dialog-dialog oleh Y.A.B. Perdana Menteri, Menteri-menteri dan Pegawai-pegawai Kerajaan, telah menerangkan kepada orang ramai termasuk kepada pelabur-pelabur tentang penswastaaan. Buku-buku Garis Panduan mengenai Penswastaaan telah juga disebar luas kepada badan-badan perniagaan, institusi-institusi kewangan, badan-badan koperatif tempatan dan juga kepada Ahli-ahli Parlimen. Menerusi ceramah-ceramah, dialog-dialog serta buku Garis Panduan itu, pihak swasta tempatan telah dipelawa untuk mengemukakan cadangan mereka untuk mengambil alih mana-mana jabatan, perkhidmatan atau aktiviti-aktiviti Kerajaan yang mereka minati. Kerajaan tidak menghadkan jabatan, perkhidmatan atau aktiviti yang pihak swasta boleh mengambil alih kerana Kerajaan ingin memberi peluang yang seluas-luasnya kepada pihak swasta untuk menentukan sendiri jabatan, perkhidmatan atau aktiviti-aktiviti yang mereka ingin mengambil alih. Walaupun begitu, seperti yang dinyatakan di dalam buku Garis Panduan, keputusan sama ada hendak menswastakan suatu jabatan, perkhidmatan atau aktiviti-aktiviti itu terpujanglah kepada Kerajaan.

Di samping pelawaan yang disebutkan itu, jika Kerajaan ingin menswastakan sesuatu jabatan, perkhidmatan atau aktiviti, Kerajaan akan mengumumkannya dan mereka yang ingin mengambil alih jabatan, perkhidmatan atau

aktiviti itu bolehlah mengemukakan cadangan mereka kepada Kerajaan.

- (c) Ya, Kerajaan-kerajaan Negeri berhak menswastakan projek-projek Kerajaan Negeri.
- (d) Setakat ini 2 projek penswastaaan dari perkhidmatan Kerajaan adalah dalam pertimbangan tetapi belum sampai ke peringkat menyerahkan projek itu kepada pihak swasta untuk mengambil alih pengendalian projek itu.

Projek-projek itu adalah penswastaaan terminal kontena Pelabuhan Kelang yang Rang Undang-undangnya telah dibentangkan di sesi Parlimen pada bulan Julai 1985 dan penswastaaan Jabatan Telekom Malaysia yang Rang Undang-undang untuk membolehkan ia diswastakan akan dibentangkan di Parlimen.

- (e) Belum diputuskan pelabur mana yang berjaya.

PEGAWAI PERKHIDMATAN PELAJARAN

26. Tuan Mokhtaram bin Rabidin minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah bilangan pegawai perkhidmatan pelajaran Kategori D1 yang sedang berkhidmat pada 30-6-1985. Nyatakan juga bilangan mereka mengikut pecahan; jawatan-jawatan staf, tingkatan tertinggi A, B, C, D, E, F, G, tingkatan kanan dan tingkatan biasa.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Jumlah bilangan pegawai perkhidmatan pelajaran Kategori D1

yang sedang berkhidmat pada 30-6-85 ialah 13,703 mengikut pecahan seperti berikut:

Tingkatan Tertinggi A (Turus III)	1
B	2
C	7
D	6
E	6
F	33
G	530
Tingkatan Kanan	936
Tingkatan Biasa	12,182
Jumlah ..	13,703

LADA HITAM (PEPPER)— PASARAN

27. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Pertanian apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam usaha mempertingkatkan lagi keluaran dan produktiviti lada hitam (pepper) di Malaysia. Adakah Kerajaan berjaya dalam usaha menghapus "foot-rot disease of pepper" dan penyakit Fusarium; apakah langkah-langkah yang diambil oleh Lembaga Pemasaran Lada Hitam dalam usaha-usaha mencari lebih banyak lagi pasar-pasar antarabangsa. Nyatakan sama ada usaha kita dalam memperbesarkan pasar kita telah berjaya.

Tuan Luhut Wan: Dalam usaha mempertingkatkan lagi keluaran dan produktiviti lada hitam di Malaysia, Kementerian Pertanian akan menumpukan perhatian kepada peningkatan hasil dari luas kawasan yang sedia ada melalui amalan agronomi dan teknologi moden serta pengurusan ladang yang cekap. Di samping itu, di bawah penyelarasan IPC (International Pepper Community) yang mana Malaysia adalah negara ahli, program pertukaran varieti-varieti pokok lada hitam di antara negara-negara ahli

(Inter-Country Varietal Trials) sedang dilaksanakan. Ini akan membolehkan kajian perbandingan di antara produktiviti varieti-varieti tersebut dilakukan.

Setakat ini, penyakit "foot rot" dan "fusarium" tidak dapat dihapuskan sama sekali, akan tetapi, ianya dapat dikurangkan menerusi sistem pengurusan dan sistem pengawalan penyakit yang rapi. Dalam usaha untuk memperbaiki lagi ketahanan penyakit ini, beberapa kajian pembaikbiak telah dijalankan oleh Jabatan Pertanian di Sarawak dan MARDI di Semenanjung Malaysia. Setakat ini, keputusannya sangatlah mengalakkan. Sehubungan dengan ini, Malaysia juga mengambil bahagian dalam Projek Memasmi Penyakit Phytophthora Foot-rot Lada Hitam di bawah penyelarasan IPC.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh Jemaah Pemasaran Lada Hitam ialah menyertai, mengelolai misi perdagangan di pasaran antarabangsa serta pameran perdagangan di luar negeri, mengedarkan risalah-risalah dan contoh-contoh lada hitam kepada bakal pembeli-pembeli serta mengadakan publisiti di sebarang laut melalui iklan-iklan di negara-negara pengeksport utama. Di samping itu juga Jemaah Pemasaran Lada Hitam mengadakan kawalan melalui pelesenan kepada pengeksport-pengeksport tempatan bagi memastikan bahawa sebahagian dari eksport lada hitam mereka dieksport terus ke negara-negara pengguna.

Di samping pertambahan kuantiti eksport, bilangan negara-negara pengimport terus lada hitam dari Malaysia juga telah bertambah dari purata 17 negara dalam tempoh 1975-1979 kepada 19 negara dalam tahun 1980-1984, dan di antaranya termasuk negara Jepun, Jerman Barat, Belgium, Sweden, Yugoslavia dan Itali.

PENYAKIT AIDS

28. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapa ramai orang telah menjalani pemeriksaan untuk menentukan kemungkinan menghadapi AIDS;
- (b) setakat ini berapa kes AIDS yang telah dikesan; dan;
- (c) apakah tindakan yang telah diambil untuk membendung penyakit ini berleluasa di Malaysia.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):

- (a) Pada bulan Julai, 1984 contoh darah daripada 90 orang penagih dadah dari Penjara Pudu telah diambil untuk menentukan kemungkinan menghidapi AIDS. Hospital Universiti juga telah memeriksa 96 sukarelawan untuk AIDS. Kesemua contoh-contoh darah didapati negatif.

Pada masa ini, Kementerian Kesihatan sedang menjalankan kajian yang lebih besar untuk memeriksa lebih kurang 6,000 contoh darah daripada penderma-penderma darah, penagih-penagih dadah, pesakit-pesakit kelamin dan "HAEMOPHILIACS" untuk antibodi bagi AIDS.

- (b) Sehingga ini, tidak ada kes AIDS dilaporkan ataupun dikesan di Malaysia.
- (c) Tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk mengawal AIDS adalah seperti berikut:

1. Pemberitahu AIDS

AIDS telah digazetkan pada 22-5-85 sebagai satu penyakit berjangkit yang mesti diberitahu. Kesemua kes-kes yang disyaki dan

yang disahkan dan pembawa-pembawa AIDS mesti diberitahu kepada Pejabat Kesihatan di Daerah dengan serta-merta melalui telefon. Sistem pemberitahuan adalah sama seperti yang digunakan untuk pemberitahuan penyakit-penyakit yang lain.

2. Pendidikan kesihatan berkenaan AIDS

Tujuan utama aktiviti pendidikan kesihatan ialah untuk memberi kesedaran tanpa menimbulkan perasaan cemas di kalangan kumpulan sasaran (target groups) berkenaan AIDS dan pencegahannya. Sehingga ini, strategi yang dipakai oleh Kementerian Kesihatan termasuklah penggunaan media massa dan sokongan bahan pendidikan misalnya risalah-risalah dan poster-poster dalam berbagai bahasa bagi menyebarkan maklumat berkenaan AIDS kepada orang awam dan kakitangan kesihatan juga syarahan dan perbincangan kumpulan.

3. Rancangan Kontigensi bagi pencegahan dan awalan AIDS

Kementerian Kesihatan telah merumuskan satu Rancangan Kontigensi bagi pencegahan dan kawalan AIDS yang menyediakan garis panduan kepada pejabat-pejabat kesihatan, hospital-hospital, tabung-tabung darah dan makmal-

makmal di peringkat negeri berkenaan pengawasan, pencegahan dan kawalan AIDS.

4. **Memeriksa (screening) darah dan bahan-bahan darah**

Kemudahan-kemudahan makmal yang perlu termasuklah peralatan, "test reagents" dan tenaga manusia telah disediakan untuk pemeriksaan contoh-contoh darah dari penderma-penderma darah dan kumpulan yang berisiko tinggi untuk antibodi AIDS.

5. Latihan untuk kakitangan kesihatan dan perubatan dalam diagnosa dan pengurusan AIDS telah diberikan melalui mesyuarat-mesyuarat seminar-seminar, forum-forum awam dan risalah-risalah yang sesuai berkenaan AIDS.

6. Jawatankuasa berkenaan AIDS. Kementerian Kesihatan telah ditubuhkan dan mempunyai ahli dari berbagai agensi Kementerian Kesihatan. Tujuannya ialah untuk merancang, menyelaras dan menilai aktiviti-aktiviti pengawasan, pencegahan dan kawalan.

SISTEM PELAJARAN RENDAH

29. **Tuan Tan Kok Hooi** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada rancangan yang akan diambil untuk mengurangkan sistem pelajaran rendah dari 6 tahun adalah lebih baik dari sistem asalnya.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Soalan ini telah dijawab pada 16hb Julai, 1985.

HOSPITAL/PUSAT PERUBATAN YANG DILESENKAN

30. **Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman** minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa banyak hospital-hospital/pusat-pusat perubatan pakar yang telah dilesenkan. Setakat mana hospital-hospital/pusat-pusat perubatan membantu/memberi kemudahan kepada golongan miskin.

Dato' K. Pathmanaban: Bilangan hospital-hospital/pusat-pusat perubatan pakar yang telah dilesenkan di bawah Akta Hospital Persendirian 1971 pada 31hb Mac 1985 adalah 121.

Hospital-hospital dan pusat-pusat perubatan swasta telah diminta memberi pertimbangan yang wajar kepada pesakit-pesakit yang berpendapatan rendah dalam menentukan caj-caj rawatan. Ada hospital-hospital yang mengatakan bahawa mereka memberi pertimbangan sedemikian.

JENTERA BERAT—KEMASUKAN

31. **Tuan Omar bin Abdullah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada benar perniagaan jentera-jentera berat sekarang ini mengalami keadaan perniagaan yang sangat muram dan adakah benar satu dari faktor yang menyebabkan keadaan ini ialah dasar Kerajaan yang membenarkan kontraktor luar negeri membawa masuk jentera-jentera berkenaan dari negara asal mereka atau mengimport terus dari negara pengeluar.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Kementerian saya sedar mengenai kedudukan perniagaan jentera-jentera berat sekarang sedang mengalami keadaan yang muram

disebabkan oleh permintaan pasaran berkurangan. Ini dapat ditunjukkan melalui perangkaan tahunan anggaran pasaran jentera-jentera berat yang baru seperti berikut:

Tahun 1981	1,615 unit
Tahun 1982	1,715 unit
Tahun 1983	1,974 unit
Tahun 1984	1,473 unit
Tahun 1985 (Jan-Jun) ..	223 unit

Walau bagaimanapun, Kementerian saya tidak bercadang untuk mengambil tindakan memberi perlindungan, kerana perniagaan jentera-jentera berat di negara ini adalah berdasarkan import, di mana syarikat-syarikat tempatan dilantik menjadi agen kepada pembekal-pembekal luar negeri untuk memasarkan jentera-jentera berat seperti jenama-jenama Caterpillar, Case, Komatsu, Sakai, Bomag, Hitachi dan lain-lain.

Pada masa ini, secara amnya pengimportan jentera-jentera berat tidak dikenakan sekatan import. Kontraktor-kontraktor asing yang mendapat kontrak melaksanakan projek-projek Kerajaan memang ada membawa masuk jentera-jentera berat mereka sendiri, tetapi pengimportan ini dibuat oleh mereka secara sementara sahaja. Selepas sahaja mereka menyelesaikan projek-projek ini, mereka dikehendaki membawa keluar atau mengeksport semula jentera-jentera ini. Bagi jentera-jentera berat yang terletak di bawah kawalan import seperti "dump truck", kontraktor-kontraktor ini juga dibenarkan mengimport secara sementara. Walau bagaimanapun, kelulusan-kelulusan lesen import ini akan diberikan sekiranya Kerajaan berpuas hati kontraktor-kontraktor ini akan atau telah memberi sebahagian dari keperluan mereka dari pasaran tempatan.

DASAR KEPENDUDUKAN 70 JUTA

32. Tuan Gooi Hock Seng minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan telah membatalkan dasar kependudukan 70 juta; dan
- (b) jika tidak, menyatakan apakah rencana-rencana tertentu dan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mencapai matlamat tersebut.

Datuk Dr James P. Ongkili Mengenai soalan (a) Ahli Yang Berhormat itu, matlamat kependudukan 70 juta itu terkandung dalam Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-IV dan dari itu telah menjadi Dasar Kerajaan.

Menjawab soalan (b), Laporan ke arah 70 juta yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Ad-Hoc Kependudukan telah merangkakan beberapa strategi untuk mencapai 70 juta dalam tempoh 115 tahun. Segala strategi dalam laporan ini telah pun diluluskan oleh Kerajaan. Sehubungan dengan perkara ini tiap-tiap Kementerian telah diminta merancang dan menyediakan perbelanjaan selaras dengan pertumbuhan dan aliran demografi yang telah ditetapkan iaitu dari segi perkhidmatan dan kemudahan yang terlibat supaya penduduk yang diwujudkan adalah berkualiti, mempunyai kemahiran, rajin, berdisiplin dan berdaya untuk pengeluaran tinggi. Justera itu penyediaan Rancangan Malaysia Ke-V telah pun mengambilkira perkembangan penduduk mengikut aliran yang telah ditetapkan. Kerajaan juga telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Penasihat Penduduk yang bertanggungjawab kepada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara. Bagi mencapai matlamat 70 juta penduduk Jawatankuasa tersebut telah ditugaskan untuk mengkaji situasi

semasa demografi negara, mengkaji semula dan menganalisa secara mendalam dasar penduduk yang sedia ada, memperakukan satu program penduduk dan "policy trust" kepada Kerajaan, mengenalpasti dan menilai bidang penyelidikan yang berkaitan dengan penduduk dan pembangunan dan membuat perakuan mengenai pengeluaran data penting seperti kelahiran, kematian, penghijrahan dan sebagainya untuk dianalisa dengan tepat dan berkesan. Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara ialah Urusetia kepada Jawatankuasa ini.

SIJIL WARGANEGARA/KAD PENGENALAN

33. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa banyak sijil warganegara dan Kad Pengenalan yang tidak dituntut yang masih tersimpan di Jabatan Pendaftaran Negara sehingga 30-6-85;
- (b) berhubung dengan Kad Pengenalan yang tidak dituntut berapa banyak kes berhubung dengan Kad Pengenalan yang hilang dan berapa banyak pula kes berhubung dengan Kad Pengenalan yang dibaharui semula untuk mereka yang telah mencapai umur 18 tahun; dan
- (c) apakah langkah yang telah diambil untuk memperkenalkan satu bentuk Kad Pengenalan yang baru.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Sehingga 30-6-85, sejumlah 209 sijil warganegara dan 98,999 Kad Pengenalan yang tidak dituntut dan kini masih tersimpan di Jabatan Pendaftaran Negara.

Dalam tempoh yang sama, sejumlah 17,117 kes kehilangan Kad Pengenalan telah dilaporkan dan 19,191 Kad Pengenalan pembaharuan semula yang belum dituntut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pendaftaran Negara mengkaji cadangan mengadakan bentuk baru Kad Pengenalan.

HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR—BAYARAN RAWATAN

34. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Kesihatan menyatakan benarkah ramai kakitangan Kerajaan yang masih terhutang bayaran rawatan di Hospital Besar Kuala Lumpur sehingga melibatkan jumlah wang yang besar sebanyak kira-kira \$4 juta, jika benar:

- (a) mengapakah perkara yang sedemikian boleh berlaku;
- (b) apakah langkah-langkah positif yang akan diambil oleh pihak Kementerian supaya Jabatan-jabatan yang terlibat dapat mengambil tindakan kepada kakitangan mereka secara lebih berkesan lagi; dan
- (c) apakah tindakan yang lebih membina akan dilakukan oleh pihak Kementerian supaya keadaan yang seumpama itu tidak terus berlaku di masa hadapan.

Dato K. Pathmanaban: Ingin saya menerangkan bahawa tunggakan yang berjumlah lebih kurang \$4 juta di Hospital Besar Kuala Lumpur adalah terdiri dari hutang-hutang oleh orang ramai dan juga kakitangan Kerajaan. Tunggakan tersebut telah terkumpul sejak dari 15 tahun yang lalu.

- (a) Sebelum tahun 1982 pesakit-pesakit tidak dikehendaki menjelaskan bayaran sebelum mereka keluar dari hospital.

Sebaliknya mereka dibenar keluar dengan bil dihantar melalui Pos. Mulai dari Disember 1982 pula, walaupun sistem membayar deposit diperkenalkan, tetapi ia tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana pesakit-pesakit kurang faham dengan syarat-syarat ini terpaksa dimasukkan ke hospital tanpa membayar deposit. Oleh yang demikian, terdapat pesakit-pesakit yang tidak menjelaskan bayaran apabila dikeluarkan dari hospital. Termasuk dalam ini adalah Pegawai-pegawai Kerajaan dan orang persendirian. Dalam beberapa kes, orang-orang itu tidak dapat dicari oleh kerana telah bersara, meninggal, ataupun bertukar alamat dan sebagainya.

- (b) Mengenai kakitangan Kerajaan yang tidak menjelaskan bayaran hospital sungguhpun peringatan telah dihantar, pihak hospital telah juga menghantar bil-bil kakitangan-kakitangan tersebut kepada Ketua-ketua Jabatan mereka supaya potongan gaji boleh dibuat. Kementerian Kesihatan telah mengambil tindakan dengan menghubungi semua Kementerian-kementerian tersebut dan mengemukakan senarai bil-bil yang terbengkalai di bawah Kementerian itu serta mengingatkan Kementerian-kementerian supaya menjelaskan bil-bil itu dan mengarahkan jabatan-jabatan di bawahnya menjelaskan bil-bil yang berkenaan.
- (c) Oleh kerana peraturan bayaran bil-bil hospital oleh kakitangan Kerajaan adalah mengikut Perintah-perintah Am Bab "F", Kementerian Kesihatan juga menghubungi Agensi-agensi Pusat untuk mendapatkan

kerjasama mereka bagi mewujudkan satu peraturan baru di mana tindakan yang lebih berkesan boleh diambil oleh semua Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan untuk menjelaskan bil-bil kakitangan yang berkhidmat di bawahnya.

Kementerian sedang juga mengkaji kemungkinan urusan "billing" ini dicomputerisekan untuk membolehkan bil-bil diberi kepada pesakit semasa mereka dikeluarkan dari hospital.

RANCANGAN TANAH

35. Tuan Baharom bin Haji Bakar minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada Kerajaan telah merancang untuk mewujudkan rancangan-rancangan tanah seperti FELDA, FELCRA dan lain-lain di kawasan-kawasan sempadan Malaysia-Thai.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Sukalah saya nyatakan di sini bahawa Kerajaan melalui agensi-agensi pembangunan tanah seperti FELDA dan FELCRA yang terletak di bawah Kementerian saya bukan sekadar merancang, malah telah dan sedang melaksanakan sejumlah kawasan-kawasan tertentu yang berpotensi untuk dimajukan di kawasan sempadan Malaysia-Thailand.

FELDA sehingga kini telah dan sedang membuka seluas 21,257 hektar tanah hutan yang meliputi 15 buah rancangan di kawasan sempadan. Manakala FELCRA pula telah dan sedang memajukan seluas 3,115 hektar tanah di 14 buah rancangan juga di sempadan.

BURUH MENGANGGUR DI SEKTOR PERTANIAN

36. Tuan Peter Chin Gan Onn minta Menteri Buruh menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pengangguran telah meningkat daripada 5.6% kepada 6.2% dari tahun 1980 ke 1984 tetapi pada masa yang sama, negara ini sedang mengalami kekurangan buruh yang teruk dalam sektor pertanian; bolehkah Menteri menjelaskan trend-trend yang bertentangan ini dan apakah langkah-langkah dan insentif-insentif boleh diambil untuk menarik golongan buruh yang menganggur yang sedia ada ini kepada sektor pertanian.

Dato' Mak Hon Kam: Saya memang sedar kadar pengangguran telah meningkat sedikit tetapi jika dibandingkan dengan negara-negara lain kadar ini adalah masih terkawal. Walau bagaimanapun trend yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu boleh disebabkan oleh beberapa faktor. Satu daripadanya ialah penghijrahan para pencari kerja ke bandar akibat daripada pembangunan pesat di sektor pembuatan yang biasanya terletak di kawasan perbandaran. Suasana bekerja di kawasan tersebut adalah lebih baik dengan berbagai kemudahan-kemudahan. Pendapatan prospek serta mobiliti, terutamanya di sektor pembuatan adalah lebih menarik, jika dibandingkan dengan sektor pertanian. Di samping itu, rancangan-rancangan tanah Kerajaan telah juga mengakibatkan perpindahan pekerja-pekerja ke kawasan tersebut. Sikap terlalu memilih jenis pekerjaan adalah juga menjadi salah satu faktor yang lain.

Keadaan ini biasa berlaku di negara-negara yang mengalami perubahan struktur ekonomi yang lebih mengutamakan sektor perindustrian.

Untuk menarik golongan buruh kepada sektor pertanian, Kementerian saya sentiasa berusaha menggalakkan

pihak majikan menyediakan kemudahan-kemudahan serta memperbaiki suasana bekerja dan pendapatan di sektor pertanian. Langkah-langkah seperti ini boleh meningkatkan taraf hidup pekerja-pekerja di sektor pertanian. Selain daripada itu Kerajaan sentiasa berusaha untuk menstabilkan harga komoditi di pasaran dunia.

LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SIBU— PEMBINAAN

37. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah pembinaan lapangan terbang antarabangsa Sibu akan dimulakan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Kementerian saya memang mempunyai rancangan untuk membina sebuah lapangan terbang baru yang dapat menampung operasi pesawat jet seperti pesawat jenis B737. Kerja-kerja penyediaan Rekabentuk dan Kejuruteraan Terperinci bagi lapangan terbang baru tersebut adalah dijadualkan siap pada penghujung tahun 1985. Kementerian saya telah pun mengambil tindakan untuk memohon peruntukan kewangan yang diperlukan bagi melaksanakan pembinaan lapangan terbang baru itu dalam Rancangan Malaysia Kelima yang akan datang (1986-1990). Sekiranya peruntukan kewangan diluluskan maka pembinaan projek tersebut akan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima.

RUMAH KOS RENDAH— KEKURANGAN

38. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan apakah anggaran kekurangan rumah kos rendah yang dimajukan oleh sektor awam dan sektor swasta pada hujung tahun 1985 berbanding dengan

sasaran-sasaran yang ditetapkan oleh Rancangan Malaysia Keempat dan Kajian Separuh Penggalnya. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan pembinaan supaya dapat menampung keperluan perumahan rakyat yang amat mendesak.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sasaran program perumahan kos rendah di bawah Rancangan Malaysia Keempat bagi sektor awam dan sektor swasta ialah sebanyak 266,500 unit. Daripada jumlah ini, sebanyak 176,500 unit adalah merupakan sasaran bagi sektor awam. Adalah dijangkakan bahawa sektor awam tidak akan dapat menyiapkan lebih kurang 105,200 unit ataupun 59.6% daripada sasaran yang ditetapkan sehingga akhir tempoh RME. Sasaran sektor swasta ialah sebanyak 90,000 unit bagi tempoh Rancangan Malaysia Keempat. Bilangan unit yang dijangka tidak dapat disiapkan oleh sektor swasta sehingga akhir RME ialah 73,710 unit ataupun 81.9% daripada sasarannya.

Memang terdapat beberapa faktor telah mempengaruhi pencapaian program perumahan awam kos rendah dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat. Salah satu faktor utama ialah kekurangan peruntukan yang diperbekalkan berbanding dengan sasaran yang telah ditetapkan. Keadaan ini yang telah wujud akibat daripada kesan-kesan kemelesetan ekonomi negara telah menjejaskan keupayaan pelaksanaan program yang telah dirancang di mana prestasi sektor swasta juga turut terjejas oleh keadaan ini.

Selain daripada faktor kewangan, projek-projek perumahan awam kos rendah juga menghadapi masalah-masalah teknikal berhubung dengan tapak pembinaan. Dalam kes-kes

tertentu, perubahan tapak diperlukan dan kelewatan tidak dapat dielakan. Berkaitan dengan perkara ini Kementerian berharap akan dapat kerjasama daripada Kerajaan-kerajaan Negeri supaya lebih berhati-hati dalam pemilihan kesesuaian tapak pembinaan rumah awam kos rendah.

Beberapa projek juga telah terlewat perlaksanaannya akibat daripada kegagalan kontraktor untuk menyiapkan pembinaan mengikut jadual. Terdapat juga kontraktor-kontraktor yang telah meninggalkan kerja atas sebab-sebab tertentu. Proses tertentu semula dan sebagainya telah melewatkan menyiapkan projek yang berkaitan. Dalam hubungan ini perhatian yang berat akan diberikan kepada pemilihan kontraktor oleh agensi-agensi pelaksana. Pihak Kementerian juga menggalakkan sektor-sektor swasta agar lebih aktif dalam penyediaan rumah-rumah kos rendah melalui pelaksanaan konsep penswastaan.

Sungguhpun bilangan unit yang tidak dapat disiapkan bagi kedua sektor adalah agak besar iaitu sebanyak 178,910 unit daripada sasaran sebanyak 266,500 unit, saya suka memaklumkan juga bahawa sebanyak 85,049 unit daripada unit yang tidak dapat disiapkan ini berada dalam berbagai peringkat pelaksanaan.

Sehingga 30-3-1985 sebanyak 62,223 unit telah disiapkan oleh sektor awam berbanding dengan sasaran sebanyak 176,500 unit untuk sektor ini di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Ini adalah pencapaian sebanyak 35.2%. Sebanyak 94,132 unit lagi adalah dalam berbagai peringkat pelaksanaan. Angka pencapaian sebanyak 62,223 ini (sehingga 30-3-1985) sebenarnya telah melebihi sebanyak 35,973 unit ataupun 137% berbanding dengan pencapaian fizikal di bawah Rancangan Malaysia Ketiga (26,250) unit).

TENTERA SOVIET DI RANTAU ASIA—PASIFIK

39. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan Malaysia, sama ada dengan sendirinya atau menerusi ASEAN, telah membantah kepada Kerajaan Soviet terhadap peningkatan tentera darat dan tentera laut Soviet secara dahsyat di rantau Asia—Pasifik khasnya penaikan gred Cam Ranh Bey di Vietnam sebagai pengkalan tentera laut Soviet yang pertama di luar negeri yang menggunakan kapal-kapal pejuang Soviet yang paling berkuasa sekali, MIC 23; dan sama ada Malaysia akan mengambil daya usaha untuk mengemukakan perkara itu dalam perhimpunan Agung akan datang Bangsa-bangsa Bersatu untuk mendapatkan seluruh dunia mengutuk ancaman yang kian bertumbuh seumpama itu terhadap keamanan dan kestabilan rantau dan dunia.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-haj): Malaysia memandang berat terhadap peningkatan tentera Soviet di rantau ini seperti juga peningkatan tentera-tentera asing yang lain. Kita telah pun dari semasa ke semasa menyatakan kebimbangan kita terhadap perkembangan ini yang boleh mencetuskan persaingan di antara kuasa-kuasa besar. Ini akan menjejaskan keamanan dan kestabilan di rantau ini. Ianya juga akan menghalang usaha-usaha ASEAN untuk menjadi rantau Asia Tenggara sebagai kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali (Zone of Peace, freedom and Neutrality—ZOPFAN).

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum ZOPFAN adalah bertujuan untuk mengelakkan kawasan Asia Tenggara ini daripada menjadi satu arena persaingan di antara kuasa-kuasa besar. Adalah

diharapkan semua pengkalan-pengkalan tentera asing akan dapat diundurkan peringkat demi peringkat semasa ZOPFAN sedang diwujudkan.

Memandangkan juga satu ciri terpenting ZOPFAN adalah untuk negara-negara di Asia Tenggara mengadakan hubungan sama jarak (equidistance) dengan semua kuasa-kuasa luar, maka kuasa-kuasa ini bolehlah mengekalkan kepentingan-kepentingan yang sah (legitimate interests) mereka di rantau ini. Dengan cara sedemikian bukan sahaja keamanan dan kestabilan yang berterusan dapat diwujudkan di rantau ini tetapi juga negara-negara Asia Tenggara akan menerima penghormatan dari kuasa-kuasa besar.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG JALAN PERSEKUTUAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (17hb Julai, 1985).

3.37 ptg.

Tuan Patrick Anek Uren (Mas Gading): Saya ingin bercakap dalam Akta ini. Saya terdengar kelmarin dan terbaca di *Hansard* bahawa tujuan pindaan tersebut ialah untuk membolehkan Menteri di dalam Kementerian tersebut mengambil alih jalan raya-jalan raya di mana negeri ataupun jambatan-jambatan dan berbagai berkaitan dengan jalanraya. Memandangkan demikian saya tertarik hati kerana dengan adanya pindaan tertentu sedemikian kemungkinan besar bahawa Kerajaan Pusat melalui Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan

mengarahkan jentera-jentera untuk menengok, menyelidik dan akan membuat jalan raya-jalan raya di negeri yang mana sekarang masih berkurangan ataupun kalau ada jalan raya, masih tidak setaraf dengan yang ada sekarang di Semenanjung.

Saya rasa sejak tertubuhnya Highway Authority di negara ini jalan raya-jalan raya di seluruh Semenanjung telah pun dibuat setaraf antarabangsa dan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan pun telah ada melawat ke negeri Sabah dan Sarawak tahun dahulu dan awal tahun ini menurut laporan dan telah menengok keadaan jalan raya dengan matanya sendiri dan telah menyebut di situ kalau laporan itu benar bahawa pada masa akan datang tumpuan akan diadakan kepada pembinaan dan meninggikan taraf jalan raya-jalan raya yang ada sekarang di Sabah dan Sarawak.

Saya memuji tindakan Kerajaan sedemikian dan saya mengalu-alukan kalau itu tujuan Yang Berhormat Menteri tersebut iaitu dengan tujuan untuk memudahkan pengguna-pengguna di Negeri Sarawak dan Sabah supaya taraf jalan raya mereka ditingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memandang berat kerana kalau kita pergi; Tuan Yang di-Pertua pun dahulu ada pergi ke Kuching semasa menyambut Perayaan Hari Jadi Tuan Yang di-Pertua Negeri itu tetapi Tuan Yang di-Pertua tidak melawat ke pedalaman, tetapi kalau ada peluang, kalau lawatan dibuat tidak jauh dari Kuching-Lapangan terbang hanya 10 batu sahaja dari situ, keadaan jalan raya memang tidak baik sekali. Dan berekoran dengan itu, pelabur-pelabur pun kurang ingin melabur kepada usaha ini terutama di pedalaman, sebab kos input adalah tinggi oleh kerana kerosakan pada kereta, jentera dan kereta-kereta mereka adalah besar memandangkan

buruknya keadaan jalan raya. Jadi, saya rasa inilah masanya, biar lambat asal selamat, sekarang sudah ada dan saya harap dan menyeru kepada Yang Berhormat Menteri tersebut bahawa masa akan datang rakyat Sarawak dan rakyat Sabah memang memandangkan sangat kepada Kerajaan Pusat untuk menengok keadaan jalan raya di situ dibuat sesudahnya perbelanjaan di Highway Authority digunakan di sini, dan bakinya hendaklah dihantar di kedua negeri itu untuk kita menikmati taraf jalan raya serupa seperti di Semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Padang Serai.

3.42 ptg.

Tuan Tan Kok Hooi (Padang Serai): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun kerana ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang (Pindaan) Akta Jalan Persekutuan, 1985.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati bahawa di kebanyakan tempat jalan-jalan raya yang telah siap bina dengan elok dan sempurna sentiasa disusuli dengan kerja-kerja oleh Jabatan Telekom, LLN atau Jabatan Kerja Air. Biasanya jalan-jalan raya digali untuk memasang kebel-kebel telefon dan tidak lama kemudian jalan raya yang sama dikorek semula untuk kerja-kerja memasang kebel-kebel letrik. Berikutan dari itu bahagian jalan raya yang sama dikorek sekali lagi untuk kerja-kerja memasang paip air.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bercakap di bawah perkara apa itu?

Tuan Tan Kok Hooi: Itu berkaitan dengan jalan raya iaitu Jalan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi seksyen ini dipinda hanya seksyen 2 sahaja iaitu makna Menteri itu dimansuhkan di bawah Akta asal.

Tuan Tan Kok Hooi: Ya, saya akan ikut.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi jika hendak bercakap kenalah bersangkut dengan tugas Menteri.

Tuan Tan Kok Hooi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sekiranya macam itu saya akan sentuh sedikit berkenaan dengan pindaan itu semata-mata untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk membina lebih banyak plaza tol serta ingin menambahkan lagi kadar bayaran tol di sepanjang lebuhraya.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kini rakyat sedang menghadapi kemelesetan ekonomi, bebanan rakyat sudah berat, maka adalah diharap pihak Kerajaan supaya memikirkan dengan lebih mendalam tentang rancangan tersebut. Kerajaan harus dengan secara ikhlas dan sediakan sistem jalanraya yang baik, yang bermutu dan sempurna dengan tujuan semata-mata untuk menjaga keselamatan rakyat khususnya keselamatan pengguna jalanraya. Kerajaan tidak patut mempunyai motif untuk mendapatkan keuntungan atau ingin balik modal yang telah dibelanjakan. Kerajaan patut berusaha untuk mengurangkan perbelanjaan ini di bidang-bidang atau projek-projek yang kurang berfaedah kepada rakyat seperti projek-projek mewah. Pengguna-pengguna jalanraya ini telah banyak menyalurkan wang mereka ketika menggunakan jalanraya sama ada secara langsung atau tidak seperti membayar cukai jalan, cukai kereta, cukai yang dikenakan ke atas minyak kereta dan lain-lain cukai yang ada kaitan dengan kenderaan. Bilangan pusat pungutan tol dan kadar bayaran ini sudah memadai dengan keadaan sekarang.

Oleh itu, saya cadangkan supaya tidak diadakan plaza-plaza tol yang baharu selain daripada lebuhraya utara/selatan.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya kualiti lebuh raya kita tidak begitu memuaskan. Ini kerana kerap kali kita menjumpai kerosakan yang berlaku di mana-mana sahaja. Kerosakan jalanraya bukan sahaja menelan banyak wang untuk membaikinya malah kawasan-kawasan inilah yang sering berlaku kemalangan, akibatnya banyak yang kehilangan nyawa dan cedera parah, maka diharapkan supaya Kementerian yang berkenaan dapat mengkaji hal ini. Memandangkan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya ditubuhkan satu Unit Penguatkuasa Jalanraya di setiap daerah oleh Kementerian yang berkenaan untuk menjaga keadaan lebuhraya.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya lebuhraya yang ada di tanah air kita adalah memuaskan sekiranya dibandingkan dengan jalan-jalanraya negara-negara lain di rantau ini. Sungguhpun demikian, saya harap supaya pihak yang berkenaan sudi mengambil berat tentang cadangan yang telah saya kemukakan tadi di Dewan ini. Sekian sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

3.48 ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong pindaan ini, pindaan memberi kuasa jalan-jalan negeri kepada Menteri ataupun Kerajaan Persekutuan.

Dalam pindaan ini walaupun sedikit tetapi pada anggapan saya ini merupakan pindaan yang akan berlanjutan kepada lebih banyak lagi jalan-jalan ataupun jambatan-jambatan ataupun feri-feri yang akan

dikenakan tol misalnya, ataupun jalan yang bengkok-bengkok akan dibetulkan, yang buruk akan dibaharui. Kalau ini hasratnya yang bengkok-bengkok dibetulkan atau yang buruk dibaharukan, ini baik. Tetapi kalau sekiranya hendak diadakan tol, ini kurang baik sedikit. Kerana setakat ini pernah rakyat berkata bahawa Kerajaan sekarang ini hendak memasang lukah di pergentingan. Ini kita tahu, walaupun di dalam zaman kemelesetan ekonomi dan Kerajaan merasai kemelesetan ini. Setidak-tidaknya kita yang mewakili rakyat tidak akan membebankan kemelesetan ini kepada rakyat. Walaupun kita tahu kos maintenancenya tinggi, jalan-jalan yang bengkok-bengkok hendak diluruskan, tetapi apa perlunya kita lakukan kalau ini boleh membebankan rakyat. Pernah rakyat berkata misalnya sekarang ini banyak tol-tol sampai satu jalan itu ada dua tol; masuk tol, keluar pun tol; masuk kena bayar, keluar pun kena bayar.

Tujuan kita membuat jalan itu ialah supaya mempercepatkan perjalanan kita, tetapi sebaliknya, dengan adanya jalan yang lurus, mengadakan tol maka boleh menjadikan tergendala perjalanan kita, kadang-kadang tersesak-sesak pula. Misalnya jalan-jalan yang hendak masuk ke Kuala Lumpur satu masa nanti akan diadakan tol misalnya. Ini dari segi lahirnya tidak banyak \$1.00. Kalau orang menggunakan Mercedes tidak banyak \$1.00—\$1.00 masuk \$1.00 keluar—\$2.00 sehari hendak datang kerja sahaja, sebulan \$60.00.

Kalau kita naikkan road tax \$100 setahun tidak apa, tetapi ini sebulan \$60. Saya pernah dengar satu kompeni bas terpaksa membayar tol \$200,000 sebulan. Inilah punca-punca yang menyebabkan kerugian yang ditanggung oleh syarikat-syarikat bas. Jadi perbuatan ini pada lahirnya kita

anggapkan bagi Kerajaan hendak ambil wang rakyat, saya rasa banyak cara-cara lain yang dapat kita lakukan. Misalnya dengan menaikkan cukai jalan, dengan menaikkan lagi apa-apa yang patut kita lakukan, jangan begitu terasa sekali, fasal tujuan matlamat Kerajaan hendak meluruskan jalan, hendak mempercepatkan perjalanan memang baik tetapi kalau satu jalan itu ada 2 tol ataupun kalau buat macam Slim River pun boleh tahan juga, masuk kena bayar, keluar tidak kena bayar, satu jalan. Tetapi kalau 2 tol masuk bayar keluar pun bayar, jadi tergendala perjalanan kita.

Banyak lagi perkara-perkara jalan-jalan kecil, saya tidak tahulah orang Johor macam mana tetapi di Senai katanya, jalan di negeri Johor, jalannya tidak patut ada tol, jalannya pendek sangat tetapi ada tol. Perbuatan-perbuatan ini amat dirasakan oleh kerana kita tahu Kerajaan tidak mempunyai wang di dalam zaman kemelesetan ini tetapi apakah beban ini kita letakkan kepada rakyat yang mengundi kita sebagai wakil. Ini harus kita pertimbangkan dan pernah pekerja-pekerja yang menggunakan motokar, bukan yang pakai motokar mewah, tetapi yang pakai motokar-motokar kecil kerana motokar sekarang bukan merupakan luxury, tetapi merupakan necessity atau benda yang mustahak kepada mereka untuk bergerak kalau mereka itu tinggal di Kuala Lumpur. Katanya gaji naik \$20, bayar tol \$60; gaji naik \$20 sebulan, \$30 sebulan, bayar tol \$60 sebulan. Itu belum lagi hendak pergi beli ke Chow kit, belum lagi. Seolah-olah kita hendak menggalakkan orang-orang ini banyak tinggal di dalam bandar. Sudah tentu kalau rumah di luar bandar sewanya \$100, dalam bandar sewa \$120, baik sewa dalam bandar kalau hendak kena tol. Satu masa akan berlaku seperti ini. Kalau sekiranya di tempat-tempat pergentingan yang semestinya orang

lalu di tempat itu, kalau dipasangkan lukah ataupun untuk mendapat wang, ini akan menyiksa rakyat kita sendiri. Kita tidak rasa mahal masa kita bayar \$1, tidak besar, tetapi kalau kita kira sebulan \$60. Kalau katalah 25 hari kerja—\$50 sebulan. Ini adalah besar bagi mereka yang menggunakan motokar-motokar yang bukan luxuries motokar besar kerana mereka itu menggunakan motokar untuk keperluan.

Saya pernah menerima rungutan daripada syarikat-syarikat bas bahawa sudahlah kompeni-kompeni bas ini mempunyai pendapatan yang kecil, yang rendah dan ini merupakan satu perkhidmatan awam. Misalnya perjalanan daripada Seremban—Kuala Lumpur sahaja, sistem syarikat kenderaan Seremban—Kuala Lumpur, syarikat membayar tol sahaja \$200,000 sebulan. Itu bayar dengan secara bulanan, kalau bayar dengan secara harian saya rasa lebih lagi.

Jadi, minta kepada pihak berkenaan supaya mengkaji semula benda ini supaya tidak akan menjejaskan sedikit sebanyak kompeni-kompeni ataupun syarikat-syarikat yang memberi perkhidmatan awam, yang hendak menjalankan perkhidmatan awam dan juga kalau sekiranya tol itu bertambah lagi, kita hendak menggalakkan orang naik bas, maka bas ini akan menaikkan tambangnya kerana kena bayar tol juga. Dan inilah dengan pembayaran yang dilakukan sekarang ini boleh menambahkan kerugian yang ditanggung oleh setengah-setengah syarikat yang menjalankan perkhidmatan awam. Jika perlu pihak Kerajaan mengkaji semula memberi subsidi atau memberi pengurangan kepada pembayaran seperti ini ataupun jika perlu mengecualikan langsung daripada pembayaran tol kepada syarikat-syarikat yang menjalankan perkhidmatan kepada perkhidmatan awam dan perkhidmatan orang ramai yang

selama ini mengalami kerugian dan tidak mencapai keuntungan yang baik. Dan pula banyak jalan-jalan yang diswastakan. Saya minta kepada Kerajaan, kepada pihak berkenaan kalau jalan ini diswastakan maka hendaklah diberi kepada syarikat-syarikat yang berbilang-bilang syarikat, jangan diberi kepada satu syarikat sahaja, kita semua hendak kaya. Jadi, kalau semua hendak kaya, beri kepada semua syarikat, jangan kepada satu syarikat sahaja. Kalau satu syarikat sahaja ini akan dicakap oleh orang ramai. Kalau kita beri kepada banyak syarikat, sama-samalah pakat jadi kaya, sama-sama pakat kita duduk di tepi jalan, jadi ada pertandingan di antara satu syarikat atau satu kompeni itu. Kalaulah kita beri kepada satu syarikat yang menguruskan itu semua jalan-jalan itu sekali diberi kepada syarikat itu, hanya satu syarikat sahaja yang akan jadi syarikat gergasi sehingga syarikat lain tidak akan menerima apa-apa daripada perkara itu.

Selain dari itu di dalam masalah kita menggunakan kenderaan ini telahpun banyak Kerajaan mengambil cukai-cukai, misal kita kata, Kerajaan telah mengambil cukai-cukai. Kembali kepada mengurangkan tol tadi, banyak Kerajaan mengambil cukai, sudahlah cukai jalannya dikenakan, cukai petrol dikenakan, lesen dikenakan bayaran cukai, tayar kena cukai, ini kena banyak. Akhirnya, road tax telahpun bayar, tol lagi bayar, jadi seolah-olah hendak menghalang daripada keselesaan rakyat untuk menggunakan kemudahan-kemudahan yang wujud dalam negara kita.

Perkara ini patut kita kaji, jangan kita terlampau menyusahkan rakyat. Jangan kita membuat sesuatu yang boleh menyebabkan kemarahan rakyat oleh sebab kesilapan atau kekurangan atau kemelesetan yang kita alami sekarang ini kerana ini

banyak kita cakapkan, kita tidak perlu perkara-perkara yang boleh memberikan kebencian rakyat kepada kita. Kerana saya percaya yang membenci rakyat kepada kita dan perkara ini adalah membebankan mereka terutama kepada golongan-golongan yang miskin yang hanya secukup hidup, cukup pakai dan kita tidak kisah kepada mereka yang menjadi millionaire ataupun kaya-raya, orang berpangkat besar, tinggi, harta bermillion-milllion, ini kita tidak kisah tetapi kepada orang yang secukup hidup, ini amat besar kepada mereka kalau sekiranya Kerajaan melakukan tanpa memperkirakan kepentingan rakyat tetapi lebih mementingkan kepentingan kita untuk mendapat bayaran ataupun wang bagi menampung kerugian atau bagi menampung kehilangan oleh sebab kemelesetan ekonomi negara kita.

Dengan ini saya menyokong pindaan yang dikemukakan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Julau.

3.59 *ptg.*

Tuan Thomas Salang Siden (Julau): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Suatu Akta untuk meminda Ordinan Jalan Persekutuan, 1959 dan di samping menyokong Akta ini terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan. Sepatutnya Rang Undang-undang ini lama telah diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum bahawa masalah jalanraya di negeri Sarawak adalah satu masalah yang tidak memuaskan kepada rakyat keseluruhannya. Walaupun ada jalanraya seperti dari Kuching ke Seri Aman, dari Seri Aman ke Sibu dan dari Sibu ke Miri tetapi sebenarnya masih banyak lagi jalan tersebut telah tidak diberi tar.

Maka oleh sebab itu banyak kritik-kritik daripada orang ramai dan dengan meminda Ordinan Jalan Persekutuan, 1959 ini iaitu dengan memotong Seksyen 2, maka saya percaya rakyat di negeri Sarawak puas hati kerana Rang Undang-undang yang baru ini telah memberi kuasa-kuasa kepada Menteri di peringkat negeri khasnya kepada Menteri di Sarawak dan Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan di sini bahawa masa sekarang jalan-jalan di negeri Sarawak mempunyai hampir 90% jalan dilengkapkan dengan tanah merah dan di musim kemarau debu berlaku dan di musim hujan jalan tersebut runtuh dan banyak berlubang di sana sini. Namun demikian, saya berharap bahawa Kerajaan Persekutuan perlu mengambil berat atas masalah jalan di negeri Sarawak dan perlu menyumbangkan peruntukan wang sekurang-kurangnya dua kali ganda. Peruntukan wang perlu untuk jalanraya atau jalan kecil kepada negeri Sarawak supaya Menteri-menteri yang bertanggungjawab di negeri Sarawak akan menjalankan tugas-tugas mereka.

Selain dari itu, saya tidak bercakap berhubung dengan TOL pada masa ini. TOL tidak perlu dibuat di negeri Sarawak bahkan jalan-jalan yang ada sekarang masih ketinggalan kalau dibandingkan dengan jalanraya atau jalan kecil keseluruhan dengan di Semenanjung ini. Sepatutnya cukai-cukai jalan di negeri Sarawak perlu dikurangkan mengikut mutu jalan yang ada sekarang di negeri Sarawak dan oleh hal yang demikian, saya sekali lagi mencadang dan merayu kepada Kerajaan Persekutuan supaya dapat menyalurkan wang berlipat ganda selepas Rang Undang-undang ini telah diluluskan dalam Dewan yang mulia ini.

Akhirnya, saya berharap bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan pun perlu mengambil berat bersama dengan Menteri yang penuh bertanggungjawab supaya semua jalan-jalan yang amat penting kepada rakyat di negeri Sarawak akan dapat dilaksanakan dengan sempurna dan cepat.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang Jalan Persekutuan (Pindaan) 1959.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanjong.

4.03 ptg.

Tuan Koh Tsu Koon (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua saya bangkit untuk bersama-sama dengan rakan-rakan saya untuk membahaskan Rang Undang-undang iaitu suatu Akta untuk meminda Ordinan Jalan Persekutuan, 1959.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membincangkan tentang perkara tol kerana setakat ini soal TOL tidak timbul di negeri Pulau Pinang tetapi nampaknya akan timbul tidak lama lagi kerana siapnya jambatan Pulau Pinang. Setahu saya jambatan Pulau Pinang ini akan disiapkan pada bulan September yang akan datang ini dan jambatan Pulau Pinang ialah sebahagian daripada jalan Persekutuan iaitu yang menyambung pulau Pulau Pinang kepada Seberang Perai dan melalui jambatan ini, pulau Pulau Pinang akan disambungkan kepada jalanraya Timur/Barat dan juga jalanraya Utara/Selatan. Ini memang satu perkara yang amat dialu-alukan oleh rakyat di Pulau Pinang kerana dengan adanya jambatan Pulau Pinang ini, perkembangan ekonomi di Pulau Pinang akan menjadi lebih pesat lagi dan akan memberi satu perangsang yang begitu baik. Namun demikian, satu masalah yang sekarang dibimbangkan oleh rakyat Pulau Pinang ialah mengenai tol yang akan

dikutip oleh jambatan Pulau Pinang dan juga melalui Sistem Penyebaran Trafik (Traffic Dispersal System) yang berkaitan dengan jambatan Pulau Pinang.

Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Kerjaraya telah membuat satu pengumuman di negeri Pulau Pinang bahawa tol yang akan dikutip untuk jambatan Pulau Pinang ini adalah sama dengan tambang feri. Ini memang berpatutan iaitu sekiranya tol jambatan Pulau Pinang berbeza daripada tambang feri, maka akan timbul satu keadaan di mana orang ramai akan menggunakan sama ada jambatan Pulau Pinang ataupun feri dan bukan kedua-duanya dan ini akan juga mendatangkan masalah kesesakan trafik sama ada di jambatan Pulau Pinang ataupun di feri seperti yang telah berlaku pada beberapa tahun kebelakangan ini. Masalah kesesakan jalan ini adalah amat serius terutamanya pada hari-hari kebesaran dan juga hari Ahad dan hari Khamis di mana orang dari negeri-negeri di sekitaran negeri Pulau Pinang iaitu Kedah dan Perak datang beramai-ramai ke negeri Pulau Pinang. Maka inilah berpatutan dan wajar. Tetapi apa yang kurang jelas bagi saya dan juga bagi rakyat Pulau Pinang ialah sama ada kadar yang ada sekarang bagi tambang feri itu akan dikekalkan ataupun dinaikkan. Itu yang menjadi soal pokok. Sungguhpun tol jambatan Pulau Pinang itu akan disamakan dengan tambang feri, ini tidak bermaksud tambang feri dan dengan itu tol jambatan Pulau Pinang tidak akan dinaikkan ke satu paras yang tidak dapat ditanggung oleh orang ramai. Itulah soalan saya dan juga soalan yang dikemukakan oleh rakyat Pulau Pinang.

Saya berharap bahawa pihak Kerajaan dan Kementerian Kerjaraya khasnya, apabila menentukan tol bagi jambatan Pulau Pinang, beberapa perkara haruslah diambil kira.

Yang pertama, saya berharap bahawa Kerajaan akan mengambilkira bahawa kebanyakan daripada pengguna-pengguna feri sekarang ini terdiri daripada golongan berpendapatan rendah iaitu mereka yang menggunakan misalnya motosikal, basikal dan juga penumpang-penumpang yang berjalan kaki. Oleh itu bagi bahagian ini, pada pendapat saya tidak haruslah dinaikkan tambang feri, biarlah apa yang ada sekarang ini dikekalkan.

Saya memang memahami bahawa tambang feri yang sedia ada sekarang ini merupakan satu kadar yang rendah sekiranya dibandingkan dengan tambang-tambang feri di tempat-tempat yang lain, misalnya di Hong Kong atau di beberapa tempat di dalam negara kita ini, iaitu 40 sen bagi tiap-tiap crossing. Maksudnya ialah tambang feri ini disubsidikan oleh pihak Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pinang Port Authority). Namun demikian, pada pendapat saya, sekiranya tambang ini dinaikkan buat 50% pun tidak wajar kerana mereka ini selalunya berulang-alik. Ada yang rumah atau tempat kediaman mereka ini di sebahagian pulau dan mereka pergi mencari nafkah di Seberang Perai ataupun sebaliknya, kerana terdapat banyak kilang-kilang di kedua-dua bahagian negeri Pulau Pinang ini. Oleh itu, saya berharap bahawa satu prinsip yang akan diamalkan dan akan diikuti oleh pihak Kerajaan, apabila cuba menentukan kadar tol dan juga tambang feri ialah untuk mengambilkira golongan yang berpendapatan rendah supaya mereka ini diberi perlindungan, diberi pertimbangan khas dalam exercise ini. Itu yang pertama, Tuan Yang di-Pertua.

Yang keduanya, saya ingin mencadangkan supaya satu sistem kupon diperkenalkan, satu sistem kupon bagi kereta-kereta dan juga

bagi motosikal yang sentiasa menggunakan jambatan dan feri untuk berulang-alik, golongan ini saya memanggil sebagai dengan izin, frequent users, harus diberi pertimbangan khas. Misalnya bagi mereka yang selalu berulang-alik sekarang ini tidak diberi keistimewaan dari segi sistem kupon ataupun apa-apa sistem bulanan ataupun bayaran yang berpatutan kecuali untuk murid-murid sekolah dan untuk pemandu-pemandu basikal sahaja yang diberi keistimewaan. Maka saya ingin mencadangkan supaya sistem kupon ini dan satu sistem yuran ataupun tambang bulanan diperkenalkan bagi pemandu-pemandu kereta dan motosikal. Kemungkinan sistem ini boleh diperkenalkan dengan secepat mungkin iaitu sebaik sahaja jambatan Pulau Pinang dirasmikan pada pertengahan bulan September, jangan ditangguh-tangguhkan dan jangan pula berlaku satu kejadian di mana tol untuk jambatan Pulau Pinang akan dikenakan pada satu paras yang tinggi dan selepas bantahan-bantahan daripada rakyat negeri Pulau Pinang baru sahaja diturunkan. Adalah lebih baik sekiranya kita memulakan pada satu tahap yang munasabah dan mengambilkira beberapa faktor-faktor, terutamanya faktor ekonomi, iaitu memandangkan bahawa ekonomi negara kita ini sedang di dalam keadaan meleset dan juga orang ramai terjejas dalam keadaan ini. Maka saya ingin merayulah kepada pihak Kerajaan supaya dikenakan tol yang munasabah.

Saya juga difahamkan bahawa satu pertimbangan yang selalu diambilkira dan selalu diperbincangkan di kalangan pegawai-pegawai kanan Kerajaan iaitu tol ini mestilah bertujuan untuk mendapat balik perbelanjaan yang dibelanjakan untuk jambatan itu, tetapi sekiranya kita berdasarkan kepada prinsip ini, maka mengikut perkiraan saya, tol yang harus dikutip mestilah melebihi \$20

bagi tiap-tiap perjalanan. Ini tidaklah munasabah, untuk menampung faedah ataupun interest untuk pinjaman bagi pembinaan jambatan Pulau Pinang pun pada pendapat saya tidaklah munasabah kerana faedah itu agak tinggi. Oleh itu, saya berharap bahawa pihak Kerajaan janganlah memandang dari segi untuk mendapat balik dalam jangka pendek permodalan yang telah dikeluarkan melalui pinjaman World Bank, tetapi mengambil pandangan yang lebih luas pada jangka panjang, iaitu pada pendapat saya Kerajaan haruslah menganggap jambatan Pulau Pinang ini sebagai satu investment untuk perkembangan ekonomi bukan sahaja di negeri Pulau Pinang, tetapi juga di negeri-negeri di sekelilingnya iaitu negeri Kedah, negeri Perlis, negeri Perak dan melalui jalanraya Timur Barat, negeri-negeri di Pantai Timur supaya mereka ini dapatlah menggunakan pelabuhan dan juga segala kemudahan-kemudahan ekonomi di negeri Pulau Pinang. Segala-gala ini pada pendapat saya Tuan Yang di-Pertua, tidaklah dapat kita memberi satu angka dalam ringgit sen buat jangka masa pendek, tetapi buat jangka masa panjang saya penuh keyakinan bahawa returns, dengan izin, daripada jambatan Pulau Pinang ini sama ada dalam bentuk ekonomi ataupun bentuk sosial, politik dan lain-lain, itu adalah memadai, akan mendatangkan satu return yang begitu baik dari segi permodalan ataupun investment untuk jambatan Pulau Pinang ini. Oleh itu, saya ingin merayulah sekali lagi kepada Kerajaan bahawa pada permulaannya sekurang-kurangnya janganlah dikenakan satu tol yang melebihi tambang feri yang sedia ada sekarang, janganlah melebihi, kalau mahu melebihi pun janganlah lebih daripada 10% atau 20%, tetapi sekiranya dapat diperkenalkan satu sistem kupon bersama-sama dengan satu tambangan ataupun tol yang baru, maka satu keistimewaan akan

diberi untuk frequent users, iaitu penduduk-penduduk di negeri Pulau Pinang yang selalu berulang-alik.

Dan dengan ini saya juga ingin menyentuh sedikit satu perkara yang telah menjadi satu tajuk perbincangan di kalangan rakyat negeri Pulau Pinang iaitu mengenai nama untuk jambatan itu. Saya berharaplah perkara ini akan dapat diselesaikan, satu keputusan muktamad dibuat. Pada pendapat kebanyakan rakyat negeri Pulau Pinang berharap dan berhasrat bahawa jambatan Pulau Pinang itu dinamakan sebagai Jambatan Pulau Pinang. Memang ada beberapa pemimpin-pemimpin dan tokoh-tokoh negara kita ini yang nama mereka itu tepat untuk digunakan, tetapi sekiranya kita cuba hendak mencari satu nama yang sesuai ini bermakna bahawa ada yang akan dianggap kurang sesuai dan sekiranya ini berlaku maka ini akan menyentuh perasaan sensitif di kalangan tokoh-tokoh yang terlibat itu.

Dengan itu saya berharaplah bahawa akan ditetapkan nama Jambatan Pulau Pinang ataupun sekiranya dianggap kurang sesuai kerana perkataan "Pulau" itu bermaksud bahawa bahagian pulau sahaja yang akan diberi keutamaan dan bukan bahagian Seberang Perai, maka mungkin boleh dinamakan Jambatan Seri Pinang, Jambatan Mutiara Pinang atau apa-apa pun yang mempunyai nama Pulau Pinang. Ada dicadangkan Jambatan Buah Pinang pula tetapi selagi nama itu mempunyai nama "Pinang" yang berkaitan dengan Negeri Pulau Pinang, maka saya penuh keyakinan bahawa rakyat Negeri Pulau Pinang akan mengalu-alukannya.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sekali lagi menyokong Rang Undang-undang pada petang ini dan diharap bahawa apa yang saya telah

kemukakan itu akan diberi pertimbangan yang serius dan wajar oleh pihak Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bukit Mas.

4.22 *ptg.*

Tuan Mutang Tagal (Bukit Mas): Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang ini atas alasan bahawa pemberian kuasa kepada Menteri untuk mengisytiharkan mana-mana jalan, jambatan, feri ataupun lain-lain cara perhubungan di dalam mana-mana negeri sebagai Persekutuan adalah satu langkah yang baik oleh kerana Kerajaan Persekutuan mempunyai kemudahan-kemudahan yang banyak, mempunyai peruntukan-peruntukan kewangan yang dapat digunakan dalam menjalankan kuasa-kuasa untuk menyeragamkan jalan-jalan, lebuh raya-lebuh raya, jambatan ataupun feri-feri di seluruh negara. Walaupun kuasa-kuasa diberi di bawah Perlembagaan kepada Kerajaan Negeri untuk menjalankan tugas-tugas mereka mengenai dengan penubuhan jalan raya-jalan raya ataupun jambatan dan feri, pada pendapat saya lebih elok lagi jikalau Menteri yang dipertanggungjawabkan untuk melihat ataupun melaksanakan tugas-tugas berkaitan dengan jalan-jalan, jambatan, feri dan lain-lain cara perhubungan ini akan dapat mempertingkatkan mutu dan kualiti cara-cara perhubungan di seluruh negara ini. Rakan-rakan saya bukan sahaja dari Semenanjung Malaysia tetapi dari Serawak telah menyentuh tentang beberapa perkara mengenai dengan tol dan juga mengenai dengan mutu jalan raya.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai dengan kekurangan jentera-jentera yang digunakan dalam membina ataupun memperbaiki jalan raya, terutama di Negeri Sarawak. Rakan

saya tadi telah menyentuh tentang kekurangan ataupun mutu jalan raya lebuh raya yang kurang baik di Sarawak berbanding dengan Negeri Semenanjung. Tuan Yang di-Pertua, inilah satu kenyataan bagi Menteri-menteri, bagi orang-orang dari Semenanjung yang telah pergi ke Sarawak dan telah berjalan di bandar-bandar dan juga di luar bandar, di kampung-kampung di antara bandar-bandar di Sarawak telah pun meninjau ataupun melihat keadaan jalan raya yang begitu kurang ataupun yang begitu buruk sekali dari segi mutu jalan raya tersebut. Apabila saya berunding dengan Jabatan-jabatan yang berkenaan, pihak JKR bukan sahaja di dalam kawasan saya Bahagian Kelima, bukan sahaja di Limbang-Lawas tetapi di Miri, Bahagian Keempat dan juga Bahagian-bahagian lain, saya diberitahu oleh Pegawai-pegawai ataupun Resident Engineer atau District Engineer, dengan izin, bahawa kekurangan jentera premix dalam proses mereka mengetarkan jalan-jalan tersebut telah menyebabkan kekurangan mutu jalan raya yang ada di negeri itu. Oleh kerana kekurangan jentera premix itu mereka terpaksa menggunakan, dengan izin, manual labour dalam mencampur tar tersebut dan membuat jalan dengan menggunakan spade ataupun cangkul dan bukan dengan jentera-jentera moden sepertimana yang terdapat di negeri ini di sebelah Semenanjung. Oleh kerana itu proses yang menggunakan manual labour itu telah pun mengambil masa yang panjang, oleh kerana itu peruntukan-peruntukan yang diberi kepada JKR untuk memperbaiki ataupun untuk meningkatkan mutu taraf jalan raya itu tidak dapat diperbelanjakan dalam tahun yang tertentu memandangkan proses mengetarkan jalan raya ini menggunakan manual labour ada mengambil masa yang lama. Oleh kerana itu ada juga separuh peruntukan yang telah diberikan

kepada JKR di Negeri Sarawak terpaksa dikembalikan di hujung tahun.

Pada tahun ini peruntukan yang banyak ataupun yang tinggi sedikit dari tahun-tahun yang lepas telah diberikan kepada JKR Negeri Sarawak. Saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Menteri oleh kerana peruntukan yang lebih banyak sedikit pada tahun ini yang telah diberikan. Di kawasan saya juga peruntukan telah dinaikkan tetapi masalah yang dihadapi sekarang ialah mengenai dengan yang saya telah sebutkan tadi jentera premix yang tidak ada. Oleh kerana jentera premix yang tidak ada, proses mengetarkan jalan raya-jalan raya Persekutuan di Negeri Sarawak diperlambatkan, bukan dengan sengaja tetapi dilambatkan oleh kerana pegawai-pegawai di dalam JKR yang menjalankan tugas-tugas dalam mengetarkan jalan raya tidak ramai. Oleh kerana itu, matlamat (target) yang ditetapkan oleh Kementerian dan Jabatan JKR dalam mengetarkan ataupun memperbaiki taraf mutu jalan raya tidak dapat dicapai dalam masa yang tertentu.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Dan oleh kerana itu saya merayu kepada Menteri yang berkenaan, kepada Kementerian, kepada Kerajaan Persekutuan supaya memperuntukkan lebih banyak lagi jentera "premix" dan alat-alat jentera yang moden supaya proses mengetarkan jalan raya yang ada sekarang di negeri Sarawak dapat dibuat dengan licin, dapat diseragamkan mutunya supaya jangan lagi kita membuang masa dan kewangan dalam membuat repair dan memperbaiki semula jalan raya itu sekali lagi. Yang terdapat sekarang kalau dibanding dengan di Semenanjung, di Semenanjung kita dapati bahawa taraf jalan raya di

Semenanjung lebih baik dari jalan raya ataupun lebuhraya yang terdapat di seberang laut di Sabah dan Sarawak. Saya rasa Sabah mempunyai jalan raya yang lebih baik daripada Sarawak. Saya rasa dalam perkara ini negeri Sarawak yang ketinggalan. Ini satu kenyataan.

Kedua, Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyentuh juga mengenai satu sebab kenapa jalan raya yang terdapat di Sarawak itu selalu mempunyai lubang di jalan raya seperti batu-batu besar dan taraf jalan raya yang tidak baik itu kita dapat lihat dari masa ke semasa. Salah satu masalah yang dihadapi oleh Jabatan Kerjaraya di Sarawak ialah para-para kontraktor kayu balak yang menggunakan jalan raya Kerajaan dan oleh kerana banyak kontraktor-kontraktor kayu balak yang menggunakan jalan raya tersebut tiap-tiap bulan, tiap-tiap hari telah mengakibatkan lubang-lubang yang terdapat di atas jalan raya.

Saya diberi tahu juga bahawa para kontraktor yang menggunakan jalan raya di negeri Sarawak tidak membayar cukai-cukai tertentu yang telah dikenakan oleh jabatan-jabatan tertentu dalam beberapa bulan dan ia mengambil masa dalam satu, dua tahun tidak membayar pembayaran yang dikenakan. Oleh kerana para kontraktor kayu balak yang menggunakan jalan raya ini juga menggunakan jalan raya dengan membawa kayu-kayu yang besar, yang berat, saya menyeru kepada Kerajaan supaya sekatan-sekatan dibuat ke atas pengguna-pengguna jalan raya seperti kenderaan-kenderaan yang membawa kayu balak supaya dikenakan pembayaran yang lebih tinggi sejajar dengan beratan lori ataupun jentera-jentera yang mengangkut kayu balak mereka dari hutan ke "log pond" yang selalunya ada di bandar. Jadi jikalau Kementerian ataupun jikalau JKR tidak mengambil berat tentang

masalah ini, kita akan membuang beberapa ribu wang untuk membaiki jalan raya itu tiap-tiap tahun dan para kontraktor yang menggunakannya dengan kenderaan-kenderaan yang berat itu tidak dikenakan pembayaran apa-apa dan saya rasa ini tidak adil oleh kerana para-para kontraktor yang menggunakan jalan raya ini dengan kenderaan-kenderaan yang berat itu harus dikenakan bayaran.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan pembinaan Lebuhraya Pan Borneo, saya ingin menyentuh mengenai dengan masalah sungai yang terdapat di antara pembinaan Lebuhraya Pan Borneo dari Miri ke Lawas. Lebuhraya Pan Borneo yang ada sekarang di antara Miri dan Lawas akan melintasi negara Brunei Darussalam dan akan juga melintasi lima buah sungai.

Pada sekarang ini dua buah sungai yang terdapat di Kuala Baram dan Kuala Belait di sebelah Brunei Darussalam telah pun diperuntukkan dua feri, kalau saya tidak salah yang dijalankan oleh pihak Shell Sarawak dan Shell Brunei tetapi tiga buah lagi sungai yang akan diperuntukkan nanti dengan mengadakan feri ialah Sungai Batu Danau di antara Limbang dan Brunei dan juga di Temburong di antara Limbang dan Temburong dan satu sungai lagi di antara Temburong dan Trusan. Jadi, ketiga-tiga sungai ini saya diberi tahu oleh pihak JKR buat sementara waktu akan diperuntukkan dengan feri dan apabila kedudukan kewangan Kerajaan pulih nanti Kerajaan akan bercadang untuk membina jambatan.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya ingin menyentuh di sini ialah mengenai dengan tambang atas feri-feri yang akan diperuntukkan nanti kepada ketiga-tiga sungai ini memandangkan banyak orang yang menggunakan feri ini adalah orang-orang kampung, orang-orang di pedalaman. Oleh kerana itu

memandangkan juga peruntukan feri ini akan memudahkan orang-orang kita yang di kawasan saya iaitu di Lawas dan Limbang pergi ke Brunei untuk menjual barang-barang mereka ataupun hasil-hasil tanaman mereka, saya menyeru kepada Kerajaan, kepada Menteri supaya dalam menimbangankan mengenakan tambang, saya minta supaya tambang itu dibuat secara reasonable; bukan satu tambang yang tinggi yang tidak dapat orang-orang kampung membayar dan walaupun mereka membayar tetapi menjadi satu beban kepada mereka. Saya minta supaya satu kajian dibuat dahulu sebelum tambang itu ditetapkan.

Kedua, saya minta juga jikalau dapat, memandangkan tempat Limbang/Lawas ini adalah dekat dengan Brunei dan dekat dengan Miri, di mana kawasan Brunei dan Miri mempunyai minyak petrol, saya minta supaya jikalau dapat Kementerian berunding dengan pihak Shell Brunei dan pihak Shell Sarawak supaya pihak Shell dapat mengambil alih feri-feri yang akan dibina ini supaya pembayaran itu dapat dikecualikan supaya jangan membebankan orang-orang kampung menggunakan feri itu nanti.

Dan saya rasa jikalau Menteri ataupun Kementerian mengambil langkah untuk berunding dengan pihak Shell Brunei dan Sarawak dalam hal ini, saya rasa ini akan menjadi satu sumbangan yang baik sekali kepada rakyat-rakyat yang tinggal bersempadan dengan Brunei dan juga dengan Miri dan juga kepada rakyat-rakyat, orang-orang, penduduk-penduduk di sekitar tempat ini akan menikmati kemudahan dari pihak Shell Brunei dan Sarawak.

Dan oleh kerana itu saya haraplah bahawa Menteri akan mengambil berat tentang jentera yang saya telah sebutkan tadi supaya peruntukan yang banyak lagi dapat diberikan kepada

negeri Sarawak supaya proses mentertakan jalanraya itu dijalankan secara profesional, secara licin dan secara moden dan supaya mutu jalanraya yang ada di Sarawak dapat dipertingkatkan dari masa ke semasa.

Jikalau masalah jentera premix dan jentera-jentera lain yang berkaitan dengannya tidak diatasi oleh Menteri dan oleh Kementerian, saya rasa jalanraya yang ada di Sarawak dalam berpuluh tahun yang akan datang tidak akan menjadi baik kalau usaha tidak diambil oleh Menteri dan Kementerian dari Kuala Lumpur.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Tampin.

4.42 ptg.

Tuan Omar bin Abdullah (Tampin): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang ini dan sebelum itu saya ingin meminta maaf kepada Yang Berhormat Menteri sekiranya pemahaman saya tentang Rang Undang-undang ini tersilap. Setelah mendengar penerangan Yang Berhormat Menteri semalam, apa yang saya faham ialah pindaan kepada Ordinan Jalan Persekutuan ialah bertujuan untuk memudahkan prosedur dan pelaksanaan pengisytiharan jalan-jalan Persekutuan di masa-masa yang hadapan.

Saya ingin tahu sama ada pindaan ini juga ada mengambil kira tentang pengambilalihan "maintenance", dengan izin, jalan-jalan di seluruh negara ini sama ada jalan-jalan ini masih kita kategorikan kepada tiga sekarang ini. Umpamanya, sekarang ini kita ada Federal road dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dan kita ada pula State road dan selain daripada itu kita ada jalan kecil-kecil di kampung-kampung, ada yang memanggil jalan "DO", ada yang memanggilnya jalan tiga kaki dan sebagainya. Jadi sama

ada pindaan kepada Rang Undang-undang ini akan mengambil kira perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyebut perkara ini kerana pada pandangan saya cara pengurusan jalan sekarang iaitu membahagikan jalan-jalan tadi kepada tiga kategori merumitkan dan mengakibatkan banyak jalan-jalan di negara kita ini, terutamanya jalan-jalan di luar bandar mengalami kerosakan.

Perkara jalan ini di kawasan saya merupakan topik yang paling hot sekali kerana jalan berlubang itu sudah terlalu banyak. Walau bagaimanapun, saya memahami masalah Kerajaan tetapi perkara ini perlulah diambil pertimbangan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu saya ingin menyebut sedikit tentang peng wartaan jalan-jalan kerana di kawasan saya sendiri terdapat satu batang jalan yang telah pun siap dibina tetapi sekarang ini mengalami kerosakan yang teruk. Punca utama yang menyebabkan jalan ini rosak ialah jalan ini tidak diwartakan kerana proses mewartakan jalan ini memakan masa yang begitu panjang sekali. Akibat jalan ini tidak diwartakan pihak penguatkuasa seperti pihak Polis Diraja Malaysia, pihak JPJ telah tidak dapat mengambil tindakan undang-undang kepada lori-lori yang lalu, lori-lori yang melebihi muatan kepada had jalan yang ada pada hari ini.

Saya berharaplah dengan adanya pindaan yang memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri perkara ini tidak akan berlaku lagi kerana perkara ini merugikan sekali.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah jalan tadi, masalah State road, dengan izin, ada dua, tiga masalah besar, terutama sekali kebanyakan State road ini below standard, dengan izin, Tuan Yang Dipertua. Below standard jika

dibandingkan dengan penggunaan jalan-jalan tersebut pada hari ini khususnya jalan-jalan yang masuk ke kampung-kampung dan jalan-jalan yang menuju ke rancangan-rancangan FELDA.

Perkara ini yang sangat ketara di kawasan saya sendiri kerana jalan ini bila kita bina dahulu tidak mengambil kira tentang pembangunan-pembangunan pada masa-masa yang akan datang, pada masa hari ini, umpamanya, jalan-jalan masuk di Rancangan FELDA hari ini mengalami kerosakan yang hebat kerana jalan-jalan itu telah digunakan oleh lori-lori FELDA sendiri yang muatannya melebihi atau hampir 15 tan sedangkan jalan yang dibina adalah jalan 5 tan atau jalan 7 tan.

Masalah Kerajaan Negeri ialah masalah peruntukan, kalau sekiranya pindaan Ordinan Jalan Persekutuan ini mengambil kira supaya jalan-jalan di seluruh negara ini ditadbirkan oleh pihak Persekutuan, mungkin perkara ini akan dapat diselesaikan dengan mudah, kerana tidak semua Kerajaan Negeri mempunyai peruntukan yang cukup untuk maintain, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, jalan-jalan State seperti saya sebutkan tadi.

Yang kedua, masalah penurapan jalan, Kerajaan negeri selalunya tidak mempunyai peruntukan yang cukup dan sekiranya tidak dibantu oleh Kerajaan Pusat sudah tentu jalan-jalan di luar bandar ini tidak baik dan akan mendatangkan masalah kepada penduduk di luar bandar. Sementara masalah jalan di kampung pula, masalah peruntukan Kerajaan Negeri juga merupakan masalah yang besar kerana Kerajaan Negeri tidak mampu atau tidak mempunyai wang yang cukup untuk membina jalan, setelah jalan dibina, jalan "DO" ini tidak ada peruntukan untuk memperbaikinya, dan kalau sekiranya tidak ada bantuan

daripada Kerajaan Pusat sudah tentu penduduk luar bandar akan menghadapi masalah yang rumit.

Pada pandangan saya eloklah kalau sekiranya pihak Kerajaan Persekutuan dapat memikirkan tentang perkara ini dan dapat menyelaraskan cara-cara kita menjaga jalan-jalan kita.

Satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, mengenai jalan-jalan ini, pihak JKR pun nampaknya ditadbirkan mengikut cara kita mentadbirkan jalan ini kerana kita ada Federal JKR dan juga kita ada State JKR walaupun perkara ini banyak baiknya, tetapi ada juga tidak baiknya, terutama sekali dari segi priority yang diberikan oleh JKR memandangkan peruntukan yang terhad sudah tentu priority utama atau keutamaan yang utama yang diberi kepada Federal road jika dibandingkan dengan State road dan ini menimbulkan masalah kerana jalan-jalan Negeri yang menuju ke kampung-kampung selalunya menjadi mangsa dari segi peruntukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat menimbangkan masalah ini. Selain daripada masalah itu terdapat juga masalah pengurusan kewangan. Terdapat masalah pemakaian peruntukan Federal untuk jalan Negeri dan pemakaian peruntukan Negeri untuk jalan-jalan Federal. Walaupun perkara ini tidak rasmi tetapi dari segi pelaksanaan memang banyak berlaku dan ini patut kita mencari satu cara penyelesaian supaya perkara ini dapat mendatangkan kebaikan dari segi pembaikan jalan-jalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut tentang mutu penjagaan jalan-jalan kita di mana nampaknya pihak JKR sendiri tidak mampu lagi untuk memperbaiki jalan secara satu cara yang sistematik, melalui satu cara yang terus-menerus.

Pihak JKR hanya dapat memperbaiki jalan apabila ada tekanan-tekanan hebat, apabila jalan-jalan itu rosak atau banyak mengalami kerosakan dan kerosakan jalan ini adalah kerana sistem road maintenance, dengan izin, tidak dilakukan secara terus menerus, mungkin kerana masalah peruntukan kurang tetapi kalau kita kaji dari segi kos yang sebenarnya, maka sudah tentu kos yang sebenarnya lebih tinggi daripada perbelanjaan yang sepatutnya kita ambil, kalau ada satu continuity maintenance yang dilakukan oleh JKR sendiri. Dan dari segi perbincangan dengan pihak JKR sendiri selalunya kita diberitahu bahawa masalah utamanya ialah masalah ketidakcukupan. Jadi masalah ketidakcukupan ini sudah tentu berkait dengan masalah kewangan kerana yang tidak cukup seperti yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Sarawak tadi semua tidak cukup, dari segi kakitangan tak cukup, dari segi jentera pun tidak cukup, dari segi peruntukan sudah tentu tidak mencukupi juga.

Dalam perkara ini mungkin ada baiknya kalau sekiranya pihak Yang Berhormat Menteri memikirkan untuk melaksanakan sistem penswastan jalan-jalan ini seperti mana yang dilakukan dalam maintenance lebuh raya-lebuh raya di bawah Lembaga Lebuh raya Malaysia sendiri kerana kalau sekiranya jalan-jalan ini tidak dibaiki dengan satu cara maintenance yang baik, sudah tentu akan mendatangkan kerosakan dan kerugian yang besar kepada pihak Kerajaan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit berkaitan dengan Ordinan Jalan Persekutuan ini dan saya rasa juga meliputi tentang jalan-jalan atau lebuh raya-lebuh raya yang di bawah jagaan Lembaga Lebuh raya sendiri. Pembinaan lebuh raya-lebuh raya di negara kita ini

memanglah akan mendatangkan banyak kebaikan kepada rakyat Malaysia sendiri dan kita terpaksa membawa kontraktor-kontraktor asing, kontraktor-kontraktor luar negeri untuk membina lebuh raya kita oleh kerana kita tidak mempunyai kepakaran tetapi terdapat banyak rungutan. . . .

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, sila duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Ahli Yang Berhormat, saya nampak dia telah bercakap begitu lama dalam Bil mengenai tugas pengisytiharan dan saya mahu ambil perhatian mengenai Peraturan Mesyuarat 36 (1) mengenai relevancy.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 36 (1) yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ialah mengenai sama ada ucapan Ahli dari Tampin ada berkaitan secara langsung dengan masalah di hadapan Majlis. Saya harap selepas ini Yang Berhormat lebih menumpu kepada perkara yang lebih jelas berkait dengan masalah di hadapan Majlis. Sila teruskan, Ahli Yang Berhormat.

Tuan Omar bin Abdullah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, Saya tadi sebenarnya bercakap ataupun menyentuh tentang perkara Lembaga Lebuh raya Malaysia kerana ada berkaitan dengan apa yang saya telah sebutkan sebelumnya dan juga berkaitan dengan Ordinan ataupun pindaan kepada Rang Undang-undang yang kita bincangkan sekarang ini.

Sebelumnya tadi saya telah menyebutkan sama ada pindaan Ordinan Jalan Persekutuan ini hanya menyebutkan tentang perisytiharan dan saya meminta Yang Berhormat Menteri juga menimbangkan pada masa-masa yang akan datang supaya memikirkan sama ada perlu

pengurusan jalan-jalan itu diselenggarakan di bawah tanggungan Kerajaan Persekutuan sendiri. Inilah sebabnya, Tuan Yang di-Pertua, saya telah terpaksa menyebutkan juga tentang lebuhraya-lebuhraya yang sedang kita bina sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai lebuhraya ini saya tadi telah menyebut supaya Kerajaan juga mengawasi dan peranan-peranan yang dimainkan oleh kontraktor-kontraktor asing.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya minta satu ruling. Perkara itu saya rasa tidak ada berkaitan dengan perisytiharan Peraturan Mesyuarat 36 (1).

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya rasa masalah sama ada perkara yang diucapkan itu adalah berkaitan atau tidak hanya bergantung sama ada Ahli Yang Berhormat itu lebih jelas kaitkan perkara yang dia ucapkan itu dengan kuasa-kuasa yang diperolehi oleh Menteri yang mana akan mengendalikannya Rang Undang-undang ini selepas diberi kuasa tersebut. Sila teruskan, Ahli Yang Berhormat.

Tuan Omar bin Abdullah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, begitu jugalah pemahaman saya seperti yang disebutkan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, mengenai lebuhraya ini, saya ingin meminta Yang Berhormat Menteri supaya memastikan bahawa kontraktor-kontraktor yang membina jalan tadi. . . .

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya rasa kalau secara itu tidak ketara kaitannya.

Tuan Omar bin Abdullah: Baiklah, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak akan menumpu kepada perkara lebuhraya ini tetapi saya ingin menyebutkan sedikit tentang tol yang telah banyak

disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap sebelumnya tadi dan saya sangat bersetuju dengan pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya Ahli Yang Berhormat daripada Sepang yang bercakap semalam mengenai kos-kos yang terpaksa dibayar oleh pengguna-pengguna jalan raya dan pengguna-pengguna lebuhraya. Jadi nampaknya masalah tol ini telah menjadikan rakyat berasa bimbang, berasa tidak puas hati dan Kementerian Kerjaraya menjadi tidak popular kerana kos yang terpaksa ditanggung oleh pengguna jalan raya pada hari ini kalau kita totalkan, kalau kita campurkan memanglah begitu tinggi sekali. Jadi memang ada baiknya kalau pihak Kementerian sendiri memikirkan seperti yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepang sama ada untuk memilih ataupun mengenakan tol dan mengurangkan cukai jalan ataupun menaikkan cukai jalan dan langsung tidak mengenakan tol.

Jadi saya menyokong pendapat itu dan juga saya ingin menyarankan supaya sistem tol yang akan dikenakan juga akan memudahkan pengguna-pengguna kerana nampaknya di bahagian lebuhraya di sebelah selatan yang sedang dibina sekarang telah juga dibina rumah-rumah tol yang nampaknya membimbangkan pengguna-pengguna kerana terlalu banyak sangat rumah tol yang dibina. Jadi mungkin ada baiknya kalau Yang Berhormat Menteri Pengangkutan menjelaskan kepada orang ramai tentang sistem tol yang akan dikenakan kerana kebimbangan itu dapat kita kurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih dan saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Parit.

4.58 ptg.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis (Parit): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kerjaraya kerana telah membawa dan membentangkan Rang Undang-undang yang bernama Akta Jalan Persekutuan (Pindaan) 1985.

Mengikut apa yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa tujuan pindaan Ordinan ini adalah bertujuan untuk memudahkan lagi sistem, prosidur dan pelaksanaan perisytiharan jalan-jalan raya, jalan-jalan Persekutuan di masa-masa yang akan datang.

Pindaan Ordinan ini juga adalah memberi jalan ataupun memudahkan pelaksanaan juga perhubungan antarabangsa pihak Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri di dalam perundingan berkaitan dengan penyelenggaraan jalanraya-jalanraya di seluruh negara. Maka bagi menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan saya ingin mengemukakan beberapa perkara yang ada kaitan dengan peranan Menteri yang dibawa dalam Akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dengan pindaan ini, sudah tentulah akan lahir satu perubahan di dalam melicinkan lagi pengurusan dan pentadbiran jalan-jalan, pembinaan-pembinaan termasuklah pembinaan tol, kutipan tol dan juga pengurusan feri dan sebagainya. Tetapi di dalam melaksanakan program-program tersebut, pihak Kerajaan khasnya Kementerian yang berkenaan mestilah benar-benar berhati-hati supaya pelaksanaan Akta atau Rang Undang-undang ini nanti tidak akan membeban rakyat jelata iaitu sebagai pengguna-pengguna jalanraya, pengguna perhubungan setiap hari di

dalam kegiatan ataupun dalam kehidupan harian mereka terutamanya di dalam kerja-kerja seharian mencari nafkah hidup. Dan juga tidak akan membeban rakyat jelata untuk menanggung satu tambahan perbelanjaan. Misalnya dengan menambah banyak lagi tol-tol jalanraya maka sudah tentulah banyak rakyat yang terlibat untuk membayar tol tersebut apabila mereka menggunakan jalan-jalan yang dibuat tol tersebut di kawasan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, sistem perhubungan ataupun perjalanan utama dalam negara kita seperti yang disebut oleh Yang Berhormat dari Tampin dibahagikan kepada tiga. Di tempat saya sebenarnya dibahagi kepada empat, dipanggil:

- (1) Jalan Persekutuan.
- (2) Jalan Negeri.
- (3) Jalan D.O.
- (4) Jalan Wakil Rakyat,

yang disebut Jalan Wakil Rakyat ialah jalan-jalan tanah merah. Jadi, timbulnya nama-nama yang demikian adalah disebabkan oleh taraf jalan tersebut kerana kalau dipanggil jalan Persekutuan maka kita akan dapati satu jalan yang serba-serbinya memuaskan. Jalan-jalannya lebar, jalan dibuat dengan begitu sempurna dan penggunaannya pula berlainan dengan jalan-jalan kategori yang lain kerana jalan ini terlalu sibuk digunakan sepanjang hari.

Biasanya jalan Persekutuan bentuknya sempurna, luas tinggi mutunya, manakala jalan di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri keadaannya agak sempit, mutunya agak rendah dan pada satu ketika dahulu jalan yang demikian hanya digunakan oleh kenderaan-kenderaan kepunyaan awam iaitu kepunyaan orang ramai, lalu lintasnya tidaklah begitu sibuk. Tetapi pada hari ini

jalan-jalan peringkat negerinya pun telah menjadi satu jalan yang begitu sibuk oleh kerana dengan adanya pembangunan baru yang disediakan oleh Kerajaan, bertambahnya bilangan kenderaan dan dengan adanya pula pembinaan jambatan-jambatan yang dapat meringkaskan ataupun short cut perjalanan dari satu tempat ke satu tempat.

Tuan Yang di-Pertua, jalanraya peringkat negeri ini biasanya terutama yang merentas kawasan-kawasan perkampungan dihadkan ataupun kemampuan jalan tersebut ialah untuk kenderaan yang beratnya di bawah daripada 5 tan. Tetapi di kawasan saya, jalan tersebut telah pun diberikan notis dibenarkan kenderaan-kenderaan menggunakan di bawah had 13 tan. Tetapi apabila jalan tersebut merupakan jalan ringkas iaitu daripada Bota menerusi Teluk Intan, Sabak Bernam dan terus ke persimpangan Kepong maka jalan itu persambungan jalan Persekutuan iaitu jalan State. Saya maksudkan daripada Bota hingga ke Teluk Intan dan Sabak Bernam sekarang ini digunakan oleh kenderaan-kenderaan berat dan juga tanker-tanker yang membawa minyak kelapa sawit dan sebagainya. Maka seperti yang disebut oleh rakan-rakan saya daripada Barisan Nasional sebelum ini banyaklah berlaku kerosakan.

Perkara ini patutlah diambil berat oleh pihak Kementerian khasnya supaya jalan yang sepatutnya digunakan oleh kenderaan yang ringan telah digunakan oleh kenderaan yang berat. Kerosakan-kerosakan senantiasanya berlaku dan Kerajaan Negeri.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana di hadapan kita ialah satu pindaan untuk memudahkan pentadbiran Ordinan supaya mengenai siapa Menteri yang akan bertanggungjawab mengenai perkara perisytiharan jalan-jalan Federal dan saya rasalah perkara pembinaan, perkara pengurusan itu perkara yang lain iaitu dahulu ialah Menteri Transport, sekarang ialah Menteri yang dinamakan di bawah Akta, "tugas Menteri" dan bukan saya mahu mengganggu tetapi ini saya rasa menyentuh Peraturan Mesyuarat 36 (1) relevancy.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, Ketua Pembangkang telah membangkitkan Peraturan Mesyuarat 36 (1) sama ada isi ucapan Ahli Yang Berhormat dari Parit tadi adalah berkait atau tidak dengan masalah di hadapan Majlis.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya memutuskan oleh kerana dengan perisytiharan dengan diluluskan Rang Undang-undang ini maka kuasa-kuasa seorang Menteri tertentu akan menjadi kuasa-kuasa mana-mana Menteri dalam Kabinet Kerajaan. Maka adalah menjadi di antara tugas-tugas dan tanggungjawab Menteri yang berkenaan mengetahui tentang kedudukan, mengendali pengurusan dan menyedari tentang pembangunan jalan-jalan di negara ini. Maka atas prinsip yang saya huraikan itu perkara-perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Parit adalah berkait dengan kuasa yang kita bakal beri kepada mana-mana Menteri itu. Terima kasih, sila teruskan.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Tuan Yang di-Pertua lebih faham tentang masalah ini dan Ketua Pembangkang memang tidak faham kerana kalau kita mendengar ucapan-ucapan beliau membincangkan Akta dalam Hakisan

Parlimen tempoh hari, cerita BMF pun keluar, langsung tidak ada kena-mengena.

Jadi, sekarang saya bercerita berkenaan dengan kedudukan jalanraya-jalanraya yang patut diketahui oleh Menteri dan bagi memudahkan supaya pindaan kepada Ordinan ini dapat benar-benar diambil tindakan oleh Menteri-menteri yang berkenaan.

Saya rasa sudah tentu patut saya menerangkan kedudukan-kedudukan yang terdapat di tempat-tempat khasnya di kawasan saya, jadi saya berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya sambung semula masalah-masalah kerosakan yang saya sebutkan tadi, maka sudah tentulah perkara-perkara yang perlu kita ambil tindakan, perkara-perkara yang perlu diambil perhatian oleh pihak Menteri supaya perkara yang berlaku itu dapat dibaiki. Saya rasa dua tiga perkara perlu saya kemukakan. Yang pertama sekali, jalan yang hanya untuk 5 tan ke bawah digunakan oleh kenderaan melebihi 13 tan maka sudah tentulah satu tindakan atau satu keputusan yang tegas perlu diambil oleh pihak JPJ, walaupun ini rasanya di luar daripada Kementerian Pengangkutan.

Pihak JPJ dengan kerjasama Kementerian Kerjaraya perlulah mengambil tindakan terhadap pengguna-pengguna yang tidak bertanggungjawab itu, pengguna-pengguna yang sepatutnya tidak menggunakan jalan tersebut sekarang menggunakan jalan tersebut. Dan kalau sekiranya perkara yang pertama itu tidak dapat berjalan dengan begitu licin maka tindakan yang kedua ialah pengambilan alih dengan seberapa segera oleh Kementerian Kerjaraya kepada jalan-jalan tersebut iaitu dengan cara ini sudah tentulah

menaikkan tarafnya kepada jalan Persekutuan, maka sudah tentulah kerosakan-kerosakan yang berlaku di jalan tersebut dapat dibaiki oleh Kerajaan Persekutuan. Kerana kita sedia maklum Kerajaan Negeri selalu menghadapi masalah kekurangan peruntukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga dalam menyokong pindaan Ordinan ini ingin menceritakan iaitu di waktu akhir-akhir ini kita sentiasa membaca ataupun kita sentiasa mengikuti berita-berita begitu banyak kejadian-kejadian ataupun kemalangan jalan raya. Keadaan itu terus meningkat dari setahun ke setahun. Jadi, hubungan antara kemalangan jalan raya; nanti Ketua Pembangkang kata ini tidak ada kena mengena.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sudah mula terkeluar daripada batas. Saya membenarkan Ahli Yang Berhormat memberi beberapa sebab pun, beberapa kelemahan pun untuk Menteri berkenaan yang bakal selepas pengisytiharan yang dibuat di bawah Rang Undang-undang ini akan menerima tanggungjawab untuk dipertimbangkan sama ada hendak diisytiharkan jalan Persekutuan atau tidak tetapi janganlah terlalu keluar daripada perkara-perkara masalah di hadapan Majlis. Sila teruskan Yang Berhormat.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya tinggalkan masalah itu.

Sekarang ini masalah pengambilan ataupun tanggungjawab yang perlu diambil oleh Kementerian daripada jalan peringkat Negeri kepada jalan Persekutuan. Apa yang berlaku sekarang ini misalnya saya beri contoh di tempat saya, jalan daripada Ipoh ke Lumut dahulu merupakan jalan

Persekutuan atau peringkat jalan Persekutuan biasa sekarang ini sudah dinaikkan tarafnya menjadi lebuhraya. Lebuhraya yang sedang dibina antara Lumut dan Ipoh sekarang ini siap setakat Bota dan masih lagi memerlukan lebih kurang 30 kilometer untuk menyampaikan ke Ipoh.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang perlu diambil perhatian ialah kerana lebuhraya ini merentas beberapa banyak kampung-kampung yang dahulunya tidak terletak di kiri kanan lebuhraya. Oleh itu, persimpangan-persimpangan daripada lebuhraya masuk ke kawasan-kawasan perkampungan ataupun menghubungkan ke pekan-pekan kecil di sekitarnya terlalu banyak didapati. Persimpangan-persimpangan yang wujud sekarang ini keadaannya membahayakan kepada pengguna-pengguna jalan raya.

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi, kalau Kerajaan Pusat ambil alih, boleh hilangkah simpang itu?

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis: Kalau Kerajaan Pusat mengambil alih ini dia boleh membetulkan kedudukan simpang itu supaya boleh diperbaiki kerana simpang yang ada sekarang ini membahayakan kepada pengguna-pengguna, kalau dahulu tidak ada masalah ini timbul.

Saya rasa pihak Kementerian eloklah mengambil perhatian supaya bentuk persimpangan-persimpangan jalan yang menghala ke kawasan-kawasan perkampungan ini dapat diperbaiki kerana setiap pengguna apabila hampir kepada persimpangan tersebut akan menghadapi satu perasaan selamat atau tidak. Jadi, saya rasa masalah yang macam ini perlulah kita perbaiki supaya jangan kita merancang untuk membentuk atau mengadakan satu pembangunan yang menunjukkan kemampuan kita

sebaliknya kita menimbulkan masalah ataupun merunsingkan kepada pengguna-pengguna yang selama ini tidak menghadapi masalah tersebut, misalnya persimpangan tersebut perlukah tidak diletakkan lampu isyarat atau sebagainya ataupun tanda-tanda had laju yang patut diletakkan di beberapa tempat untuk dipatuhi oleh pengguna-pengguna jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam masalah pengambilan alih jalan-jalan Negeri kepada Persekutuan dan juga di dalam usaha membesarkan jalan-jalan Negeri, satu perkara lagi yang perlu kita ambil perhatian ialah apabila jalan-jalan ini dibesarkan apa yang berlaku sekarang jalan sahaja dibesarkan jambatan-jambatannya tidak. Jadi apabila jalan besar jambatannya sebesar yang lama juga maka ini juga akan membawa satu akibat yang buruk hasil daripada rancangan kita. Maka saya rasa pihak Kementerian di samping membesarkan ataupun menaikkan taraf jalan raya-jalan raya ini hendaklah juga memperbaiki dan membesarkan jambatan-jambatan di mana jalan tersebut melaluinya.

Saya beri contoh, misalnya di Parit jalan lebuhraya daripada Lumut ke Ipoh menempoh Bota ada satu jambatan yang panjang iaitu Jambatan Sultan Idris Yang Kedua. Jambatan tersebut masih kekal dengan bentuknya yang lama walaupun lebuhraya telah pun siap. Jadi, sudah tentulah kalau sekiranya orang yang kurang biasa menempoh jalan itu dia akan memecut laju sampai ke jambatan sudah tentu dia akan merempoh jambatan tersebut.

Ini satu perkara yang perlu diambil tindakan bersama oleh Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cukuplah setakat itu perkara-perkara yang ingin saya sampaikan sebagai tanda saya memberikan sokongan

kepada Akta yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Menteri dan akhirnya saya ucapkan terima kasih dan menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Baling.

5.19 ptg.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron (Baling): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut serta menyokong dan membaharui Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Jalan Persekutuan 1959 untuk memotong seksyen 2.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh hujah-hujah yang dibawa oleh rakan saya dalam perkara penubuhan satu-satu tol itu setelah dikaji dengan sedalam-dalamnya baharu diadakan. Begitu juga pihak Kementerian Kerjaraya akan mengkaji semula harga-harga tol yang telah berjalan dan dikutip sekarang supaya berlaku keadilan terhadap mereka yang patut diberi pertimbangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan bercakap hanya satu masalah sahaja kerana ada terdapat jalan-jalan Persekutuan dan jalan-jalan Negeri sekarang ini ada pokok-pokok seperti getah dan kelapa ditanam dalam kawasan reserve jalan dan berdekatan dengan gigi jalan terutama sekali di kawasan ladang getah dan kelapa. Menanam pokok dalam reserve jalan yang mana manakala besar nanti bersambung dahan di antara pokok sebelah menyebelah yang menyebabkan gelap dan selalu dahan dan pokok jatuh di tengah jalan dan selalu mengakibatkan tersekat lalulalang berjam-jam. Dan juga kerap berlaku kemalangan dalam musim hujan terutama di waktu siang sekalipun kerana didapati gelap dan tidak boleh dipandang dengan lurus dan terang. Oleh itu saya berharap

supaya pihak Kementerian Kerjaraya akan menggunakan kuatkuasa supaya mencegah pihak empunya ladang-ladang menanam semula tanaman mereka seperti getah, kelapa di kawasan rizab jalan supaya sesuatu jalan raya lurus dan bersih dan dapat mengelak daripada berlaku kemalangan. Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang ini didapati kuatkuasa ini berjalan bagi membina bangunan dan rumah kedai sahaja.

Dengan ini saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Matang.

5.21 ptg.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid (Matang): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Jalan Persekutuan (Pindaan) yang mana Rang Undang-undang Jalan Persekutuan (Pindaan) ini telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kerjaraya tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya di sini ingin menegur ada beberapa perkara berhubung dengan masalah jalan-jalan raya yang mana tadi Tuan Yang di-Pertua telah pun memberitahu bahawa patut kita menerangkan dengan panjang lebar kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Jadi di sini.

Timbalan Yang di-Pertua: Asalkan penerangan itu berkait dengan masalah di hadapan Majlis.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Ya, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi di sini saya ingin menerangkan berhubung dengan masalah jalan-jalan raya di negara kita ini. Kalau kita bandingkan dengan jalan-jalan raya dalam Asia ini, boleh

dikatakan jalan-jalan raya di Malaysia ini adalah jalan raya yang paling baik kalau kita bandingkan dengan highway ataupun lebuhraya di Indonesia, di Thailand ataupun di Philippines, begitu juga di India dan juga di Burma.

Tetapi di sini saya ingin memberitahu berhubung dengan masalah jalan-jalan raya kita ini mungkin ada beberapa sebab, misalnya jalan-jalan raya kita ini, walaupun Menteri sudah senyum bila saya kata yang terbaik di dalam Asia ini, tetapi saya hendak tegur juga, ada beberapa masalah, tetapi yang saya takut Menteri ini kalau dia hendak pergi dari Kuala Lumpur ke utara ataupun selatan dia menaiki kapal terbang, dia tidak lalu ikut jalan raya, ini menjadi satu masalah. Saya rasa Yang Berhormat Menteri pun sedar, misalnya katalah macam kami Ahli-ahli Parlimen berulang-alik daripada tempat, misalnya saya daripada Taiping datang ke Kuala Lumpur, kita lihat jalan raya ini, kebanyakan jalan-jalan raya kita ini yang rosak. Ini bukanlah bererti bila kata rosak itu tidak boleh lalu, untuk pengetahuan Menteri, maksud saya banyak daripada jalan-jalan raya kita ini yang dikatakan Federal Highway itu berlopak-lopak. Misalnya, katalah daripada Slim River hendak sampai ke Tanjung Malim ada setengah tempat bila kita bawa motokar kita rasa agak sedap tetapi sampai di setengah tempat kita rasa macam duduk atas kapal yang ombaknya kuat, terumbang-ambing dan bunyi tayarnya pun satu macam kerana jalan-jalan raya ini banyak yang rosak. Apabila diperbaiki cuma ditampung sahaja, bila tampung itu yang berlekak-lekuk. Saya pada satu malam balik selepas Parlimen ini nyaris-nyaris terbalik tetapi nasib baik. Kalau terbalik hari itu saya hendak saman Kementerian Kerjaraya, tetapi Alhamdulillah. Inilah saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan Mesyuarat 36 (1).

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Ini minta jalan atau apa, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Peraturan Mesyuarat dibangkitkan, sila duduk Yang Berhormat dari Matang.

Tuan Lim Kit Siang: Atas perkara di hadapan kita ialah pemindahan daripada seorang Menteri kepada Menteri yang lain mengenai tugas pengisytiharan daripada Jalan Negeri kepada satu Jalan Persekutuan dan nampaknya Yang Berhormat itu berucap mengenai keadaan jalan-jalan iaitu tidak relevant di bawah Peraturan Mesyuarat 36 (1).

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya rasa kalau kita dengar dengan teliti mungkin ada kaitannya dan saya yakin ada kaitannya, sebab saya rasa maksud Ahli Yang Berhormat dari Matang itu ialah bagi menerangkan jalan-jalan yang sudah pun Jalan Persekutuan tidak begitu sempurna, jadi bila hendak mengisytiharkan jalan-jalan lain sebagai Jalan Persekutuan, tengok-tengoklah sama jalan yang sudah pun Jalan Persekutuan. Bukankah itu maksud Yang Berhormat?

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ketua Pembangkang ini memang tabiatnya macam itulah! Jangan ingat Pembangkang sahaja boleh menegur Kerajaan, kami daripada Backbenchers, daripada tangan-tangan Kerajaan ini pun ada masa, ini dinamakan demokrasi, kita

tegur Kerajaan (*Tepuk*). Jangan ingat Pembangkang sahaja yang boleh berani menegur.

Timbalan Yang di-Pertua: Itu tidak berkait, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Ini menandakan yang mereka kata bukan demokrasi, ini demokrasi. Saya hendak tanya Menteri, betul atau tidak betul ini, Dato'?

Timbalan Yang di-Pertua: Tadi sudah tanya, Yang Berhormat. Sila teruskan.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Terima kasih. Itu tanda demokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masalah jalan raya ini, yang dinamakan Jalan Raya Persekutuan, kalau sebut Jalan Raya Persekutuan satu daripadanya ialah daripada Perlis sampai ke Johor, satu daripadanya. Yang saya sebut ini ada kaitan iaitu daripada utara sampai ke Kuala Lumpur, itu Jalan Raya Persekutuan.

Timbalan Yang di-Pertua: Biarlah hujah-hujah Yang Berhormat terlebih jelas.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Ya. Jadi menyambung masalah jalan ini, yang pertama mungkin jalan ini jadi rosak ialah kerana jalan sudah kecil, kenderaan terlalu banyak terutamanya kenderaan-kenderaan berat. Yang menghairankan saya, kalau kita berjalan daripada Kuala Lumpur ke utara seolah-olah jalan raya ini dimonopoli oleh lori-lori. Jadi oleh kerana terlalu banyak kenderaan-kenderaan berat ini, saya rasa inilah satu daripadanya.

Tuan Lim Kit Siang: Satu ruling sama ada keadaan monopoli jalan oleh lori-lori yang berat ada bersangkut-

paut dengan Rang Undang-undang dan sama ada telah melanggar Peraturan Mesyuarat 36 (1).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang itu tidak berkait, Yang Berhormat. Sila pergi kepada hujah yang lain.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Maksud saya, Tuan Yang di-Pertua, supaya kalau dapat kita ini kalau keadaan ekonomi kita ini sudah stabil, kata orang tujuan saya itu supaya Jalan Raya Persekutuan ini dapat diperbesarkan lagi dan misalnya kalau-kalau kita boleh buat macam mana di setengah-setengah negara di Eropah—kalau bahagian lori, lori sahaja; kalau jalan untuk kenderaan motokar, motokar sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Mengapa Yang Berhormat tidak huraikan begitu tadi?

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Jadi itulah maksudnya, tidak sampai lagi. Jadi belum sampai lagi tetapi Ketua Pembangkang ini dia tidak mahu dengar dahulu, cepat sangat hendak melenting!

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa biarlah dia begitu, dia asyik mengganggu sahaja, kita pun kadang-kadang terlupe pula.

Tuan Yang di-Pertua, menyambung masalah jalan tadi, jalanraya Persekutuan ini, oleh kerana kenderaan-kenderaan berat ini, saya lihat banyak daripada jalanraya-jalanraya Persekutuan ini yang sudah rosak. Saya ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian Kerjaraya dan saya rasa mungkin sudah ada, apa salahnya kita adakan beberapa orang pegawai-pegawai yang tertentu untuk mengawasi lebuhraya-lebuhraya ini. Kadang-kadang bila kita berjalan kita pun hairan mengapa Jabatan Kerjaraya ini, tidak ambil perhatiankah, kadang-kadang berlopak jalan raya Persekutuan ini, kadang-kadang berhari-hari dan akan

memberi kesan yang buruk kepada pengguna-pengguna jalan raya Persekutuan ini. Saya berharap kepada Menteri yang berkenaan supaya mengadakan satu badan, misalnya Task Force, sebagaimana pihak Cawangan Trafik mengadakan beberapa kenderaan yang berulang alik, misalnya daripada Kuala Lumpur ke Tanjung Malim; Tanjung Malim ke Ipoh; Ipoh ke Taiping; Taiping ke Pulau Pinang. Jadi tugasnya itu sentiasa ada.

Maksud saya yang mana pegawai-pegawai ini diberi tugas untuk mengawasi kalau-kalau ada, misalnya masa waktu hujan, pokok tumbang dan sebagainya, saya sudah dua kali menempuh, nyaris-nyaris melanggar pokok, hendak tunggu orang Jabatan Kerjaraya, kadang-kadang nasib baiklah masyarakat kita di Malaysia ini boleh dikatakan masyarakat yang ada sivik, masing-masing bergotong royong membantu sebelum pihak JKR atau Jabatan Kerjaraya datang memotong pokok-pokok ini. Tetapi kalau pokok besar tidak dapatlah kita membuat kerja. Kalau pokok yang kecil, itu kita boleh. Itulah satu daripada perkara yang saya hendak memberi tahu masalah jalanraya-jalanraya Persekutuan di negara ini.

Berhubung dengan masalah tol pula, ini di mana-mana pun rakyat mempersoalkan masalah tol. Mereka kata tol ini terlalu banyak. Mungkin Kerajaan kita atau Kementerian Kerjaraya ini melihat seperti jalanraya-jalanraya di Amerika Syarikat misalnya. Kalau daripada New York hendak pergi ke Washington D.C. sampai kepada merata-rata, daripada East to West dan West to East itu mempunyai banyak tol. Tetapi tol-tol kepada pengguna-pengguna jalanraya, misalnya daripada Kuala Lumpur ke Seremban jauhnya lebih kurang 40 batu sahaja, tetapi tolnya itu sampai dua tiga tol yang saya menerima rungutan itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya rasa Yang Berhormat, hujah itu telah saya terdengar tadi semasa saya di luar Dewan.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Ini ada rungutan, saya hendak cerita, saya hendak sampaikan sedikit, berhubung dengan masalah bas-bas ekspres yang berulang alik daripada Kuala Lumpur ke Seremban. Bahkan saya baru-baru ini dalam satu mesyuarat Lembaga Pengarah sebuah syarikat bas yang mana bayaran tol pada tiap-tiap tahun daripada Kuala Lumpur ke Seremban pergi ulang alik dalam setahun bayarannya ialah \$240,000. Kepada syarikat-syarikat bas ini, saya rasa apa salahnya kalau dapat kalau \$240,000 itu pihak Kementerian Kerjaraya ini dapat mengurangkan sedikit, kerana bas-bas express ini digunakan oleh rakyat. Jadi itulah saya beri pandangan kepada pihak Kementerian Kerjaraya. Misalnya satu syarikat bas itu terpaksa membayar \$240,000 dalam masa setahun, itu satu syarikat. Bahkan banyak lagi syarikat-syarikat bas yang saya menerima juga aduan daripada syarikat-syarikat bas yang lain.

Itulah sedikit sebanyak pandangan saya berhubung dengan masalah Rang Undang-undang Jalan Persekutuan (Pindaan) yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Jalan Persekutuan (Pindaan). Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bagan Datok.

5.35 ptg.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria (Bagan Datok): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong kepada Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta Jalan Persekutuan (Pindaan) 1985. Saya mengucapkan

setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kerjaraya kerana dapat membentangkan pindaan Rang Undang-undang ini. Tetapi pindaan ini adalah meminda Undang-undang Ordinan Jalan Persekutuan 1959. Bermakna Undang-undang ataupun Ordinan tahun 1959 ini dipinda selepas negara kita mencapai kemerdekaan tahun 1957, ertinya dua tahun selepas merdeka kita buat undang-undang dan pindaan ini dikemukakan pada hari semalam dan hari ini setelah ianya berjalan selama 26 tahun. Pada pendapat saya bukan sahaja kepada Yang Berhormat Menteri Kerjaraya bahkan kepada Menteri-menteri yang lain sepatutnya pindaan undang-undang untuk kebaikan rakyat mestilah dikaji 10 tahun sekali, bukan setelah 26 tahun. Nasib baik Yang Berhormat Menteri ini orang yang rajin, kalau tidak belum tentu 30 tahun lagi baru dipinda.

Dengan sebab itu saya sangat berasa gembira dan menyokong penuh kepada pindaan undang-undang ini dan berharap kepada Yang Berhormat Menteri Kerjaraya sekiranya masih ada undang-undang atau ordinan yang sudah berpuluh-puluh tahun ini tolong cadangkan dalam Parlimen ini supaya kita lulus untuk kebaikan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat menyokong Ordinan ini ialah oleh kerana dengan lulusnya pindaan Rang Undang-undang Jalan Persekutuan ini adalah untuk kebaikan membolehkan Menteri itu mengambil alih tanggungjawab jalan-jalan Kerajaan Negeri di bawah jagaan Kerajaan Negeri kepada kuasa Menteri oleh kerana pada masa yang telah sudah atau selama 26 tahun sebelum pindaan undang-undang ini dibuat, banyak jalan-jalan yang dipertanggungjawabkan kepada Kerajaan Negeri itu memang tidak memuaskan hati disebabkan oleh kerana Kerajaan

Negeri tidak mencukupi wang untuk membaiki ataupun menyelenggarakan jalan-jalan di bawah Kerajaan Negeri tersebut.

Saya sangat berharap kepada Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, selepas sahaja pindaan-pindaan undang-undang ini diterima di Parlimen ini, yang pertama, tolonglah ambil alih jalan Kerajaan Negeri yang ada di Rungkup dalam kawasan saya, oleh kerana jalan di Rungkup ini sudah hampir 3 tahun, ada sebuah perigi di tengah-tengah jalanraya itu yang dinamakan perigi Yang Berhormat Mohamad Jumrah, Ahli Dewan Negeri kawasan Rungkup. Ini disebabkan oleh kerana jalan itu sudah bertahun-tahun tidak dibaiki, dan saya berharap apabila pindaan ini diluluskan, jalan ini diambilalih oleh Menteri ataupun Kerajaan Pusat, saya haraplah kalau tidak tahun ini pun, tahun depan dibaiki, janganlah sewaktu kita hendak merayu undi, hendak pilihanraya baru jalan ini hendak dibaiki. Ini memalukan saya sebagai Ahli Parlimen di dalam kawasan ini, bukan sahaja di kawasan saya bahkan di seluruh jalan-jalan di dalam negara kita Malaysia ini, sepertimana yang saya sebutkan jalan yang saya kemukakan tadi sebagai contoh hendaklah diambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang patut Yang Berhormat Menteri dan juga Kementerian Kerjaraya serta pegawai-pegawai Kementerian ini mengambil perhatian ialah di mana Ahli-ahli Parlimen ataupun Wakil-wakil Rakyat Negeri membangkitkan perkara-perkara mengenai kerosakkan jalan sama ada Jalan Persekutuan ataupun jalan di bawah tanggungan Kerajaan Negeri selalunya sama ada jurutera negeri ataupun jurutera daerah mengambil peluang menjawab, berdalih itu dan ini. Apabila seseorang Wakil Rakyat membangkitkan kenapakah jalan di tempat ini tidak dibaiki dengan segera dan sebagainya,

maka jurutera negeri atau jurutera daerah akan menjawab, ini bukan kuasa negeri—tidak ada kuasa, kuasa Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri tidak ada wang. Inilah jawapan yang selalu dikemukakan oleh jurutera negeri atau jurutera daerah kepada Wakil-wakil Rakyat, sedangkan Wakil-wakil Rakyat ditanya oleh rakyat di dalam perjumpaan di peringkat dailog di kampung-kampung ataupun di Dewan menghadapi rakyat ialah Wakil Rakyat. Tetapi jawapan daripada jurutera daerah dan jurutera negeri senang sahaja, kalau jalan itu Kerajaan Pusat mengatakan duit tidak dapat daripada Pusat, maka dengan sebab itu terbiarlah jalan itu berlubang sana, berlubang sini dan apabila penunggang motosikal dan sebagainya menggunakan jalan itu jawabannya kecelakaan, kemalangan dan mati, bila mati tidak dapat apa-apa.

Saya sudah beberapa kali membuat soalan ini di dalam Parlimen di kawasan saya 2-3 bulan sudah, beberapa orang mati, kalau tidak percaya tanya polis yang kita sudah report berkenaan dengan kerosakan jalan, jadi dengan sebab lulusnya Ordinan Jalan Persekutuan yang akan kita luluskan ini, saya berharap jurutera negeri dan jurutera daerah jangan lagi berdalih-dalih untuk melaksanakan pembaikan jalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat berasa gembira di dalam ordinan ini dan juga memperuntukkan Menteri mengambilalih mengenai jambatan-jambatan. Jambatan-jambatan ini sangat mengeciwakan saya sendiri ataupun rakyat yang menggunakan jambatan sama ada jambatan itu dipunyai oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan, itu saya kurang periksa. Tetapi untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Menteri pun tahu kerana beliau selalu balik ke Sungai Siput sebab kampungnya di sana atau kawasannya di sana.

Yang pertama, jambatan kayu. Jambatan-jambatan kayu yang ada di antara Telok Intan ke Ipoh misalnya melalui Kampar dan sebagainya, jambatan-jambatan itu kalau saya hendak sebut bolehlah sebagai contoh di Sungai Lesong dan Sungai Bidor selepas daripada Changkat Jong ada beberapa buah jambatan. Semasa Kerajaan Inggeris ataupun Kerajaan British (penjajah) dahulu membuat jambatan ini 3-4 tahun baru sekali dibaiki, tetapi semenjak kita merdeka ini 6 bulan sekali dibaiki. Ini tolong siasat kenapa dan mengapa terjadi macam ini, adakah sebab mengikut kontrak dengan Jabatan Kerja Raya, kayu-kayu yang digunakan ialah kayu cengal ataupun kayu yang baik, tetapi kayu yang dipasang ialah kayu yang jenis murah kerana hendak untung banyak, ini tolong siasat. Sekarang ini pun ada kerja sedang membaiki jalan, jadi perkara-perkara yang semacam ini mungkin ada berdalihlah, kalau ditanya jurutera ini bukan Kerajaan Negeri punya, ini Kerajaan Pusat, ditanya pula Kerajaan Pusat, oh! bukan, Kerajaan Negeri punya. Jadi saya rasa Yang Berhormat Menteri setelah diluluskan Ordinan pindaan ini saya berharap supaya di masa yang akan datang biarlah benar-benar jambatan-jambatan ini dibaiki dengan secara yang betul-betul, kalau tidak saya cadangkan supaya semua jambatan itu jangan lagi menggunakan kayu, terus gunakan konkrit, tidak payah lagi membazirkan wang rakyat, tiap-tiap 3 bulan, tiap-tiap 6 bulan ataupun setahun diganti-ganti.

Satu lagi mengenai jambatan besi, ini pun saya hendak bertanya—saya tidak tahu, barangkali Timbalan Menteri Kerjaraya, Dato Zainal Abidin tahu, jambatan besi yang selepas pekan Kuala Kangsar hendak ke Bagan Serai, sudahlah jambatan besi sempit di atasnya itu rendah yang menyebabkan saya diberitahu lori-lori kontena yang hendak membawa

barang-barang daripada Pulau Pinang hendak di bawah ke Ipoh tidak dapat menggunakan jambatan itu, ini satu kerugian kepada negara disebabkan oleh pengangkutan kita tersekat.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tertib mesyuarat.

Tuan Sim Kwang Yang: 36 (1), Tuan Yang di-Pertua, irrelevance lagi.

Tuan Yang di-Pertua, jika saya diizinkan pindaan Rang Undang-undang yang asalnya ialah berkait dengan kuasa-kuasa dan tugas-tugas Menteri untuk membuat pengisytiharan tentang tindakan Kerajaan untuk mengambilalih jambatan-jambatan dan jalan-jalan, hanya perkara-perkara yang ada berkaitan dengan tindakan Kerajaan berkait dengan mengambilalih kemudahan itu barulah boleh disebutkan. Kalau tidak hanya membuktikan bahawa Barisan Nasional ingin mensabotajkan satu usul yang ditertibkan oleh Peraturan Mesyuarat

Timbalan Yang di-Pertua: Itu tidak berkait pada Peraturan Mesyuarat.

Tuan Sim Kwang Yang: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok pada permulaan tadi bukan main jelas hujah yang disampaikan, mungkin sekarang sudah jadi kabur sedikit. Jadi saya harap Yang Berhormat cuba jelaskan hujah-hujah Yang Berhormat supaya berkait dengan dua undang-undang yang menjadi bahan pertimbangan kita iaitu:

- (i) Ordinan Jalan Persekutuan 1959, yang kita cadang untuk pindakan.

- (ii) Akta Tugas-tugas Menteri yang ada kaitannya dengan pindaan yang kita akan buat. Jadi biarlah susunan huraian dan hujah Yang Berhormat itu lebih jelas dan lebih ketara supaya tidak ada lagi Ahli-ahli yang membangkitkan sama ada ucapan Yang Berhormat itu berkait atau tidak.

Sila teruskan.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa apa yang saya ucap tadi tidak kabur, untuk menyokong alasan saya ini. Saya bacakan huraian yang ada di dalam pindaan undang-undang:

“Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Ordinan Jalan Persekutuan 1959 untuk memotong seksyen 2 yang mengandungi tafsiran bagi perkataan “Minister”. Ini adalah untuk memudahkan pentadbiran Ordinan supaya mana-mana sahaja Menteri yang dipertanggungjawabkan bagi mengisytiharkan mana-mana jalan, jambatan.”

Tadi saya cakap jambatan besi, feri, ini selepas saya sebut jambatan, feri pula.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Tuan Sim Kwang Yang: Tertib Mesyuarat 36 (1) lagi, irrelevance.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila duduk!

Tuan Sim Kwang Yang: Pindaan ini perkataan yang.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila duduk dahulu Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 36 (1).

Tuan Sim Kwang Yang: 36 (1) irrelevance.

Satu perkara yang sangat penting dalam pindaan ini ialah berkenaan jambatan atau jalan raya, tetapi Menteri, itu bertujuan untuk membolehkan Kementerian bagi kelicinan pentadbiran sahaja, bukan membuka satu bidang yang luas untuk membincangkan apa-apa perkara yang ingin disebutkan sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Peraturan Mesyuarat 36 (1) telah dibangkitkan sebelum saya memutuskan, saya ingin menjelaskan satu lagi kekaburan yang telah bangkit saya rasa.

Ahli Yang Berhormat dari Badan Datok sedang berucap, Yang Berhormat dari Bandar Kuching fikir bahawa apa yang diucapkan tidak berkait, tetapi untuk memutuskan sama ada berkait atau tidak ada saya dan bukan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching (*Tepuk*). Sila teruskan Yang Berhormat.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apabila saya berucap mengenai jambatan bukanlah saya menekankan perkara jambatan, saya menekankan kuasa Menteri supaya mengambilalih jambatan itu. Sekiranya jambatan itu di bawah Kerajaan Negeri sehinggalah selepas Ordinan ini diluluskan supaya jambatan itu diambil kuasa oleh Menteri untuk diperbetulkan. Itulah tujuan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Inilah kali yang ke 8 kita bangkitkan 36 (1). Saya minta satu ruling oleh kerana Rang Undang-undang di hadapan kita.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ketua Pembangkang ini membangkitkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila duduk Yang Berhormat! Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat telah dibangkitkan, sila duduk Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: Rang Undang-undang di hadapan kita ialah mengenai pindaan terhadap peruntukan-peruntukan untuk menentukan siapa Menteri yang akan ada tugas untuk mengisytiharkan jalan-jalan, feri-feri atau lain-lain Federal oleh kerana dahulu ialah Menteri Pengangkutan dan tidak ada tanggungjawab dalam urusan jalan raya-jalan raya dan sekarang ada peruntukan untuk meminda supaya Menteri yang dinamakan dalam Akta Tugas-tugas Menteri memegang satu portfolio akan bertanggungjawab untuk mengisytiharkan jalan-jalan Federal, bukan mengenai keadaan pembinaan pengurusan jalan raya-jalan raya atau jalan-jalan Federal. Masalah ialah dahulu seorang Menteri Pengangkutan yang dinamakan sekarang perlu ubah oleh kerana keadaan yang sudah berubah sekarang di mana Menteri Kerjaraya yang bertanggungjawab menjalankan urusan, inilah masalah, bukannya keadaan feri-feri, keadaan jalan-jalan, keadaan jambatan-jambatan. Nampaknya, Tuan Yang di-Pertua, perbincangan seluruhnya sudah terkeluar daripada relevancy 36 (1) dalam Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekali lagi Peraturan Mesyuarat 36 (1) telah dibangkitkan. Sebagai menjelaskan asas-asas pertimbangan saya sama ada ucapan itu berkait atau tidak dengan masalah di hadapan Majlis, inginlah saya menyatakan bahawa hujah-hujah yang disampaikan atau hujah-hujah yang bakal disampaikan oleh seseorang Ahli Yang Berhormat Dewan ini kadangkala boleh disampaikan dengan sejumlah perkataan-perkataan yang

tak banyak, tetapi ada setengah hujah-hujah yang perlu, dengan izin Dewan, develop dahulu. Oleh kerana saya memikirkan bahawa pemindahan kuasa-kuasa daripada seorang Menteri kepada seorang Menteri yang lain adalah memberi kesempatan kepada Ahli-ahli Dewan mengingatkan Yang Berhormat Menteri-menteri tentang perjalanan tugas masing-masing, maka saya telah membenarkan bahawa kes-kes Ahli-ahli Yang Berhormat itu didevelop, dengan izin, dengan panjang lebar.

Sepertimana saya maklumkan tadi keputusan sama ada berkait atau tidak adalah keputusan saya. Jadi, selagi munasabah ada kaitan dengan masalah di hadapan Majlis, saya izinkan. Jadi saya mohonlah Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum berdiri bangun membangkitkan Peraturan Mesyuarat 36 (1), dengar dahulu apakah Ahli Yang Berhormat yang sedang berucap itu hendak menyatakan, kadang-kadang boleh dinyatakan dalam satu ayat, kadang-kadang perlu diuraikan dengan terperinci barulah Yang Berhormat itu memilih untuk membawa punch line, dengan izin, beliau. Oleh itu, dengan panduan-panduan itu, saya minta Yang Berhormat dari Badan Datok, sila teruskan ucapan.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya berharap Yang Berhormat Ketua Pembangkang tidak mengganggu ucapan saya oleh sebab sewaktu beliau membahaskan Bil-bil yang lain daripada ini pun saya dapati beliau ada menyentuh perkara-perkara lain yang tidak bersangkutan dengan Bil. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, untuk keadilan demokrasi, berilah peluang untuk saya meneruskan ucapan saya di mana tadi saya tidak menentukan.

Tuan Lim Kit Siang: 36 (1), Tuan Yang di-Pertua. Adakah ini relevant? Saya minta ruling. Ini kali yang ke 9.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sila duduk! Sekali lagi saya ingin memutuskan sama ada relevant atau tidak adalah keputusan saya. Yang Berhormat bangkitkan walaupun 9 kali, 19 kali atau 90 kali, saya akan memutuskan mengikut hemah saya (*Tepuk*).

Seperti Yang Berhormat dari Kota Melaka maklum tadi memang benar dan memang nyata saya telah membenarkan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada bangku Pembangkang bilamana terkeluar daripada apa yang saya fikir kalau dijalankan dengan ketat daripada perkara di depan Majlis, saya telah izinkan, begitu juga baru-baru ini kita telah membahaskan apakah demokrasi. Sekiranya saya memutuskan adalah baik bagi demokrasi untuk biar Ahli Yang Berhormat berucap mengenai perkara-perkara yang pada sepintas lalu walaupun tidak ada kaitan, kalau kita fikir dengan mendalam ada kaitannya, saya akan membenarkan. Sekali lagi, membenar atau tidak, berkait atau tidak, adalah keputusan saya. Sila teruskan Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Di dalam meneruskan ucapan ini, saya sukalah menerangkan kepada Ketua Pembangkang tadi saya tidak kira siapa Menteri yang dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan, sama ada Menteri Pengangkutan atau Menteri Kerjaraya atau Menteri-menteri Kabinet yang lain yang dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan mestilah bertanggungjawab kepada pindaan ataupun Rang Undang-undang yang kita luluskan di dalam Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua, tadi telah saya menyentuh mengenai jambatan-jambatan yang mana saya berharap dan mungkin perkara ini ada dalam rancangan Yang Berhormat Menteri ataupun Kementerian yang berkenaan supaya jambatan-jambatan yang saya

berikan contoh ataupun yang saya tidak sebutkan yang ada di dalam negara kita ini supaya disegerakan pelaksanaannya untuk kebaikan rakyat.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut sedikit mengenai feri. Saya mengucapkan tahniah kerana banyak sudah feri yang telah digantikan dengan jambatan, seperti Feri Sabak Bernam, Feri Kuala Selangor dan sebagainya tetapi masih juga ada lagi feri-feri yang digunakan di dalam negara kita dan saya berharap kepada feri-feri yang difikirkan merbahaya kepada pengguna-pengguna diharaplah selepas daripada kita meluluskan Ordinan ini, jika feri-feri itu di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri hendaklah segera diambil alih ataupun diganti. Jangan sampai seperti sejarah yang berlaku di dalam negara kita sebuah feri tenggelam di Parit Buntar mengambil ataupun meragut nyawa beberapa orang rakyat barulah hendaklah dibuat jambatan.

Sebagai satu contoh kepada Yang Berhormat Menteri dan barangkali Yang Berhormat Menteri pun sedar dan tahu iaitu feri di Batu 5 yang dikuasai oleh sama ada swasta, yang dipunyai oleh Sime Darby ataupun Kerajaan Negeri yang mana feri ini sangat membahayakan dan di sebelah daripada feri itu ialah Rancangan Lebuhraya Persekutuan yang sedang di dalam ura-ura untuk dibina jambatan tetapi mungkinlah jambatan ini akan siap tiga atau empat tahun lagi. Maka dengan sebab itu, saya mencadangkan supaya feri ini diambil alih oleh Menteri yang berkenaan ataupun Kementerian Kerjaraya supaya tidak membebankan kepada rakyat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri sewa sebuah lori daripada jalanraya di sebelah sini untuk menyeberang ke seberang sana—menyeberangi Sungai Perak bayarannya ialah sebanyak \$25. Ini adalah satu bayaran yang sangat tinggi yang menyusahkan kepada

rakyat. Saya berharap bukan sahaja feri-feri ini tetapi feri-feri yang lain juga yang ada di dalam negara kita ini supaya diambil tindakan yang segera oleh Kementerian Kerjaraya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun terdahulu daripada saya tadi ataupun pada hari semalam ataupun hari ini telah banyak memperkatakan soal tol. Saya menyokong kepada Yang Berhormat Menteri yang bersungguh-sungguh bekerja keras mengenai tol ini untuk kebaikan negara tetapi saya menyokong kepada Yang Berhormat Wakil Rakyat dari Sepang semalam mengatakan supaya Kerajaan kita memikirkan dengan mengambil contoh daripada Kerajaan Amerika di mana di sana pihak Kerajaan Amerika tidak mengenakan cukai jalan kepada rakyat di dalam negara itu dan saya berharap Kementerian Kerjaraya ataupun Kerajaan mengkaji perkara ini sama ada kita patut mengambil satu jalan sahaja ataupun satu kutipan sahaja cukai sama ada cukai jalan kepada kenderaan-kenderaan ataupun cukai daripada tol-tol.

Ini adalah perkara penting saya fikir oleh kerana rakyat yang menggunakan kereta-kereta di jalan raya bukanlah keseluruhan ataupun seratus peratus yang memiliki kereta itu orang-orang yang kaya ataupun orang-orang yang berada, bahkan kita tahu ada di antara mereka itu ataupun rakyat yang menggunakan jalan raya sama ada jalan raya negeri ataupun jalan raya persekutuan ataupun yang dikenakan bayaran tol itu ada yang pendapatan mereka tidak mencukupi tetapi oleh kerana kenderaan itu perlu bagi mereka menjalankan kerja sehari-hari untuk mendapat pendapatan dan sebagainya terpaksa menggunakan kereta walaupun kereta itu dibeli dengan pinjaman wang daripada mana-mana peminjam yang terpaksa dibayar tiap-tiap bulan. Jadi, dengan mengenakan cukai jalan, dengan

mengenakan bayaran tol adalah membebankan kepada rakyat. Maka dengan sebab itu saya menyokong cadangan daripada Yang Berhormat dari Sepang supaya Kerajaan memikirkan untuk sama ada mengambil cukai daripada dua-dua pungutan ataupun daripada satu sahaja.

Barangkali Yang Berhormat Menteri sedar atau tidak, saya fikir beliau sedar; tol yang ada di Slim River. Kenapakah tol di Slim River ini hanya pengguna-pengguna daripada utara ke selatan, ertinya kalau daripada Ipoh, Pulau Pinang ke Kuala Lumpur sahaja dikenakan bayaran \$1, sebaliknya pengguna-pengguna atau kereta-kereta yang datang daripada Kuala Lumpur untuk ke utara, ke Ipoh dan sebagainya tidak dikenakan bayaran. Ertinya kalau kereta itu datang daripada Kuala Lumpur hendak pergi ke Telok Intan dan balik ikut Sabak Bernam tak ada kena bayaran daripada tol Slim River ini. Jadi, saya berharap perkara ini dapat dikaji dan dibetulkan biarlah adil, jangan ke selatan sahaja kena tetapi ke utara tidak dikenakan bayaran.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, ini saya berharap sangat kepada Menteri yang berkenaan ataupun Kementerian Kerjaraya supaya kerjasama yang sepenuhnya dapat diadakan dengan pihak Kementerian Pengangkutan ataupun JPJ (Jabatan Pengangkutan Jalan). Saya menyebutkan ataupun mengutarakan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua ialah kerana Kementerian Kerjaraya membina jalan yang begitu baik dan begitu cantik dan mengeluarkan perbelanjaan Kerajaan berjuta-juta ringgit tetapi saya dapati apabila jalan ini telah siap, umpamanya saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah menyiapkan jalan daripada Telok Intan ke Bagan Datok, tetapi kenderaan-kenderaan menggunakan

berleluasa jalan ini dan mulailah jalan ini rosak. Ini disebabkan oleh tidak adanya kerjasama daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) mengadakan sekatan-sekatan jalan raya bagi menjaga kepentingan jalan yang dibuat oleh Kementerian Kerjaraya itu jangan rosak dalam jangka masa yang sepatutnya jalan itu tidak rosak. Apabila saya bertanya kepada pegawai-pegawai JPJ kenapakah pegawai-pegawai JPJ tidak dapat menjalankan tugas-tugas dengan begitu sempurna mengenai pengawasan mengenai jalan raya ini. Jawapan daripada pegawai-pegawai JPJ.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa masalah Yang Berhormat itu tersendirinya akan selesai bila mana kita luluskan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Ya, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, tetapi ini sekadar mengingatkan supaya diperkemasakan suatu Rang Undang-undang yang diperlukan oleh JPJ di mana apabila JPJ mengadakan sekatan jalan raya, apabila diketahui oleh pemandu-pemandu lori yang membawa berat itu mereka berhenti di tepi jalan. Jadi, saya bertanya kenapa pegawai-pegawai JPJ itu ada motosikal tidak pergi menangkap lori-lori yang berhenti di tepi jalan. Dia kata undang-undang tidak boleh membenarkan. Jadi, saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang semacam itu dipinda, dibenarkan kepada pegawai-pegawai JPJ itu sama ada lori itu berjalan ataupun lori itu berhenti boleh ditangkap. Ini adalah kepentingan jalan raya persekutuan ataupun jalan raya negeri dan sebagainya kepada kuasa Menteri sama ada Menteri Kerjaraya ataupun Menteri Pengangkutan Jalan.

Saya rasa itulah yang dapat saya kemukakan bagi menyokong pindaan undang-undang Akta Jalan

Persekutuan 1985 dan sekali lagi saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan saya menuntut maaf sekiranya ada kata-kata saya itu dengan secara emosi, ini adalah disebabkan oleh tekanan daripada Ketua Pembangkang yang selalu mengganggu saya sewaktu memberi ucapan.

6.07 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman (Parit Buntar): Bismillahhir-rahmannir-rahim.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang membenarkan saya untuk bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain dari Barisan Nasional untuk menyokong usul yang dibawa semalam oleh Menteri yang berkenaan dan pada pandangan saya pindaan yang sedang kita bincangkan ini akan lebih banyak mendatangkan faedah dan kebaikan kepada rakyat dan juga kepada pentadbiran penyelenggaraan jalan.

Saya ingin membangkitkan beberapa perkara kerana dalam membentangkan usul ini semalam Yang Berhormat Menteri telah menyatakan untuk menekankan tanggungjawab bagi melaksanakan segala program-program pembinaan dan penyelenggaraan kerja-kerja bangunan, jalan-jalan dan jambatan-jambatan dan saya ingin menimbulkan mengenai jalan-jalan dan jambatan-jambatan yang ada di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana negara kita ini selain daripada kita mempunyai sebuah Kerajaan Pusat, kita juga mempunyai Kerajaan-kerajaan Negeri. Di negeri-negeri ini pula ada di antara negeri-negeri yang sempadannya di antara satu dengan lain adalah sungai atau bukit dan ada setengah negeri yang sempadannya disempadankan oleh jalan-jalan raya.

Dengan adanya pindaan ini, negeri-negeri yang sempadan yang bersempadankan jalan raya yang mana mungkin tanggungjawab jalan raya itu dibebankan kepada sesebuah negeri boleh diambil alih oleh pihak Kerajaan Persekutuan untuk diisytiharkan jalan-jalan tersebut kepada jalan Persekutuan, kerana masalah ini timbul kepada beberapa negeri khususnya di dalam kawasan saya sendiri.

Di dalam kawasan saya yang mana bersempadankan kepada tiga negeri iaitu negeri Kedah, Pulau Pinang dan Perak. Ada lebih kurang 10 kilometer jalan yang dipanggil jalan sempadan yang mana jalan ini di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Perak. Sempadannya ialah di antara Seberang Perai Selatan di sebelah Pulau Pinang dan daerah Krian di dalam negeri Perak tetapi jalan ini digunakan oleh penduduk-penduduk dari negeri Pulau Pinang dan juga penduduk-penduduk dari negeri Perak.

Apabila jalan negeri ini rosak, tanggungjawab peruntukan ialah kepada Kerajaan Negeri Perak sahaja sedangkan dari segi penggunaannya adalah kepada penduduk-penduduk kedua-dua buah negeri. Dengan keadaan yang demikian oleh kerana keadaan kewangan yang tidak mencukupi, mungkin apabila jalan ini rosak akibat daripada penggunaan orang ramai maka penyelenggaraannya tidak dapat diuruskan dengan cekap ataupun jalan ini tidak dapat diperbaiki. Maka saya berharaplah keadaan jalan seperti ini sempadan antara dua buah negeri itu supaya diambilalih oleh pihak Kerajaan Persekutuan sesuai dengan pindaan undang-undang yang kita buat, yang kita sedang bincangkan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara ialah mengenai jambatan. Seperti yang saya katakan mula-mula tadi bahawa sempadan kedua-dua buah negeri ini, mana-mana negeri pun

dalam Malaysia mungkin disempadankan oleh sungai pula dan mungkin ada dua jalan negeri yang dihubungi oleh perhubungan feri ataupun secara berkayuh perahu ataupun berakit dan dengan keadaan yang demikian perhubungan kedua-dua negeri menjadi sukar. Kesukaran ini disebabkan oleh kerana salah sebuah negeri ataupun kedua-dua buah negeri yang terlibat tidak mahu membina jambatan tersebut, kerana kedua-dua rakyat daripada kedua-dua buah negeri yang menggunakan kalau jambatan itu dibina. Maka dalam suasana ataupun apabila pihak Kerajaan telah mengenalpasti bahawa jambatan itu perlu dibina tetapi oleh kerana kegunaannya oleh kedua-dua buah negeri maka mungkin timbul sikap negeri yang tersebut patut membina jambatan ini ataupun negeri ini yang patut membina jambatan ini.

Dengan keadaan yang demikian ini mungkin menimbulkan kelewatan dari segi pembinaan jambatan-jambatan yang berkenaan dan inilah juga peristiwa yang menyedihkan berlaku kalau tidak salah dalam kawasan saya dalam tahun 1974, peristiwa tenggelamnya feri di mana mengakibatkan lebih daripada 30 orang murid-murid sekolah tenggelam.

Saya telah mengkaji sejarah mengapa jambatan itu tidak dapat dibina pada ketika itu, perundingan telah dijalankan antara Kerajaan Negeri Perak dengan Kerajaan Negeri Kedah. Kata Kerajaan Perak, Kedah perlu keluarkan sama peruntukan untuk membina jambatan tersebut dan peristiwa ini telah menyebabkan satu keputusan yang begitu cepat dapat dibuat.

Tuan Lim Kit Siang: *(Bangun).*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk!

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Peraturan Mesyuarat atau minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua: Peraturan Mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan Mesyuarat 36 (1), adakah peristiwa ini ada bersangkut-paut dengan perkara di hadapan kita di bawah 36 (1), perkara yang ke 10.

Timbalan Yang di-Pertua: Keputusan saya peristiwa itu tidak kena-mengena dan tidak berkait. Sila teruskan Yang Berhormat.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Memang benarlah peristiwa itu tidak kena-mengena dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya hendak menyebutkan tentang keputusan yang dibuat untuk membangun atau membina jambatan itu kerana peristiwa tersebut. Jadi kita tidak mahulah walaupun kita telah kenalpasti bahawa jambatan di sesuatu kawasan itu perlu dibina.

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah ini untuk penerimaan Menteri yang bakal menerima kuasa di bawah pindaan ini?

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Saya harap begitulah, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah atau harap sajakah?

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat yang berhujah, Yang Berhormat tidak boleh berharap lagi.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Mestilah, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Mesti dipersilakan.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkanlah supaya jambatan-jambatan yang mana walaupun

melibatkan dari segi kedua-dua hujung sungai tersebut adalah jalan-jalan negeri tetapi haruslah jambatan tersebut dibina oleh pihak Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara ialah tentang apabila adanya projek-projek raksaksa Persekutuan yang dilaksanakan di dalam negeri-negeri. Saya beri contoh Projek Krian/Sungai Manik yang mana melibatkan kawasan saya dan juga kawasan dari Bagan Datuk. Projek ini adalah projek Persekutuan tetapi jalan raya yang ada di dalam kawasan projek terlibat adalah jalan negeri. Semasa projek ini di laksanakan banyak kawasan-kawasan jalan ini telah rosak.

Dengan yang demikian telah timbul masalah siapakah yang akan membina semula jalan-jalan yang telah rosak ini sama ada Kerajaan Persekutuan ataupun Kerajaan Negeri. Perundingan demi perundingan telah dijalankan tetapi penyelesaian belum dapat dengan pastinya.

Maka saya berharap setelah pindaan ini dibuat, pihak Menteri yang bertanggungjawab mestilah mengenalpasti sekiranya berapa jarak jalan yang terlibat di dalam projek-projek raksaksa Kerajaan Persekutuan itu hendaklah diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan supaya dari segi pembinaan semula ataupun penyelenggaraan jalan-jalan yang rosak itu dapat dibuat dengan baiknya, kerana kalau tidak akibat daripada keadaan seperti ini akan menimbulkan banyak masalah kepada orang ramai, orang awam begitu juga kanak-kanak sekolah dan kemalangan begitu banyak sekali berlaku kerana jalan-jalan yang telah rosak akibat daripada pembinaan projek-projek raksaksa Kerajaan Persekutuan. Memanglah dari segi kita sesuatu projek yang hendak disampaikan kepada rakyat sudah tentu memerlukan pengorbanan tetapi

saya rasa jika perkara ini dapat diselaraskan melalui pindaan Akta pada hari ini, perkara-perkara seperti ini dapat dikurangkan.

Jadi saya menyokong Rang Undang-undang yang dibawa oleh Menteri yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus.

6.20 ptg.

Tuan Mamat Ghazalee bin Haji Abdul Rahman (Ulu Nerus): Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak mengambil bahagian membincangkan Akta untuk meminda Ordinan Jalan Persekutuan, 1959 ini yang bertujuan pokoknya untuk memberi kuasa kepada Menteri Kerjaraya menjadi Menteri yang berkenaan berkuasa menggezet,ewartakan jalan-jalan Negeri kepada jalan-jalan Persekutuan, feri, jambatan dan lain-lain.

Pada pandangan saya perkara yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini bukan sahaja satu iaitu tentang penukaran kuasa daripada Menteri Pengangkutan kepada Menteri Kerjaraya tetapi juga satu perkara yang lain yang berhubungan langsung dan sangat penting dan mesti ditekankan di dalam perbahasan ini ialah tentang langkah-langkah pengambilan kuasa jalan-jalan Negeri daripada Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Pusat.

Jadi ini perkara yang penting dan mustahak dan tidaklah sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli daripada partai Pembangkang bahawa perkara intipati Undang-undang ini ialah satu sahaja iaitu perkara yang pertama. Oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak menekankan di sini iaitu soal pengambilan alih jalan-jalan Negeri menjadi jalan-jalan Kerajaan Pusat ini adalah satu perkara yang wajar, yang penting oleh kerana saya

juga hendak mengemukakan satu contoh, satu kes iaitu di mana terdapat pada masa ini banyak lebuhraya-lebuhraya yang baru yang dibina oleh JKR, Kerajaan Persekutuan di seluruh negara yang tujuannya itu untuk membaiki lagi sistem pengangkutan, kemudahan pengangkutan, kemudahan jalan raya untuk kegunaan dalam negara kita yang sedang pesat membangun ini.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, terdapat keadaan di mana ada terdapat jalan-jalan Negeri, jalan-jalan Kerajaan Negeri yang menghubungkan lebuhraya yang didirikan oleh Kerajaan Pusat ini dengan kawasan yang tertentu.

Saya berikan contoh misalnya lebuhraya Jerangau-Jabur. Lebuhraya Jerangau Jabur ini mulai daripada Kuantan, merentasi ke kawasan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah sampai ke Bukit Besi dan daripada sini bertemu dengan sebatang jalan iaitu jalan Dungun sampai ke Kuala Berang, terus ke Kuala Terengganu. Jalan-jalan ini jalan Kerajaan Negeri. Tujuan kita membina lebuhraya sebagaimana saya katakan tadi untuk mewujudkan sistem pengangkutan yang efisien, supaya "traffic", dengan izin, dapat berjalan licin, tidak ada halangan, tidak ada kegendalaan, tetapi soal jalan Negeri itu yang taraf dan mutunya itu lebih rendah menjadi "bottle-neck", dengan izin, di mana selepas lebuhraya itu yang perjalanannya baik, licin, bila sampai kepada jalan State, yang tarafnya itu rendah, sudah menjadi sesak balik.

Kebanyakan jalan-jalan Negeri yang macam ini merupakan "bottle-neck" dan saya rasa perlu diselesaikan. Kerajaan-kerajaan Negeri memang menghadapi masalah daripada segi kewangan. Sebagaimana yang kita tahu bahawa punca hasil Kerajaan Negeri untuk membiayai jalan-jalan yang begitu banyak dan begitu panjang memang terhad. Punca kewangan

daripada Kerajaan-kerajaan Negeri ini patut dan perlu disalurkan untuk perbelanjaan projek-projek sosio-ekonomi yang lebih utama oleh kerana itu Kerajaan Negeri sentiasa mengharapkan supaya lebih banyak peruntukan untuk tujuan membaiki jalan dan menaikkan taraf jalan ini ditanggung oleh pihak Kerajaan Persekutuan. Oleh kerana itulah, Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya pembentangan Rang Undang-undang ini implikasinya itu sangat penting dan sangat mustahak untuk menyelesaikan masalah-masalah sebagaimana yang saya katakan.

Selain daripada itu juga, saya mendapati kita mempunyai rancangan-rancangan kemudahan asas, infrastruktur yang baru. Terdapat misalnya pembinaan lapangan terbang yang baru dan jalan-jalan yang menghubungkan lapangan terbang yang baru ini dengan jalan utama lebuhraya yang sedia ada juga berada di dalam keadaan yang buruk kerana jalan-jalan itu berupa jalan Kerajaan Negeri.

Sebagai contoh yang saya hendak berikan ialah jalan yang menghubungkan di antara lebuhraya Federal daripada Kuantan ke Kuala Terengganu seterusnya ke Kota Bharu. Di Kerteh ada terdapat sebuah lapangan terbang yang baru, yang telah dibina dan sekarang sedang beroperasi, jalan daripada lebuhraya itu ke lapangan terbang itu sangat buruk. Kerajaan Negeri tidak dapat mengeluarkan belanja untuk menampung perbelanjaan ini oleh kerana itu amat sesuai dan baik sekali kalau jalan-jalan semacam ini dinaikkan tarafnya dan diambilalih oleh pihak Kementerian Kerjaraya, oleh pihak Kerajaan Persekutuan.

Berhubung dengan hal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya soal jalan yang saya katakan tadi daripada lebuhraya Kuantan-Kuala Terengganu membawa ke Lapangan terbang Kerteh itu diperbaiki dengan segera oleh Yang

Berhormat Menteri supaya ia tidak menimbulkan masalah. Bila meneliti Rang Undang-undang ini, saya tertanya satu perkara iaitu perkara yang pokok, setelah saya mengikuti penerangan daripada Yang Berhormat Menteri semalam ketika membentangkan Rang Undang-undang ini, saya mendapati bahawa Yang Berhormat Menteri itu telah tidak menjelaskan, beliau tidak menjelaskan sebagai penerangan, sebagai maklumat kita, sebagai latar belakang kita tentang sebab-sebab tertentu daripada kacamata Kementerian beliau itu, mengapakah jalan-jalan Negeri itu hendak diambilalih oleh pihak Kerajaan Pusat, daripada kacamata kita memang kita tahu ada dua-tiga sebab, tetapi mungkin ada sebab-sebab yang tertentu yang besar yang memerlukan kepada langkah pengambilalih oleh pihak Kerajaan Pusat bagi jalan-jalan Negeri.

Elok juga kalau perkara ini dapat diterangkan kepada kita semua supaya perkara ini menjadi jelas. Saya membangkitkan perkara ini bukan kerana apa, kerana saya takut pula sambil itu ada sesuatu tujuan yang lain yang mungkin akan menjejaskan kepentingan Kerajaan-kerajaan Negeri yang asalnya memiliki dan berkuasa terhadap jalan-jalan State ini. Oleh itu penjelasan yang begitu sudah tentulah akan dapat menangkis sebarang keraguan terhadap motif sebenarnya Rang Undang-undang ini dikemukakan dan tujuan Kerajaan Pusat hendak mengambilalih jalan-jalan Kerajaan Negeri.

Saya katakan begitu kerana saya mendengar, mendapat tahu ada pihak-pihak yang mengatakan tujuan Rang Undang-undang ini dibentangkan, tujuan Kerajaan Pusat atau JKR hendak mengambilalih jalan-jalan Negeri itu kerana mereka hendak mengadakan sesuatu kawalan dan ada

semalam dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepang dan disebutkan pula oleh beberapa Ahli Yang Berhormat pada hari ini bahawa tujuannya itu semata-mata dan terutamanya yang lebih penting, yang pokoknya itu ialah untuk membolehkan pihak Kementerian mengenakan tol ke atas jalan-jalan dan tol ini satu perkara yang memang tidak digemari rakyat, sungguhpun ada justifikasinya, saya percaya. Jadi eloklah perkara ini kalau dapat diperjelaskan dengan sebaik-baiknya dalam Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong langkah-langkah Kerajaan mengambil alih jalan-jalan Kerajaan Negeri. Bukan sahaja ini akan meringankan beban Kerajaan Negeri kerana banyak jalan Negeri yang keadaannya teruk, dahsyat sekali perlukan pembaikan, punca maintenancenya tidak ada, tetapi yang lebih penting daripada itu saya berpendapat banyak jalan-jalan Negeri yang memerlukan kepada upgrading. Sudah sampai masanya kita melihat kepada sistem rangkaian jalan-jalan raya di dalam negara kita ini daripada satu sudut daripada kaca mata yang kemaskini dan saya berpendapat.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masanya sudah tiba, saya mesti hentikan perjalanan mesyuarat. Saya minta seorang Menteri membawa usul menangguhkan mesyuarat.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 16 (3), Dewan Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Datuk Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

Persimpangan Bulatan Jalan Kepong

6.32 ptg.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, persimpangan bertingkat di Bulatan Jalan Kepong, Jalan Kuching yang diswastakan akan membolehkan pengusaha tersebut mengutip tol selama 90 tahun iaitu sehingga kos pembinaan diperolehi kembali. Pihak Kerajaan harus menjelaskan butir-butir terperinci seperti sama ada kos kasar atau kos sebenarnya yang diambil kira dalam pengiraan kos pembinaan apakah keuntungan sampingannya akan diperolehi oleh pengusaha jika ia hanya dibenarkan untuk memperolehi kembali kos tersebut. Dalam jangka masa 9 tahun jika terdapat sebarang pembaikan lebuh raya maka siapakah yang akan

bertanggungjawab terhadap pengusaha maka bukannya akan memperlanjatkan jangka masa kutipannya.

Tuan Othman bin Abdul: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk sebentar.

Tuan Othman bin Abdul: Peraturan Mesyuarat 13 (1) korum.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, sila kira. 15 orang Ahli yang hadir. Tidak cukup bilangan. Sila bunyikan loceng.

(*Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 15 Ahli hadir*)

Timbalan Yang di-Pertua: Limabelas orang. Tidak cukup bilangan. Mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan akan bersidang semula pada pukul 3.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.35 petang.